2) *Job Search Allowance*
   Provides job search allowance for a period of 1 to 6 months subject to eligibility of contribution and readiness of Insured Person to return to work.

3) *Early Re-employment Allowance*
   Provides early re-employment allowance as incentive to encourage Insured Persons to return to work immediately

4) *Reduced Income Allowance*
   This allowance is provided to Insured Persons who work for more than one employer and have lost their jobs. However, the Insured Persons who receive this benefit are not eligible to receive Training Allowance and Fees.

5) *Training Allowance*
   This allowance is paid to Insured Persons in the sum of between RM10 to RM20 per day for a period of 6 months (maximum)

6) *Training Fee*
   This training fee is paid for training period of 6 months and will be paid to registered service providers, with a maximum of RM4,000.00.

To be eligible for such benefits, the Insured Person must fulfill the contributions eligibility conditions in accordance with the claim, that is, a minimum of 12 months' contribution within a period of 24 months and may be paid commencing 1st January 2019. However, the employee must meet the contributions eligibility conditions and must be able and ready to work as well as actively search for employment.



Manfaat Pelaksanaan / *Advantages of Enforcement*

Pekerja Yang Hilang Pekerjaan

1) Mengurangkan kesusahan dan kemiskinan serta mengelakkan konflik keluarga
2) Peluang lebih baik untuk mendapatkan pekerjaan baharu yang sesuai
3) Meningkatkan kebolehpekerjaan melalui latihan dan latihan semula

Employee who lost his job

1) *Reduces difficulty and poverty as well as prevents family conflicts*
2) *Better opportunity to obtain a suitable new job*
3) *Improves employability through training and re-training*

Syarikat / Majikan

1) Peningkatan produktiviti
2) Pemberhentian kerja lebih mudah diterima oleh pekerja
3) Kurang tekanan jika berlaku bankrupsi atau pengecualian operasi

Company / Employer

1) *Increase in productivity*
2) *Termination is more easily accepted by employee*
3) *Less pressure in the event of bankruptcy or operational exemption*

Pekerja

1) Perlindungan dan jaminan
2) Mengurangkan keperluan simpanan berhati-hati

Employee

1) *Protection and guarantee*
2) *Reduces need for precautionary savings*

Kerajaan

1) Kestabilan ekonomi semasa kegawatan.
2) Mengurangkan bebanan sosial kerajaan.

Government

1) *Economic stability during recession*
2) *Reduces the government's social burden*

Masyarakat

1) Kestabilan sosial

Society

1) *Social stability*



NILAI KORPORAT, VISI, MISI DAN OBJEKTIF
CORPORATE VALUE, VISION, MISSION AND OBJECTIVE



VISI/*VISION*

Peneraju Keselamatan Sosial Yang Dinamik, Unggul dan Cemerlang.

Social Security Leader that is Dynamic, Outstanding and Excellent.

OBJEKTIF/OBJECTIVE

Menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada semua Orang Berinsurans dan tanggungan mereka menerusi skim-skim keselamatan sosial berasaskan konsep masyarakat penyayang selaras dengan Dasar Pembangunan Negara dan Wawasan 2020.

To provide social security protection to all Insured Persons and their dependants through social security schemes that are based on the concept of a caring society, in line with the National Development Policy and Vision 2020.



NILAI/*VALUE*

PERKESO Prihatin adalah budaya kami yang disemai bersama nilai-nilai murni sejagat agar aspirasi keprihatinan dapat direalisasikan dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan demi kesejahteraan pelanggan.

PERKESO Prihatin (Caring SOCSO) is our culture that we instil together with universally good values so that our aspiration of being caring can be realized in improving the delivery of our service for the well-being of our clients.

MISI/*MISSION*

Memberi perlindungan keselamatan sosial kepada Orang Berinsurans dan tanggungan mereka menerusi skim-skim keselamatan sosial serta memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan demi meningkatkan kesejahteraan sosial Orang Berinsurans.

To provide social security protection to Insured Persons and their dependants through social security schemes as well as raising safety and health awareness to improve their social well-being .

NILAI TERAS BERSAMA
SHARED CORE VALUES

Nilai Teras Bersama menjadi tonggak utama kepada warga PERKESO bagi memastikan Pelan Strategik PERKESO 2016-2020 menjadi realiti. Mengota janji dan berpegang kepada asas utama Perkhidmatan Awam seperti integriti dan semangat kerja berpasukan. Menyemai nilai mulia seperti SENYUM, SALAM, SAPA, SANTUN dan PRIHATIN (S4P) di samping turut berpegang kepada Nilai Teras Bersama dalam mencapai visi dan misi yang dijanjikan. Nilai Teras Bersama iaitu:

Shared Core Values is the main pillar for the SOCSO community in ensuring the SOCSO Strategic Plan 2016-2020 becomes a reality. It is about fulfilling promises and holding on to the basic foundation of Public Service such as integrity and the spirit of teamwork or esprit de corp. It is also about instilling good values such as SENYUM, SALAM SAPA, SANTUN and PRIHATIN (S4P) in addition to also holding on to the Shared Core Values in achieving the promised vision and mission.







FOKUS KEPADA PELANGGAN

Organisasi yang efisyen memerlukan anggota yang cemerlang di dalam memenuhi ekspetasi para pelanggan. Fokus kepada pelanggan dengan memberi perhatian dan tumpuan utama dalam memberikan perkhidmatan terbaik bertaraf dunia.

PRIHATIN

Mempersiap dan membentuk budaya prihatin, sumber manusia yang berkualiti, berpegang kepada nilai kemanusiaan dan prinsip profesionalisme. Keperibadian mulia dan keprihatinan kepada semua stakeholders dan pelanggan menjadi amalan bagi membawa perkhidmatan yang cemerlang dan memenuhi aspirasi rakyat.

KOMPETEN

Mewujudkan semangat daya saing, berkebolehan, keupayaan sebagai pengamal keselamatan sosial (Sosial Security Practitioner) berpotensi, berkomunikasi secara efektif, bekerjasama antara satu sama lain memberikan makna dan implikasi besar kepada pencapaian yang positif dan peningkatan kualiti perkhidmatan.

INOVATIF

Sentiasa bersedia, berketerampilan dan kaya dengan idea kreatif mengilhamkan idea bernas, baharu dan bijaksana dalam mengusahakan penambahbaikan, pembaharuan dan perubahan sesuai dengan persekitaran dan tuntutan masa.

KETEPATAN

Senantiasa meningkatkan nilai kompetensi serta bertindak dengan penuh komitmen, tepat dengan memanfaatkan kepakaran khusus apabila melaksanakan cadangan penyelesaian menerusi proses penambahbaikan setiap tugasan yang dipertanggungjawabkan bagi menghasilkan output dan outcome yang disasarkan.

FOCUS ON CLIENTS

An efficient organisation needs excellent staff in meeting its clients' expectations. It is focused on clients by giving attention and focus on providing the best world-class service.

CARING

To prepare and form a caring culture, human resources of quality, and to hold on to humanitarian values and professionalism. Being honourable and caring towards all stakeholders and clients is a practice to provide excellent service and to fulfil the aspirations of the people.

COMPETENCE

To establish a competitive spirit, to be capable and to have the capacity as a social security practitioner, to have potential and be able to communicate effectively, to cooperate with one another giving meaning and huge implication to positive achievements and improve the quality of service.

INNOVATIVE

To always be prepared, be skilled and rich with creative ideas, to dream of great ideas, new and clever, in working towards improvement, reform and change appropriate for the circumstances and demands of the time.

ACCURACY

To always improve the value of competency, and act with full commitment and accuracy by taking advantage of specific expertise in implementing proposed resolution through the process of improvement of each assignment given, to produce the output and outcome targeted.

PIAGAM PELANGGAN/ *CLIENT'S CHARTER*

SKIM BENCANA PEKERJAAN DAN SKIM KEILATAN (AKTA 4)
EMPLOYMENT INJURY SCHEME AND INVALIDITY SCHEME (ACT 4)

JANJI KAMI *OUR PROMISE*	KPI *KPI*
Membayar Faedah Hilang Upaya Sementara kepada pekerja yang terbencana dalam tempoh 5 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima ***To Pay Temporary Disablement Benefit** to injured employees within 5 days after receipt of all complete information and documents required.*	5 hari *5 days*
Membayar Faedah Hilang Upaya Kekal kepada pekerja yang terbencana dalam tempoh 7 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima. ***To Pay Permanent Disablement Benefit** to injured employees within 7 days after receipt of all complete information and documents required.*	7 hari *7 days*
Membayar Faedah Orang Tanggungan kepada orang tanggungan dalam tempoh 7 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima. ***To Pay Dependant's Benefit** to dependants within 7 days after receipt of all the information and documents required.*	7 hari *7 days*
Membayar Faedah Pencen Ilat kepada pekerja yang layak dalam tempoh 7 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima. ***To Pay Invalidity Pension** to qualified employees within 7 days after receipt of all information and documents required.*	7 hari *7 days*
Membayar Faedah Pencen Penakat kepada orang tanggungan dalam tempoh 7 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima. ***To Pay Survivors' Pension** to dependants within 7 days after receipt of all information and documents required.*	7 hari *7 days*
Membayar Faedah Pengurusan Mayat kepada waris pekerja yang layak dalam tempoh 3 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima. ***To Pay Funeral Benefit** to the next-of-kin of qualified employees within 3 days after receipt of all information and documents required.*	3 hari *3 days*
Mendaftar majikan dan pekerja baru serta memberikan nombor kod majikan PERKESO dalam tempoh 1 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima. ***To register new employers and employees,** as well as provide SOCSO employer code number within 1 day after receipt of all the information and documents required.*	1 hari *1 day*
Mengeluarkan surat akuan penerimaan aduan kepada pengadu dalam tempoh 3 hari dari tarikh aduan diterima. ***To issue acknowledgement of receipt of complaint** to the complainant within 3 days after receipt of such complaint.*	3 hari *3 days*

SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (AKTA 789)
SELF-EMPLOYMENT SOCIAL SECURITY SCHEME (ACT 789)

JANJI KAMI *OUR PROMISE*	KPI *KPI*
● **Memproses dan membayar Faedah Hilang Upaya Sementara** kepada Orang Berinsurans Bekerja Sendiri yang terbencana dalam tempoh 5 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang lengkap diterima. ***To process and pay Temporary Disablement Benefit** to Self-Employed Insured Persons who are injured, within 5 days after receipt of all information and documents required.*	5 hari *5 days*
● **Memproses dan membayar Faedah Hilang Upaya Kekal** kepada Orang Berinsurans Bekerja Sendiri yang terbencana dalam tempoh 7 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang lengkap diterima. ***To process and pay Permanent Disablement Benefit** to Self-Employed Insured Persons who are injured within 7 days after receipt of all information and documents required.*	7 hari *7 days*
● **Memproses dan membayar Faedah Orang Tanggungan** kepada Orang Tanggungan kepada Orang Berinsurans Bekerja Sendiri dalam tempoh 7 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang lengkap diterima. ***To process and pay Dependants' Benefit** to the dependants of Self-Employed Insured Persons within 7 days after receipt of all information and documents required.*	7 hari *7 days*
● **Memproses dan membayar Faedah Pengurusan Mayat** kepada waris Orang Berinsurans Bekerja Sendiri yang layak dalam tempoh 3 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang lengkap diterima. ***To process and pay Funeral Benefit** to the next-of-kin of Self-Employed Insured Persons who are qualified within 3 days after receipt of all information and documents required.*	3 hari *3 days*
● **Membuat pendaftaran Orang Berinsurans Bekerja Sendiri** yang layak serta memberi nombor kod pendaftaran dalam tempoh 1 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima. ***To register Self-Employed Insured Persons** who are eligible, as well as issue registration code number within 1 day after receipt of all information and documents required.*	1 hari *1 day*

SISTEM INSURANS PEKERJAAN (AKTA 800)
EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM (ACT 800)

JANJI KAMI *OUR PROMISE*	KPI *KPI*
Memproses dan membayar Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) kepada pemohon yang layak di bawah Skim Insurans Pekerjaan (SIP) dalam tempoh 14 hari selepas semua dokumen diperlukan lengkap diterima. ***To process and pay Job Search Allowance*** *to applicants who are qualified under the Employment Insurance Scheme within 14 days after receipt of all required documents.*	14 hari *14 days*
Memproses dan membayar Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB) kepada pemohon yang layak di bawah Skim Insurans Pekerjaan (SIP) dalam tempoh 14 hari selepas semua dokumen diperlukan lengkap diterima. ***To process and pay Reduced Income Allowance*** *to applicants who qualify under the Employment Insurance Scheme within 14 days after receipt of all required documents.*	14 hari *14 days*
Memproses dan membayar Elaun Latihan (EL) kepada pemohon yang layak di bawah Skim Insurans Pekerjaan (SIP) dalam tempoh 14 hari selepas semua dokumen diperlukan lengkap diterima. ***To process and pay Training Allowance*** *to applicants who qualify under the Employment Insurance Scheme within 14 days after receipt of all required documents.*	14 hari *14 days*
Memproses dan membayar Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) kepada pemohon yang layak di bawah Skim Insurans Pekerjaan (SIP) dalam tempoh 14 hari selepas semua dokumen diperlukan lengkap diterima. ***To process and pay Early Re-employment Allowance*** *to applicants who qualify under the Employment Insurance Scheme within 14 days after receipt of all required documents.*	14 hari *14 days*
Memproses Yuran Latihan (YL) kepada pemohon yang layak di bawah Skim Insurans Pekerjaan (SIP) dalam tempoh 14 hari selepas semua dokumen diperlukan lengkap diterima. ***To process Training Fees*** *for applicants who qualify under the Employment Insurance Scheme within 14 days after receipt of all required documents.*	14 hari *14 days*

DIREKTORI PEJABAT PERKESO/ DIRECTORY OF SOCSO OFFICES

"Kami akan Memberikan Perkhidmatan Yang Terbaik"
"We will Provide the Best Service"

54 Pejabat PERKESO di Seluruh Negara, *SOCSO Offices Nationwide,*
1 Pusat Rehabilitasi PERKESO. *SOCSO Rehabilitation Centre*

NO	ALAMAT	NO. TEL/NO. FAKS/ EMEL
IBUPEJABAT PERKESO		
1	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur.	Tel: 1300 22 8000 Faks: 03-4256 7798 Emel: perkeso@perkeso.gov.my
JOHOR		
2	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, No. 26, Jalan Susur 5 , Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin 80200 Johor Bahru, Johor.	Tel: 07-225 6600/6000 Faks: 07-223 3180/3190 Emel: pksjbahru@perkeso.gov.my
3	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 34 & 35, Taman Tun Dr. Ismail, Jalan Bakri, 84000 Muar, Johor.	Tel: 06-954 2164/2771 Faks: 06-954 2254 Emel: pksmuar@perkeso.gov.my
4	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 16 & 17, Jalan Setia Jaya, Taman Setia Jaya, 83000 Batu Pahat, Johor.	Tel: 07-433 1333 Faks: 07-432 2724 / 07-431 3009 Emel: pksbpahat@perkeso.gov.my
5	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 28, Jalan Duku, 86000 Kluang, Johor.	Tel: 07-773 3481/7481 Faks: 07-773 9437 / 07-772 5573 Emel: pkskluang@perkeso.gov.my
6	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 13, Jalan Emas, Taman Batu Hampar, 85000 Segamat, Johor.	Tel: 07-933 3300 Faks: 07-932 4490 Emel: pkssegamat@perkeso.gov.my
KEDAH		
7.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO. Lot 186, Jalan Telok Wanjah, 05538 Alor Setar, Kedah.	Tel: 04-774 6666 Faks: 04-733 9840/9870 Emel: pksasetar@perkeso.gov.my
8.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 17, Persiaran Bunga Raya, Langkawi Mall, 07000 Langkawi, Kedah.	Tel: 04-969 8701 / 8702 / 8703 Faks: 04-966 1620 Emel: pkslangkawi@perkeso.gov.my
9.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 30 & 31, Lengkok Cempaka 1, Persiaran Cempaka, Bandar Aman Jaya, 08000 Sg. Petani, Kedah.	Tel: 04-448 1200 Faks: 04-442 9392 Emel: pkssgpetani@perkeso.gov.my
10.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, 582 & 583, Lorong Kemuning 1, Taman Kemuning, 09000 Kulim, Kedah.	Tel: 04-496 2203 Faks: 04-495 1070 Emel: pkskulim@perkeso.gov.my
KELANTAN		
11.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, PT 304 - 307 Seksyen 22, Jalan Kota Darul Naim, 15538 Kota Bahru, Kelantan.	Tel: 09-745 6666 Faks: 09-748 0737 Emel: pkskbahru@perkeso.gov.my
12.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Lot 2441, Mukim Bandar Kuala Krai , Bandar Kuala Krai, 18000 Kuala Krai, Kelantan.	Tel: 09-960 2120 Faks: 09-966 4737 Emel: pkskkrai@perkeso.gov.my

MELAKA		
13.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, Jalan Persekutuan MITC , Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.	Tel: 06-251 6888 Faks: 06-232 6587 Emel: pksmelaka@perkeso.gov.my
NEGERI SEMBILAN		
14.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, Lot 3757, No. 52, Jalan Sungai Ujong, 70000 Seremban, Negeri Sembilan.	Tel: 06-766 9000 Faks: 06-761 2402/2404 Emel: pksseremban@perkeso.gov.my
15.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 8 & 9, Jalan Melang 1, Pusat Komersial Melang, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.	Tel: 06-482 1934 / 1935 Faks: 06-481 4763 / 06-484 2064 Emel: pkskpilah@perkeso.gov.my
PAHANG		
15.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, Jalan Mat Kilau, 25000 Kuantan, Pahang.	Tel: 09-565 8000 Faks: 09-565 8001/8040 Emel: pkskuantan@perkeso.gov.my
15.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 19 & 21, Jalan Sudirman 3, Bandar Baru Seri Semantan, 28000 Temerloh, Pahang.	Tel: 09-290 1702 Faks: 09-296 2415 Emel: pkstemerloh@perkeso.gov.my
15.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, TB – P4, Pusat Perniagaan Ketari, Jalan Ketari, 28700 Bentong, Pahang.	Tel: 09-222 1827 Faks: 09-222 0408 Emel: pksbentong@perkeso.gov.my
PERAK		
19.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, No. 83, Jalan Hospital, 30450 Ipoh, Perak.	Tel: 05-254 5487/ 05-253 8477 Faks: 05-255 7693 Emel: pksipoh@perkeso.gov.my
20.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 2 & 4, Persiaran Taiping, 34000 Taiping, Perak.	Tel: 05-805 7050 Faks: 05-807 8680/0051 Emel: pkstaiping@perkeso.gov.my
21.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 8E/8F, Plot 3000 & 3001, Jalan Raja Chulan, 33000 Kuala Kangsar, Perak.	Tel: 06-482 1934 / 1935 Faks: 06-481 4763 / 06-484 2064 Emel: pkskpilah@perkeso.gov.my
22.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 8-10, Medan Sri Intan , Jalan Sekolah, 36000 , Teluk Intan, Perak	Tel: 05-622 1935 Faks: 05-622 1946 / 05-621 0892 Emel: pkstlintan@perkeso.gov.my
23.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Lot 5399, No. 6 & 7, Jalan Bidor, 35000 Tapah, Perak.	Tel: 05-401 1226 Faks: 05-401 5226 Emel: pkstapah@perkeso.gov.my
24.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No 125 & 126 Jalan PPMP 3/3, Pusat Perniagaan Manjung Point, 32040 Sri Manjung, Perak.	Tel: 05-688 2600 Faks: 05-688 2731 Emel: pkssmanjung@perkeso.gov.my
PERLIS		
25.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No 125 & 126 Jalan PPMP 3/3, Pusat Perniagaan Manjung Point, 32040 Sri Manjung, Perak.	Tel: 05-688 2600 Faks: 05-688 2731 Emel: pkssmanjung@perkeso.gov.my
PULAU PINANG		
26.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, No. 3012, Lebuh Tenggiri 2, 13700 Seberang Jaya Perai, Pulau Pinang.	Tel: 04-388 7666 Faks: 04-388 7688/7677 Emel: pksbutterworth@perkeso.gov.my
27.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, No. 269, Jalan Burma, 10538 Georgetown, Pulau Pinang.	Tel: 04-04-238 9888 Faks: 04-238 9800 Emel: pksppinang@perkeso.gov.my
SABAH		
28.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, No. 11, Lorong Sempelang Tanjung Aru, 88100 Kota Kinabalu, Sabah.	Tel: 088-517 800 Faks: 088-245 819 Emel: pkskinabalu@perkeso.gov.my
29.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Tingkat 1, Bangunan Public Bank, Jalan Merdeka, Peti Surat 80394, 87014 W.P Labuan.	Tel: 087-414 535 Faks: 087-424 613 Emel: pkslabuan@perkeso.gov.my
30.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 4294 & 4295, Lot 1 & 2, Jalan Budi, 91000 Tawau, Sabah.	Tel: 089-779 522/220 Faks: 089-778 441 Emel: pkstawau@perkeso.gov.my

31.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, MDLD 3827 Fajar Centre. Peti Surat 61193. 91120 Lahad Datu, Sabah.	Tel: 089-889 576 / 089-882 627 Faks: 089-884 272 Emel: pksltdatu@perkeso.gov.my
32.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Tingkat 1 & 2, Lot 22, Blok B, ADIKA Commercial Complex , Peti Surat 704, 89008 Keningau, Sabah.	Tel: 087-332 578 Faks: 087-336 722 Emel: pkskeningau@perkeso.gov.my
33.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Lot 203 & 204, Blok 23, Fasa 3, Bandar Prima , Batu 4, 90000 Sandakan, Sabah.	Tel: 089-219 937 / 089-274 243 Faks: 089-272 507 Emel: pkssandakan@perkeso.gov.my
34.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Blok A1, Lot No. 2, Tingkat Bawah, 1 & 2, Bandau Commercial Centre, 89108 Kota Marudu, Sabah.	Tel: 088 – 661 317 Faks: 088 – 661 308 Emel: pkskotamarudu@perkeso.gov.my
35.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 2, Ground Floor, Block A, Beaufort Squara Avenue 2, 89800 Beaufort, Sabah.	Tel: 087 - 223 585 Faks: 087 - 221 585 Emel: pksbeaufort@perkeso.gov.my

SARAWAK

36.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, Lot 436, Section 54, No. 52, Travilion Commercial Centre, Jalan Padungan, 93100 Kuching, Sarawak.	Tel: 082-221 666 Faks: 082-421 940 Emel: pkskuching@perkeso.gov.my
37.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Lot 1184 & 1185, Blok 9 M.C.L.D, Miri Water Front Commercial Centre, 98000 Miri, Sarawak.	Tel: 085-419 800 Faks: 085-422 296/085-416 730 Emel: pksmiri@perkeso.gov.my
38.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, 4D, Jalan Sabu, Peti Surat 301, 95008 Sri Aman, Sarawak.	Tel: 083-322 660 Faks: 083-325 686 Emel: pkssriaman@perkeso.gov.my
39.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 180, Lot 3466, Tingkat Bawah, Tingkat 1 & 2, Parkcity Commerce Square, Jalan Tun Ahmad Zaidi, P. O Box 957, 97008 Bintulu, Sarawak,	Tel: 086-334 617 Faks: 086-331 042 Emel: pksbintulu@perkeso.gov.my
40.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 1 – 5, Lorong Pahlawan 7, Jalan Pahlawan, 96000 Sibu, Sarawak.	Tel: 084-213 066/067 Faks: 084-212 350 Emel: pkssibu@perkeso.gov.my
41.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma Ngieng Ping Toh, Tingkat Bawah & Tingkat 1, Lot 544, Peti Surat 4351, Jalan Airport, 96800 Kapit, Sarawak.	Tel: 084-797 287 Faks: 084-799 287 Emel: pkskapit@perkeso.gov.my
42.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. 3, Sublot 5, Jalan Nenas, 96100 Sarikei, Sarawak.	Tel: 084-654 611 Faks: 084-654 612 Emel: pksarikei@perkeso.gov.my
43.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No. SL6, Lot 2141, New Township Extension, Jalan Green, 96400 Mukah, Sarawak.	Tel: 084-873 530 Faks: 084-873 531 Emel: pksmukah@perkeso.gov.my
44.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Lot 1083, Jalan Buangsiol, Limbang Town District, 98700 Limbang, Sarawak.	Tel: 085-210 742 Faks: 085-210 741 Emel: pkslimbang@perkeso.gov.my
44.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Sublot 9 & 10, Lot 372, Serian Town District, J94700 Serian, Sarawak.	Tel: 082-875 057 Faks: 082-874 500 Emel: pksserian@perkeso.gov.my

SELANGOR

46.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, Lot 141, Seksyen 6, Jalan Selangor, 46990 Petaling Jaya, Selangor.	Tel: 03-7949 8888 Faks: 03-7956 7492 Emel: pkspj@perkeso.gov.my
47.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, 29, Jalan Setia Rawang 1, KM 25, Jalan Ipoh, 48000 Rawang, Selangor.	Tel: 03-6091 6519 / 6937/2427 Faks: 03-6092 1091 Emel: pksrawang@perkeso.gov.my
48.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, No. 2, Jalan Tiara 2 , Bandar Baru Klang. 41150 Klang, Selangor.	Tel: 03-3344 2501 Faks: 03-3342 5255 Emel: pksklang@perkeso.gov.my

49.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Menara PERKESO Putrajaya, No. 6 Persiaran Perdana, Presint 2, 62100 Putrajaya.	Tel: 03-8091 5100 Faks: 03-8091 5001 Emel: pkskajang@perkeso.gov.my
50.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, No.38, Jalan Ria Mas 1, Taman Ria Mas, 45500 Tanjung Karang, Selangor.	Tel: 03-3269 9001 Faks: 03-03-3269 9008 Emel: pkstkarang@perkeso.gov.my

TERENGGANU

51.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, Lot 2467, Jalan Air Jernih, 20538 Kuala Terengganu, Terengganu.	Tel: 09-632 5000 Faks: 09-623 3346 / 09-632 5005 Emel: pkskt@perkeso.gov.my
52.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Lot PT 16086 & Lot PT 16087, Taman Chukai Utama, Jalan Kubang Kurus, 24000 Kemaman, Terengganu.	Tel: 09-850 2054/2057 Faks: 09-858 1068 Emel: pkskemaman@perkeso.gov.my
53.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Lot 8433, Jalan Yahya Ahmad, 23000 Dungun, Terengganu.	Tel: 09-842 3301/3304 Faks: 09-845 8290 Emel: pkskemaman@perkeso.gov.my



WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

54.	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, Wisma PERKESO, No. 155, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.	Tel: 03-2687 2600 Faks: 03-2687 2633 Emel: pkskl@perkeso.gov.my

PEJABAT SISTEM INSURANS PEKERJAAN (SIP)

1.	PEJABAT SISTEM INSURANS PEKERJAAN (SIP), Menara PERKESO Putrajaya, No. 6, Persiaran Perdana, Presint 2, 62100 Putrajaya.	Tel: 03-8091 5300/5205/5169 Faks: 03-8091 5101 Emel: pejabat.sip@perkeso.gov.my

PUSAT REHABILITASI PERKESO TUN ABDUL RAZAK

1.	PUSAT REHABILITASI PERKESO TUN ABDUL RAZAK, Lot PT 7263, Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.	Tel: 06-235 4000 Faks: 06-253 5150 Emel: rehab.perkeso@rehabmalaysia.com



SALURAN KHIDMAT PELANGGAN
CUSTOMER SERVICE CHANNELS



Talian Khidmat Pelanggan
Customer Service Hotline

1 300 22 8000

Laman Sesawang
Website

www.perkeso.gov.my





Pesanan Ringkas (SMS)
Short Messaging System (SMS)

PERKESO ADUAN jarak (pertanyaan anda) jarak (nombor kad pengenalan) Hantar ke 15888

PPERKESO ADUAN space (your query) space (identification card number) Send to 15888

Emel
Email

perkeso@perkeso.gov.my



SISPAA
SISTEM PENGRUSAN ADUAN AWAM

SISPAA
Sistem Pengurusan Aduan Awam.
Public Complaints Management System

perkeso.spab.gov.my

Laman Media Sosial
Social Media Sites

- Facebook: perkeso
- Twitter: perkeso
- Instagram: perkeso.official
- Playstore: goo.gl/HDs95M





Hari Bertemu Pelanggan
Meet the Clients Day

Setiap hari Selasa dan Khamis pertama setiap bulan di Ibu Pejabat dan semua Pejabat PERKESO.

Every Tuesday and first Thursday of the month at the SOCSO Headquarters and all SOCSO offices.

iperkeso

Aplikasi 'iperkeso' melalui aplikasi 'Play Store' (versi android)

Iperkeso application through PlayStore (android version)



TADBIR URUS
GOVERNANCE



PERKESO



TADBIR URUS
GOVERNANCE

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA

CHAIRMAN'S MESSAGE

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Bagi pihak Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), saya selaku Pengerusi Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and Salam Sejahtera. On behalf of the Board of the Social Security Organisation (SOCSO) and as Chairman of the Board, it is my pleasure to present the Annual Report and audited Financial Statement for the fiscal year ending 31st December 2020.

PERKESO

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH

Pengerusi Lembaga

SOCSO Chairman


HANIFFA

SENARIO PERSEKITARAN EKONOMI DUNIA

Landskap ekonomi dunia pada tahun 2020 berdepan dengan transisi yang mencabar ekoran pandemik COVID-19 yang melanda seantero dunia. Krisis kesihatan itu telah mengakibatkan hampir semua aktiviti ekonomi dan sosial terhenti.

Malah menurut laporan Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020 yang disediakan Bank Negara Malaysia (BNM), ekonomi global pada tahun 2020 mengalami kemelesetan terburuk sejak Kemelesetan Besar atau Great Depression. Kemerosotan itu disebabkan pelbagai inisiatif yang giat dilakukan dalam memutuskan penularan penyakit berjangkit berkenaan.

Rentetan daripada isu berkenaan dan dalam keadaan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu, ia turut menjejaskan pasaran buruh terutamanya pada suku kedua tahun 2020 yang mana aktiviti pengeluaran syarikat berkurangan sehingga menjejaskan permintaan dalam negeri, perdagangan luar dan pertumbuhan global.

Secara keseluruhannya, untuk tempoh setahun penuh 2020, ekonomi dan perdagangan global masing-masing menguncup sebanyak 3.5% dan 9.6% berbanding pada tahun 2019 yang berkembang sebanyak 2.9% dan 1.0%.

WORLD ECONOMIC ENVIRONMENT SCENARIO

The economic landscape of the world faced an extremely challenging transition in 2020 following the worldwide COVID-19 pandemic. The health crisis resulted in almost all economic and social activities coming to a halt.

In fact, according to the Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020 (Economic and Monetary Survey 2020) report issued by Bank Negara Malaysia, the global economy in 2020 experienced the worst recession since the Great Depression. The recession resulted from the various initiatives intensely carried out to break the chain of the said infectious disease.

Following the said issue and in the uncertain global economic environment, the labour market was also affected especially in the second quarter of 2020 wherein companies' production activities were reduced to the detriment of domestic demand, external trade and global growth.

Overall, for the whole of 2020, the global economy and trade contracted by 3.5% and 9.6% respectively compared to 2019 when the same grew by 2.9% and 1.0%.

EKONOMI MALAYSIA

Seperti negara lain, Malaysia turut terpalit dengan tempias ketidaktentuan ekonomi sehinggakan ekonomi negara ini pada tahun 2020 menunjukkan prestasi kurang memberangsangkan.

Pada suku kedua 2020, ekonomi negara mencatatkan penguncupan terburuknya sejak 1998 iaitu sebanyak -17.1 peratus susulan impak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0.

Menurut BNM, penguncupan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dipengaruhi oleh kejatuhan semua sektor ekonomi. Sektor Perkhidmatan merekodkan pertumbuhan negatif 5.5% pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak 6.1%. Sektor Pembuatan pula menunjukkan penurunan 2.6% pada tahun 2020 berbanding 3.8% pada tahun 2019. Manakala, bagi Sektor Pertanian, mengalami penyusutan sebanyak 2.2% pada tahun 2020 berbanding 2.0% pada tahun sebelumnya.

Sektor Perlombongan dan Pengkuarian mencatatkan -10.0% pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya iaitu -2.0% dan bagi sektor Pembinaan pula merosot sebanyak 19.4% pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya iaitu 0.1%.

MALAYSIAN ECONOMY

As with other countries, Malaysia was also affected by the uncertain economic environment leading to the country's economy in 2020 showing less encouraging performance.

In the second quarter of 2020, the country's economy recorded its worst contraction since 1998, that is, by -17.1% following the impact of implementation of the Movement Control Order (MCO) 1.0.

According to Bank Negara Malaysia, the contraction of the Gross Domestic Product (GDP) was affected by the fall of all economic sectors. The Services Sector recorded a growth of negative 5.5% in 2020 compared to a growth of 6.1% in 2019. The Manufacturing Sector, on the other hand, showed a reduction of 2.6% in 2020 compared to 3.8% in 2019. Meanwhile, the Agricultural Sector experienced a shrinkage of 2.2% in 2020 compared to 2.0% the previous year.

The Mining and Quarries Sector recorded -10.0% in 2020 compared to -2.0% the previous year. The Construction Sector on the other hand declined by 19.4% in 2020 compared to 0.1% the previous year.

Krisis kesihatan ini turut memberi impak terhadap pasaran buruh sehingga menyumbang kepada kadar pengangguran lebih tinggi iaitu melonjak sebanyak 4.5 % pada tahun 2020 berbanding 3.3 % pada tahun 2019.

This health crisis also impacted the labour market, thus contributing to a higher unemployment rate, an increase of 4.5% in 2020 compared to 3.3% in 2019.

Pandemik COVID-19 turut mengubah landskap pasaran buruh dan sistem perlindungan sosial negara yang mana dahulunya dilihat sebagai program perlindungan sosial yang tidak bersepadu dan bertindih, terdapat jurang dalam liputan perlindungan serta ketidakcukupan program untuk menangani kelemahan secara menyeluruh. Hal ini turut ditekankan oleh BNM dalam laporannya yang menyentuh tentang perlindungan sosial sebagai benteng terhadap kelemahan sosio-ekonomi.

The COVID-19 pandemic has also changed the labour market and social protection system landscape in the country which was previously seen as an unintegrated and overlapping social protection programme. There were gaps in the protection coverage as well as insufficiency of programmes to handle overall weaknesses. This was also emphasised by Bank Negara Malaysia in its report which addressed social protection as a barrier against socio-economic weakness.

Terdapat tiga jenis dasar di bawah perlindungan sosial yang digariskan di dalam laporan yang sama iaitu jaringan keselamatan sosial, insurans sosial, dan dasar pasaran pekerja aktif. Hakikatnya, dasar ini merupakan peranan utama PERKESO sejak penubuhannya di Malaysia dan pandemik ini menjadi 'wake-up call' kepada negara tentang kepentingan perlindungan sosial dalam sosioekonomi negara kerana dasar perlindungan sosial juga berperanan sebagai mekanisme penstabilan makroekonomi yang penting.

There are three types of policies under social protection outlined in the same report, namely, social security network, social insurance and active labour market policies. In reality, these policies have been SOCSO's key role since its establishment in Malaysia and this pandemic has served as a wake-up call to the country, as to the importance of social protection in the country's socio-economy as social protection policy also acts as an essential macro-economic stabilisation mechanism.

PRESTASI PERKESO

SOCSO'S PERFORMANCE

Walaupun berdepan dengan persekitaran ekonomi global dan domestik yang mencabar tahun ini, PERKESO telah mencatat pertumbuhan yang positif. Secara keseluruhannya, jumlah hasil PERKESO bagi tahun 2020 meningkat sebanyak RM137.58 juta atau 2.22% kepada RM6,328.92 juta berbanding RM6,191.35 juta pada tahun 2019.

Despite facing a challenging global and domestic economic environment this year, SOCSO has recorded a positive growth. Overall, the organisation's revenue for 2020 increased by RM137.58 million or 2.22% to RM6,328.92 million compared to RM6,191.35 million in 2019.

Jumlah perbelanjaan PERKESO juga meningkat sebanyak RM682.18 juta atau 13.98% kepada RM5,563.16 juta berbanding RM4,880.99 juta pada tahun 2019.

SOCSO's total expenditure also rose by RM682.18 million or 13.98% to RM5,563.16 million compared to RM4,880.99 million in 2019.

Kutipan caruman pada tahun 2020 mencatatkan peningkatkan sebanyak RM5,044.07 juta berbanding RM 4,782.91 juta pada tahun 2019 didorong oleh inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat Tambahan Perusahaan Kecil & Sederhana (PRIHATIN PKS+), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (KITA PRIHATIN).

Collection of contributions in 2020 recorded an increase of RM5,044.07 million compared to RM4,782.91 million in 2019, pushed by the initiatives introduced by the Government under the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN), the Small & Medium Industry Prihatin Rakyat Plus Economic Stimulus Package (PRIHATIN PKS+), the National Economic Regeneration Plan (PENJANA) and the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package Additional Initiative Framework (KITA PRIHATIN).

Dana Pelaburan PERKESO juga meningkat sebanyak RM29,606.34 juta atau 3.35% berbanding RM28,646.32 juta pada tahun 2019. Manakala, pendapatan pelaburan telah menurun sebanyak 10.51% pada tahun 2020 kepada RM1,093.65 juta daripada RM1,222.08 juta pada tahun 2019.

SOCSO's investment funds also rose by RM29,606.34 million or 3.35% compared to RM28,646.32 million in 2019. Meanwhile, investment income went down by 10.51% in 2020 to RM1,093.65 million from RM1,222.08 million in 2019.

Pandemik COVID-19 secara umumnya telah mempengaruhi strategi yang digunakan untuk menjana pulangan pelaburan. Ini menyebabkan pendapatan keseluruhan yang dijana pada tahun 2020 dari aktiviti-aktiviti pelaburan menurun sebanyak 10.51% kepada RM1,093.65 juta berbanding RM1,222.08 juta yang dijana pada tahun sebelumnya. Jumlah tersebut adalah termasuk rosot nilai untuk ekuiti.

The COVID-19 pandemic, in general, has affected the strategy adopted to generate investment returns. This has resulted in the overall income generated in 2020 from investment activities decreasing by 10.51% to RM1,093.65 million compared to RM1,222.08 million generated the preceding year. The said amount included equity impairment.

TADBIR URUS TERBAIK

PERKESO terus komited bagi memastikan tadbir urus yang baik dipraktikkan selaras dengan peranan dan fungsinya. Pengurusan tertinggi PERKESO amat berdedikasi dan komited dalam meningkatkan dan memperkukuh tadbir urus organisasi selaras dengan penarafan risiko rasuah agensi awam peringkat Rendah oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sebagai menyahut saranan Kerajaan untuk memerangi jenayah rasuah dan salah laku integriti menerusi Pelan Antirasuah Nasional, PERKESO telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat. Antaranya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi yang dikawal selia oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah, memperluas penempatan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) dan pelaksanaan pensijilan Anti Bribery Management System MS ISO 37001.

Usaha berterusan PERKESO dalam memastikan organisasi ini berada di landasan tadbir urus yang baik juga dapat dilihat melalui peranan yang lebih aktif dalam mengawal selia pelaburannya dengan menjalankan pemantauan aktif terhadap setiap aspek operasi dan aktiviti dalam syarikat-syarikat yang dilabur. Ini termasuk memberi tumpuan terhadap bidang berisiko, urus niaga korporat dan pelaporan kewangan, di samping itu juga sentiasa mengemukakan pertanyaan kepada juruaudit berkanun. PERKESO juga merupakan penandatangan Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi untuk memperkukuhkan akauntabiliti dan ketelusan yang tinggi dalam pelaksanaan tanggungjawab pengawasan berkesan ke arah penyampaian nilai jangka panjang mampan kepada penerima manfaat.

BEST GOVERNANCE

SOCSO remains committed in ensuring best governance in line with its role and functions. The top management of SOCSO is extremely dedicated and committed in improving and strengthening the organisation's governance in line with the Low level of public agency corruption rating given by the Agency Integrity Management Division, Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC).

In answering the call of the Government to fight corruption and integrity misconduct through the National Anti-Corruption Plan, SOCSO has undertaken several initiatives in order to foster good governance in the corporate entity. Among such initiatives include the development of the Organisation Anti-Corruption Plan regulated by the Governance, Integrity and Anti-Corruption Centre, expanding the placement of Certified Integrity Officers (CeIO) and implementation of the Anti-Bribery Management System MS ISO 37001 certification.

SOCSO's continued efforts in ensuring the organisation is on a good governance track can also be seen in a more active role in regulating its investments, by engaging in active monitoring on each aspect of operations and activities in the companies invested in. This include focussing on risk areas, corporate business matters and financial reporting, in addition to constantly consulting with statutory auditors. SOCSO is also a signatory to the Malaysian Code for Institutional Investors to consolidate its accountability and high transparency in discharging effective monitoring responsibilities towards sustainable long-term value delivery to benefit recipients.

MELANGKAH KE HADAPAN

Walaupun tidak berdepan dengan masalah kewangan yang serius ekoran COVID-19, PERKESO akan terus mengekalkan momentum pertumbuhan dan memastikan kemampanan dana. Ini sejajar dengan ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 6.0 % hingga 7.5% pada tahun 2021 disokong permintaan luaran meskipun penyebaran pandemik masih belum berakhir.

Sebagai organisasi yang sinonim dengan konsep prihatin, PERKESO akan terus memberi komitmen kepada golongan pekerja sama ada menyediakan perlindungan keselamatan sosial mahupun peluang-peluang pekerjaan menerusi Perkhidmatan Pekerjaan.

PERKESO sentiasa mengambil pendekatan proaktif mengkaji dan menambah baik skim-skim di bawahnya agar bersesuaian dengan perkembangan sosioekonomi semasa. Ini termasuk langkah menangani sebarang implikasi akibat COVID-19 dan strategi mendepani situasi luar jangka seperti pemberhentian pekerja dan pengangguran besar-besaran dalam tempoh panjang yang memberi kesan terhadap pasaran tenaga buruh di Malaysia. Selain itu, penyediaan rangka kerja berkaitan perlindungan sosial yang boleh memberi perlindungan untuk golongan rentan dan yang mudah terjejas.

Justeru, adalah menjadi harapan agar sistem perlindungan sosial negara dapat diperkukuhkan dan seterusnya menyumbang ke arah perkembangan pemulihan ekonomi negara yang lebih mantap.

MOVING FORWARD

Although the organisation has not faced serious financial problems due to COVID-19, SOCSO will continue to maintain a momentum of growth and ensure the sustainability of its funds. This is in line with the Malaysian economy which is expected to grow between 6.0% to 7.5% in 2021, supported by external demands despite the spread of the pandemic which has yet to end.

As an organisation that is synonymous with the concept of caring, SOSCO will continue to give its commitment to employees, whether in providing social security protection or job opportunities through the Employment Services.

SOCSO constantly takes a proactive approach in studying and improving its schemes to suit current socio-economic development. This include handling any implication arising from COVID-19 and the strategy in facing unexpected situations such as termination of employment and long-term mass unemployment which affect the labour market in Malaysia. In addition, a framework related to social protection that can provide protection to the vulnerable and easily affected is prepared.

Hence, it is hoped that the country's social protection system can be strengthened and will subsequently contribute towards a more solid national economic recovery.

CABARAN COVID-19

Mendepani cabaran alaf baharu dalam era COVID-19 sememangnya memberi kesan secara langsung dan ketidakpastian di semua sektor termasuk ekonomi, kesihatan, sosial mahupun pendidikan. Bahkan, impak pandemik COVID-19 menyebabkan berlakunya evolusi dalam landskap sistem perlindungan keselamatan sosial negara di mana situasi ini memberi nafas baharu yang positif terhadap perluasan skim-skim yang diperkenalkan oleh PERKESO.

Cabaran utama yang dihadapi PERKESO dalam mengharungi wabak COVID-19 ini adalah memastikan dasar perlindungan sosial yang lebih komprehensif, inklusif, mampan dan lengkap untuk mencapai objektif yang dihasratkan oleh Kerajaan. Ini ditambah dengan Revolusi Industri 4.0 yang rancak berlaku di seluruh dunia yang memerlukan semua pihak bertindak pantas seiring dengan pembangunan pesat dalam produk berteknologi dan sistem automasi lebih pintar.

COVID-19 CHALLENGES

Facing the challenges of the new millennium in the era of COVID-19 has directly affected and created uncertainties in all sectors including the economic, health, social and educational sectors. In fact, the pandemic has resulted in an evolution of the country's social security protection landscape wherein the situation has led to positive development in terms of the expansion of schemes introduced by SOCSO.

The main challenges faced by SOCSO in fighting the pandemic is to ensure a more comprehensive, inclusive, sustainable and complete social protection policy in order to achieve the objectives desired by the Government. This is in addition to the Industrial Revolution 4.0 that is rampantly taking place worldwide, which requires all parties to act fast in line with the rapid development in technological products and smarter automation systems.

PENGHARGAAN

Saya bagi pihak Lembaga PERKESO ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga dan Ahli Panel Pelaburan atas komitmen yang berterusan dan sokongan padu yang diberikan. Tidak lupa juga penghargaan kepada barisan Pengurusan Atasan PERKESO serta seluruh kakitangan PERKESO yang terus menyokong usaha menghadapi cabaran dan memperkasa perkhidmatan PERKESO untuk kesejahteraan sosial pekerja.

Akhir kata, saya mewakili PERKESO ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pemegang taruh utama dan pengawal selia kami iaitu Kementerian Sumber Manusia, terutamanya YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia dan YB Dato' Awang Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia atas sokongan dan sumbangan berterusan mereka dalam menjadikan PERKESO sebagai peneraju keselamatan sosial yang dinamik dan inklusif di negara ini.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board of SOCSO, I would like to thank all Members of the Board and Members of the Investment Panel for their continued commitment and unwavering support. The highest appreciation also goes to the Top Management of SOCSO as well as all SOCSO staff who continue to support the effort in overcoming challenges and strengthening the organisation's services for the social wellbeing of workers.

Finally, on behalf of SOCSO, I would like to extend the highest appreciation to all key stakeholders and our regulator, the Ministry of Human Resources, especially YB Datuk Seri M. Saravanan, the Minister of Human Resources and YB Dato' Awang Hashim, the Deputy Minister of Human Resources for their continued support and contribution in making SOCSO a dynamic and inclusive leader of social security in the country.

Sekian dan terima kasih.

Thank you.



YBHG. PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH
Pengerusi Lembaga
Chairman of the Board

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
SOCIAL SECURITY ORGANISATION

SENARAI AHLI LEMBAGA PERKESO
LIST OF SOCSO BOARD MEMBERS

Bil *No.*	Nama *Name*	Jawatan *Designation*
1.	Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah	Pengerusi *Chairman*
2.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	Ketua Eksekutif *Chief Executive*
3.	Dato' Jamil Bin Rakon Dilantik mulai 20 Julai 2020 *Appointed with effect from 20th July 2020*	Ahli Mewakili Kementerian Sumber Manusia *Member Representing Ministry of Human Resources*
4.	Dato' Shahrol Anuwar Bin Sarman	Ahli Mewakili Kementerian Kewangan *Member Representing Ministry of Finance*
5.	Datuk Dr. Norhayati Binti Rusli	Ahli Mewakili Kementerian Kesihatan *Member Representing Ministry of Health*
6.	Dato' Ahmad Nadzarudin Bin Abdul Razak	Wakil Majikan *Employers Representative*
7.	Encik Leong Pit Wee	Wakil Majikan *Employers Representative*
8.	Dato' Nathan A/L K Suppiah	Wakil Majikan *Employers Representative*
9.	Datin Hajah Rozilah Binti Abdullah	Wakil Majikan *Employers Representative*
10.	Encik Awang Ali Bin Ahmad Raji @ Amat	Wakil Orang Berinsurans *Insured Persons Representative*
11.	Dato' Haji Adnan Bin Mat	Wakil Orang Berinsurans *Insured Persons Representative*
12.	Dato' Abdul Halim Bin Mansor	Wakil Orang Berinsurans *Insured Persons Representative*
13.	Tuan Haji Mohamad Ibrahim Bin Hamid	Wakil Orang Berinsurans *Insured Persons Representative*
14.	Dr. Arul Raj A/L Rajoo	Wakil Orang Berpengalaman *Representative of Persons with Experience*
15.	Dr. Tanaletchumy A/P Palanisamy	Wakil Orang Berpengalaman *Representative of Persons with Experience*
16.	Datuk Seri Mohd Annuar Bin Zaini	Wakil Orang Berpengalaman *Representative of Persons with Experience*
17.	Encik Rahim Bin Mohamad	Setiausaha Lembaga *Board Secretary*
18.	Encik Abdullah Kamal Bin Ahmad	Penolong Setiausaha Lembaga *Assistant Board Secretary*

Profil Ahli Lembaga
Board Members' Profiles

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH

Pengerusi Lembaga
Chairman of the Board

Profesor Tan Sri Datuk Dr. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berkuatkuasa mulai 15 Jun 2020.

Perjalanan karier beliau bermula daripada bidang perubatan kemudian mengorak langkah dengan menceburi bidang perniagaan dan seterusnya turut terlibat dalam aktiviti kemanusian.

Profesor Tan Sri Datuk Dr . Mohamed Haniffa memiliki Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (MBBS) dari University of Madras pada 1976 dan beliau menjawat jawatan sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (HTAR) (Klang General Hospital) pada tahun 1977 dan di Hospital Sabak Bernam(1978). Kemudian beliau secara sukarela melibatkan diri dalam Angkatan Tentera(1978-1980).

Bagaimanapun, selepas itu, beliau memilih untuk bersara daripada berkhidmat di Sektor Awam dan mula menceburkan diri dalam dunia perniagaan dengan membuka klinik sendiri. Selain itu, beliau juga merupakan Pengasas, Pro-Canselor dan Pengerusi Eksekutif Universiti MAHSA, Pengerusi Eksekutif Kumpulan MAHSA International School, MAHSA GROUP, MAHSA Grocer Sdn Bhd, Group Executive Chairman of MAHSA Dialysis Center dan MAHSA Hospital Sdn. Bhd.

Pada masa ini, beliau masih lagi menyandang jawatan sebagai Pengerusi Pusat Perubatan Menara Telekom. Beliau juga turut terlibat dalam aktiviti sosial termasuk menjadi Ahli Majlis Anti-Dadah dan Narkotik Nasional, Persatuan Perubatan Malaysia dan Pengerusi Eksekutif Badan Amal Islam yang bertindak menguruskan rumah anak yatim.

Professor Tan Sri Datuk Dr Mohamed Haniffa bin Hj Abdullah was appointed to the Board of Directors of the Social Security Organisation (SOCSO) with effect from 15th June 2020.

He began his career in the medical field and later entered the world of business. He also became involved in humanitarian activities.

Professor Tan Sri Datuk Dr Mohamed Haniffa graduated with Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery degrees from the University of Madras in 1976 after which he held the post of a Medical Officer at the Tengku Ampuran Rahimah Hospital in Klang (Klang General Hospital) in 1977. He then served as a medical officer at the Sabak Bernam Hospital in 1978. He also voluntarily involved himself in the Armed Forces from 1978 to 1980.

However, thereafter he chose to retire from Public Service and ventured into the business world by opening his own clinic. In addition, he was also the founder, Pro-Chancellor and Executive Chairman of MAHSA University, the Executive Chairman of the MAHSA International School Group, the MAHSA GROUP, MAHSA Grocer Sdn Bhd. He was also the Group Executive Chairman of the MAHSA Dialysis Centre and MAHSA Hospital Sdn Bhd.

Currently, he still holds the position of Chairman of the Menara Telekom Medical Centre. He is also involved in social activities such as being a member of the National Anti-Drugs and Narcotics Council, the Malaysian Medical Society and the Executive Chairman of Islamic Charitable Organisation which manages orphanages.


HANIFFA

TADBIR URUS
GOVERNANCE



DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED

Ketua Eksekutif PERKESO

SOCSO Chief Executive

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed dilantik sebagai Ketua Eksekutif PERKESO pada 6 April 2015. Beliau telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat dalam Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan oleh Kolej Universiti Sains Perubatan, Cyberjaya. Selain itu, beliau memiliki Ijazah Sarjana Eksekutif Sains (Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Oxford Business College, UK dan juga Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti Malaya (UM). Beliau kini adalah Profesor Adjung di Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, UUM dan Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia.

Dato' Sri Dr Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed was appointed as the Chief Executive of SOCSO on 6th April 2015. He was conferred an Honorary Doctorate in Occupation Safety and Health Management by the Medical Science University College, Cyberjaya. He also holds a Masters Degree in Science (Occupational Safety and Health Management) from Universiti Utara Malaysia, a Master of Business Administration degree from Oxford Business College, UK as well as a Bachelor of Medicine and a Bachelor of Surgery degrees from the University of Malaya. He is now an Adjunct Professor at the Centre for Business Management Studies, Universiti Utara Malaysia and the Centre of Management Studies, Universiti Sains Malaysia.

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman memulakan kerjayanya pada tahun 1993 sebagai doktor perubatan dan pada tahun 2001, beliau merupakan doktor perubatan pertama yang diambil bekerja dengan PERKESO. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar Kanan Operasi pada tahun 2007 dan kemudiannya sebagai Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) pada tahun 2011 sehinggalah beliau dilantik sebagai Ketua Eksekutif pada tahun 2015. Beliau bertanggungjawab dalam penubuhan Pusat Rehabilitasi PERKESO yang serba canggih di samping mengukuhkan komitmen PERKESO dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pencegahan kemalangan, promosi kesihatan pekerja, pengurusan hilang upaya, program Return To Work dan perkhidmatan pekerjaan. Selain daripada perluasan jaringan perlindungan sosial PERKESO, beliau juga memainkan peranan penting dalam peningkatan kutipan caruman, pelaburan, penubuhan Skuad PERKESO Prihatin dan pembangunan portal pekerjaan negara, MYFutureJobs yang menyokong peranan PERKESO sebagai Penyedia Perkhidmatan Awam. Beliau memperkenalkan konsep 'PERKESO Prihatin' dan 'S4P' untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan PERKESO demi kesejahteraan pelanggan.

Dato' Sri Dr Mohammed Azman began his career in 1993 as a medical doctor and in 2001 he became the first medical doctor to be employed by SOCSO. He was promoted to the position of Senior General Manager of Operations in 2007 and was later made the Deputy Chief Executive (Operations) in 2011 until his appointment as the Chief Executive in 2015. He was responsible for the establishment of the sophisticated SOCSO Rehabilitation Centre in addition to the strengthening of the organisation's commitment in occupational safety and health, prevention of accidents, promotion of workers' health, management of disablement, the Return to Work programme as well as employment services. In addition to the expansion of SOCSO's social security protection network, he also played an important role in the increase of contributions collection, investment, establishment of the PERKESO Prihatin Squad and the development of the country's employment portal MYFuture jobs which supports SOCSO's role as a Public Service Provider. He introduced the concepts of 'PERKESO Prihatin' and 'S4P' to solidify SOCSO's service delivery for the clients' wellbeing.

Di bawah kepimpinannya, PERKESO telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat yang terjejas akibat kesan ekonomi ekoran pandemik COVID-19. Ini termasuk Program Pengekalan Pekerjaan, Program Subsidi Upah, PenjanaKerjaya, SIP Prihatin dan PenjanaGig, yang disasarkan kepada golongan majikan, pekerja, penganggur, lepasan sekolah dan universiti serta individu bekerja sendiri.

Under his leadership, the Government has entrusted SOCSO with the implementation of various initiatives to assist the people affected by the economic impacts of the COVID-19 pandemic. These include the Employment Retention Programme, Wage Subsidy Programme, PenjanaKerjaya, SIP Prihatin and PenjanaGig, which are targeted at employers, employees, the unemployed, school leavers, university graduates as well as self-employed individuals.

Daya kepimpinan, kebolehan dan sumbangan beliau turut diiktiraf di peringkat tempatan dan antarabangsa. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Teknikal mengenai Organisasi, Inovasi & Pengurusan dalam International Social Security Association (ISSA), serta Timbalan Presiden Bahagian Antarabangsa Pencegahan dalam Pengangkutan ISSA. Beliau juga adalah Ahli Majlis Vision Zero Global Alliance Council dan terkini, Ahli Lembaga International Association of Industrial Accident Boards and Commissions (IAIABC), Amerika Syarikat. IAIABC telah menganugerahkan beliau dengan Frances Perkins Award, menjadikannya rakyat Malaysia yang pertama menerima anugerah berprestij tersebut.

His leadership, capability and contributions have been recognised both locally and internationally. He is the Chairperson of the International Social Security Association (ISSA) Technical Commission on Organization, Innovation & Management and Vice-President of International Section of the ISSA on Prevention in Transportation. He is also a Member of the Vision Zero Global Alliance Council and a Board Member of the International Association of Industrial Accident Boards and Commissions (IAIABC), USA. The IAIABC has awarded him with the Frances Perkins Award, making him the first Malaysian to receive such a prestigious award.

DATO' JAMIL BIN RAKON

Mewakili Kementerian Sumber Manusia

Representing the Ministry of Human Resources

Dato'Jamil bin Rakon merupakan Ketua Setiausaha di Kementerian Sumber Manusia dan beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO. Beliau dilahirkan pada 18 April 1962 dan merupakan pemegang Sarjana Pengurusan (Sumber Manusia) dari Institusi Pendidikan Australian Institute of Criminology, Canberra(2000), Diploma Pengurusan Awam Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan B.A.(HONS) Universiti Malaya.

Beliau merupakan seorang yang mempunyai pengalaman luas dalam sektor awam dan berkhidmat dengan beberapa kementerian.

Dato' Jamil Rakon telah memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Tadbir, Bahagian Pentadbiran, Ibu Pejabat Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan kemudian berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Cawangan Naziran Perjawatan Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan(1992-2001), Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (2001), Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan JPA (2001-2007), Timbalan Pengarah, Sektor Operasi, Bahagian Perkhidmatan JPA (2007-2013), Timbalan Pengarah Kanan Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama Bahagian Perkhidmatan JPA (2013-2014), Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM) (2014-2015), Setiausaha Bahagian Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KPM (2015-2016), Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPM(2016-2018), Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Dalam Negeri (KDN) (2018-2019), Ketua Setiausaha KDN (2019-2020).

Dato' Jamil bin Rakon is the Secretary General of the Ministry of Human Resources and was appointed as a Member of the SOCSO Board. He was born on 18th April 1962 and holds a Master of Management (Human Resources) degree from the Australian Institute of Criminology, Canberra (200), a Diploma in Public Management from the National Institute of Public Administration (INTAN) and a Bachelor of Arts (Hons.) degree from the University of Malaya.

He has vast experience in the public sector and has served at several ministries.

Dato' Jamil Rakon began his career as an Administrative Officer at the Administration Division, Lembaga Lebuh Raya Malaysia Headquarters. He then served the Ministry of Defence as an Adminsitrative and Diplomatic Officer in the Establishment Inspectorate Branch, Services and Establishment Division (1992-2001). He was also the Assistant Director of the Services Division, JPA (2001, Senior Assistant Director of the Services Division, JPA (2001-2007), Deputy Director of Operations, Services Division JPA (2007-2013), Senior Deputy Director Joint Services Management Branch, Services Department JPA (2013-2014), Senior Deputy Division Secretary, Finance Division, Minsitry of Education (MOE) (2014-2015), Division Secretary, Human Resources Management Division MOE (2015-2016), Deputy Secretary General (Management) MOE (2016-2018), Deputy Secretary General (Management) Ministry of Home Affairs (2018-2019) and the Secretary General of the Ministry of Home Affairs (2019-2020).


JAMIL

TADBIR URUS
GOVERNANCE



DATO' SHAHROL ANUWAR BIN SARMAN

Mewakili Kementerian Kewangan

Representing Ministry of Finance

YBhg. Dato' Shahrol Anuwar bin Sarman dilahirkan di Gelang Patah, Johor pada 22 April 1973. Beliau mendapat pendidikan tinggi di Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kewangan pada tahun 1996. Serta memperoleh Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1998. Seterusnya, beliau melanjutkan pengajian di Universiti Cardiff, Wales, United Kingdom dan dianugerahkan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) pada tahun 2003.

Beliau memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Kewangan Malaysia pada tahun1996 dan pernah berkhidmat di Badan Pencegahan Rasuah (kini dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia-SPRM) pada tahun 2003 serta Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada tahun 2004. Beliau kemudiannya berkhidmat di Jabatan Ketua Menteri Melaka pada tahun 2006 sebelum dilantik sebagai Setiausaha Sulit Kanan Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia pada tahun 2007.

Pada tahun 2012, beliau telah berkhidmat secara peminjaman sebagai Penasihat Kanan kepada Pengerusi Eksekutif Bank Dunia, Washington DC, Amerika Syarikat selama 2 tahun. Beliau kini memegang jawatan sebagai Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan Malaysia. Dato' Shahrol Anuwar bin Sarman telah dianugerahkan Darjah Bentara Setua Mahkota Kelantan (B.S.K) dan darjah Setia Mahkota Pahang (S.M.P) pada tahun 2007, Anugerah Bintang Cemerlang Melaka (B.C.M) tahun 2008 dan Pingat Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P) pada tahun 2016 yang membawa gelaran Dato'.

YBhg. Dato' Shahrol Anuwar bin Saman was born in Gelang Patah, Johor on 22nd April 1973. He received his tertiary eduction at Universiti Teknologi MARA (UiTM) where he earned a Bachelor of Finance (Honours) degree in 1996. He also obtained a Diploma in Public Administration from the National Institute of Public Administration (INTAN) in 1998. He then furthered his studies at the University of Cardiff, Wales, United Kingdom and was awarded a Master of Business Administration (MBA) degree in 2003

He began his career in public service as an Administrative and Diplomatic Officer at the Ministry of Finance Malaysia in 1996 and had once served the Anti-Corruption Agency (now known as the Malaysian Anti-Corruption Commission) in 2003. He then moved to the Ministry of Plantation Industries and Commodities in 2004. He subsequently moved to the Office of the Chief Minister of Melaka in 2006 before being appointed Senior Treasury Confidential Secretary at the Ministry of Finance Malaysia in 2007.

In 2012 he was seconded to Washington DC, United States of America as Senior Advisor to the Chief Executive of the World Bank, a position he held for two years. He now serves as Secretary of the Strategic Investment Division, Ministry of Finance Malaysia. Dato' Shahrol Anuwar bin Saman was conferred the Darjah Bentara Setua Mahkota Kelantan (B.S.K) and the Darjah Setia Mahkota Pahang (S.M.P) in 2007, the Anugerah Bintang Cemerlang Melaka (B.C.M) in 2008 and the Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.MO) in 2016 which carries the title Dato'.

DATUK DR. NORHAYATI BINTI RUSLI

Mewakili Kementerian Kesihatan

Representing Ministry of Health

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli merupakan Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia dan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO mewakili Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perubatan dari Universiti Malaya dan seterusnya Ijazah Sarjana bagi Kesihatan Awam dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Datuk Dr Norhayati binti Rusli is the Director of Disease Control Division, Ministry of Health Malaysia and was appointed to the SOCSO Board of Directors as a Member Representing the Ministry of Health. She obtained a Bachelor of Medicine degree from the University of Malaya and went on to earn a Master's degree in Public Health from Universiti Kebangsaan Malaysia.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli merupakan Pakar Perubatan Kesihatan Awam, dan telah dilantik sebagai Pegawai Kesihatan pertama bagi Pejabat Kesihatan Kuala Lumpur International Airport (KLIA) sebelum menyertai Bahagian Kawalan Penyakit, KKM. Sepanjang beliau berkhidmat di Pejabat Kesihatan KLIA, banyak pencapaian telah beliau capai. Antaranya ialah pengiktirafan daripada World Health Organisation (WHO) sebagai Pintu Masuk Antarabangsa yang pertama di Malaysia yang mematuhi semua keperluan kapasiti dan kapabiliti kesihatan di bawah keperluan International Health Regulation (IHR) 2005. Selain itu, beliau juga terlibat secara aktif dalam menyelaras langkah-langkah pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit di pintu masuk negara antaranya semasa wabak Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS) 2003 dan influenza pandemik pada tahun 2009.

Datuk Dr Norhayati binti Rusli is a Public Health Medicine Specialist and was appointed as the first Health Officer of the Kuala Lumpur International Airport (KLIA) Health Office before joining the Disease Control Division, Ministry of Health. During her time at the KLIA Health Office she had etched many notable achievements, among which include recognition from the World Health Organisation (WHO) as the first International Point of Entry in Malaysia to comply with all the health capacity and capability under the International Health Regualtion (IHR) 2005 requirements. In addition, she was also actively involved in coordinating preventive measures and control of communicable diseases at the country's points of entry during the Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS) epidemic in 2003 and the influenza pandemic in 2009.

Beliau telah meneruskan legasi kecemerlangan dengan turut sama menyumbang menaikkan imej negara di peringkat antarabangsa seperti menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara yang berjaya memenuhi semua keperluan di bawah IHR, 2005 oleh WHO dan beliau juga merupakan salah seorang perintis pengujudkan inisiatif jaringan ASEAN Emergency Operation Centre (ASEAN EOC) yang telah mendapat pujian di peringkat WHO Manila dan Geneva dan seterusnya dijadikan contoh bagi negara-negara rantau WHO yang lain. Beliau juga terlibat aktif dalam menguruskan kesiapsiagaan dan respon wabak dan bencana peringkat kebangsaaan yang mana beliau juga adalah individu yang bertanggungjawab menyelaras data, operasi Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) dan gerakan kawalan COVID-19 ketika mana negara sedang mengalami krisis kesihatan akibat penularan wabak COVID-19.

She continued her legacy of excellence with her contributions in propelling the country's image internationally, such as in the efforts of making Malaysia one of the countries to successfully meet all the requirements under IHR 2005, by the World Health Organisation. She was also one of the pioneers in the creation of the ASEAN Emergency Operation Centre (ASEAN EOC) network which has been praised at WHO Manila and Geneva, subsequently serving as example to the other WHO countries in the region. She is also actively involved in managing the country's preparedness and response towards pandemic and disasters. She is one of the individuals responsible for coordinating data, the operation of the Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) and the COVID-19 movement control as the country experiences the health crisis arising from the spread of COVID-19 pandemic.

Datuk Dr. Norhayati bin Rusli telah dianugerahkan Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M) pada tahun 2020 yang membawa gelaran Dato'.

Datuk Dr Norhayati bin Rusli was conferred the Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M) which carries the title Dato' in 2020.



TADBIR URUS
GOVERNANCE



DATO' AHMAD NADZARUDIN BIN ABDUL RAZAK

Wakil Majikan

Representing Employers

Dato' Ahmad Nadzarudin Bin Abdul Razak merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Golden Pharos Berhad, sebuah syarikat GLC yang tersenarai di sektor sumber semula jadi yang berpusat di Terengganu yang mana beliau telah berjaya memulihkan kerugian Syarikat Pengilang Kayu. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam industri perkayuan, penggergajian, pembuatan, perlombongan, pengurusan fasiliti, pengurusan sampah, penghantaran ekspres, perkhidmatan pos, pembangunan bandar dan bank perdagangan.

Dato' Ahmad Nadzarudin bin Abdul Razak is the Chief Executive Officer of Golden Pharos Berhad, a government-linked company listed in the natural resources sector that is based in Terengganu, where he successfully turned around losses experienced by wood manufacturing companies. He has vast experience in the wood, sawmilling, manufacturing, mining, facilities management, waste management, express delivery, postal services, urban development and merchant banking industries.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Warwick, England pada tahun 1996 dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari University of Houston, Amerika Syarikat pada tahun 1991. Beliau memulakan karier sebagai akauntan di Gulf State Asphalt Co. Inc di Houston, Texas Amerika Syarikat. Antara tahun 1993 hingga 1995, beliau dilantik sebagai penasihat eksekutif kewangan korporat di Asian International Merchant Bankers yang bertanggungjawab mengendalikan proses pengapungan syarikat di bursa saham dan pengumpulan dana. Beliau juga pernah bersama UEM/Renong Group bermula antara tahun 1996 hingga 2003 sebagai Penolong Pengurus pada awalnya sehingga beliau menjawat jawatan Timbalan Pengurus Besar di mana dalam tempoh berkenaan, beliau memegang pelbagai portfolio seperti pengurusan korporat, pembangunan perniagaan, khidmat pengurusan, kad tol pra-bayar dan perolehan rentas sempadan.

He obtained a Masters degree in Business Administration from the University of Warwick, England in 1996 and a Master of Business Administration (Finance) degree from the University of Houston, United States of America in 1991. He began his career as an accountant at Gulf State Asphalt Co Inc. in Houston, Texas. Between 1993 and 1995, he was appointed as a corporate finance executive advisor at the Asian International Merchant Bankers which was responsible for the floating of companies on the stock exchange as well as for funds collection. He also served the UEM/Renong Group from 1996 to 2003, first as an Assistant Manager and subsequently went on to become the Deputy General Manager, during which time he held various portfolios including corporate management, business development, management services, pre-paid toll cards and cross-border procurement.

Kemudian beliau melebarkan sayap bersama kumpulan Pos Malaysia bermula tahun 2003 sehingga 2010 sebagai Ketua Pegawai Operasi(COO) Poslaju. Sumbangan beliau di kumpulan Pos Malaysia adalah pelaksanaan transformasi GLC berprestasi tinggi dan perluasan pasaran syarikat penghantaran National Malaysia yang dikecapi oleh masyarakat pada hari ini. Pada tahun 2011, beliau telah bersama DRB-Hicom Berhad dan bertanggungjawab dalam mengawasi prestasi syarikat induk perkhidmatan utama seperti Alam Flora, Puspakom, Hicom Power dan KL Airport Services. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Panglima Group antara tahun 2012 dan 2017 dengan projek bijih besi di Indonesia.

He then went on to serve the Pos Malaysia group from 2003 to 2010 as the Chief Operation Officer (COO) of Poslaju. Among his contributions there include the transformation of the organisation as a high-performing Government-linked company and the expansion of the National courier service market enjoyed by the public today. In 2011 he moved to DRB-Hicom Berhad and was responsible in monitoring the performance of key services companies such as Alam Flora, Puspakom, Hicom Power and KL Airport Services. He was also the Managing Director of the Panglima Group from 2012 to 2017, with iron ore projects in Indonesia.

Beliau dilantik ke Lembaga PERKESO pada 1 Ogos 2019. Selain itu juga, beliau menganggotai Jawatankuasa Risiko Lembaga dan Jawatankuasa Imbuhan Lembaga PERKESO. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) merangkap Ketua Jawatankuasa Audit MEF. Sumbangan dan kepimpinan beliau terus mendapat pengikhtirafan dengan memenangi pelbagai anugerah seperti Anugerah CEO Masterclass Bumiputera of The Year 2019 daripada Malaysia Digital Chamber of Commerce, Anugerah BestBrands untuk kepimpinan Jenama dalam pembuatan kaca daripada The BrandLauereate, Anugerah Kepimpinan Perniagaan Malaysia bagi sektor pengangkutan dan logistik daripada Dewan Perniagaan Melayu Kuala Lumpur dan Anugerah Penyedia Perkhidmatan Ekspres daripada Frost & Sullivan.

He was appointed to the Board of SOCSO on 1st August 2019. In addition, he became a member of the Board Risk Committee and the SOCSO Board Remuneration Committee. He is also a member of the Malaysian Employers Federation (MEF) cum Head of the MEF Audit Committee. His contributions and leadership continue to be recognised when he received various awards such as the CEO Masterclass Bumiputera of the Year in 2019 from the Malaysian Digital Chamber of Commerce, the Best Brands award for brand leadership in glass manufacturing from the Brand Laureate, the Malaysian Business Leadership award in the transportation and logistics sector from the Malay Chamber of Commerce Kuala Lumpur and the Express Service Provider award from Frost & Sullivan.

ENCIK LEONG PIT WEE

Mewakili Majikan
Representing Employers

Encik Leong Pit Wee telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO Mewakili Majikan berkuatkuasa mulai 21 Ogos 2018. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam sektor korporat dan perakaunan. Beliau bergerak aktif mengetuai pelbagai organisasi antara lain, sebagai Pengarah Pwe Serian (Shell Kiosk) Sdn Bhd sejak tahun 2011, Pengarah Eksekutif Weejadi Investment Holdings Sdn Bhd sejak 2010, Pengarah Eksekutif Taipan Partners Holding Sdn Bhd sejak 2004, Pengarah Eksekutif C.K.K Property Enterprise Sdn Bhd dan C.K.K. Mortgage & Loan Sdn Bhd sejak tahun 1992. Beliau juga merupakan Ahli Persatuan PKS Sarawak.

Beliau juga merupakan Ahli Institut Setiausaha dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA), Institut Setiausaha Syarikat Bertauliah (IACS), Persatuan Syarikat Pembelian Sewa Malaysia (AHPCM) dan Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sarawak (Sheda). Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Sekolah Perniagaan Edinburgh, University Heriot-Watt, United Kingdom pada tahun 1999 dan Diploma Lepasan Ijazah Pentadbiran Perniagaan (1996), Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan daripada Institut B.A, Dublin (1993) serta Sijil Lanjutan Perniagaan (1995).

Mr. Leong Pit Wee was appointed to the SOCSO Board as a member representing employers with effect from 21st August 2018. He is vastly experienced in the corporate and accounting sectors having actively led various other organisations such as the Director of Pwe Serian (Shell Kiosk) Sdn Bhd since 2011, the Executive Director of Weejadi Investment Holdings Sdn Bhd since 2010, the Executive Director of Taipan Partners Holding Sdn Bhd since 2004, the Executive Director of C.K.K Property Enterprise Sdn Bhd and C.K.K Mortgage & Load Sdn Bhd since 1992. He is also a Member of PKS Sarawak.

He is a member of the Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators, the Institute of Accredited Company Secretaries, the Association of Hire Purchase Companies Malaysia and the Sarawak Housing and Real Estate Developers' Association. He holds a Master of Business Administration degree from the Edinburgh School of Business, Heriot-Watt University, United Kingdom, 1999 and also a Post Graduate Diploma in Business Administration (1996). He obtained a Bachelor's degree in Business Administration from the Business Administration Institute, Dublin (1993) as well as an Advanced Business Certificate (1995).


LEONG PIT WEE

TADBIR URUS
GOVERNANCE



DATO' NATHAN A/L K SUPPIAH

Mewakili Majikan

Representing Employers

Dato' Nathan K Suppiah adalah lulusan University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom di mana beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang LL. Ijazah B (Kepujian) pada tahun 1990. Kini, beliau adalah Pengarah Eksekutif Isus JVC Industries Sdn Bhd. Beliau memegang jawatan ini sejak Oktober 2008. Sebelum menjawat jawatan ini, beliau adalah Pengarah Eksekutif Matsushita Display Devices (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat milik penuh Panasonic, Jepun selama lebih 18 tahun. Beliau menganggotai Lembaga Pengarah syarikat seperti SVI Technologies Sdn Bhd, Sunway Cleaners Sdn Bhd, 004 International (MY) Sdn Bhd dan Sri Vengk Industries Sdn Bhd. Selanjutnya, setelah berkhidmat di beberapa jawatan pengurusan kanan di syarikat-syarikat seperti Mulpha International Trading Corporation Berhad dan Lion Group, beliau telah memperoleh banyak pengalaman dan mempunyai pengetahuan kerja yang baik dalam persekitaran pengurusan kanan. Sejak Januari 2019, beliau telah dilantik sebagai salah seorang Anggota Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan sebagai Ahli Jawatankuasa Integriti / Disiplin. Beliau bertanggungjawab terutamanya dalam penubuhan Pusat Latihan Sumber Manusia Panasonic dan pembinaan Pusat Sukan Panasonic di Seksyen 21 Shah Alam. Sebagai anggota Jawatankuasa Sumber Manusia Kumpulan Panasonic, beliau berperanan dalam menubuhkan dana biasiswa untuk pelajar yang layak di universiti tempatan.

Dato' Nathan K Suppiah graduated from the University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom with a Bachelor of Laws degree (LL.B) (Honours) in 1990. He is currently the Executive Director of Isus JVC Industries Sdn Bhd, a position he has held since October 2008. Prior to holding this position, he was the Executive Director of Matsushita Display Devices (M) Sdn Bhd, a fully-owned subsidiary of Panasonic, Japan for over 18 years. He is a member of the Board of Directors of companies such as SVI Technologies Sdn Bhd, Sunway Cleaners Sdn Bhd, 004 International (MY) Sdn Bhd and Sri Vengk Industries Sdn Bhd. Subsequently, after holding several senior management positions in companies such as Mulpha International Trading Corporation Berhad and the Lion Group, he garnered further experience and good working knowledge in the senior management environment. In January 2019 Dato' Nathan was appointed to the Board of Directors of the Social Security Organisation (SOCSO) where he also joined the Integrity/Disciplinary Committee. He was responsible, in particular, for the establishment of the Panasonic Human Resource Training Centre and the construction of the Panasonic Sports Centre in Section 21, Shah Alam. As a member of the Panasonic Group Human Resource Committee, he had a role in establishing a scholarship fund for qualified students in local universities.

Dato' Nathan K Suppiah juga merupakan Naib Presiden dan Anggota Majlis Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM) yang telah lama berkhidmat. Pada masa yang sama, beliau mengetuai Jawatankuasa Sumber Manusia dan sebelumnya pernah berkhidmat sebagai Ketua Jawatankuasa Logistik dan Jawatankuasa Harta Intelek & Penjenamaan. Beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha Majlis Pengirim Nasional Malaysia (MNSC), sebuah NGO di bawah naungan Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI). Beliau merupakan salah seorang anggota Pasukan Petugas Logistik Nasional, Kementerian Pengangkutan. Pada Januari 2019, beliau telah dilantik sebagai salah seorang anggota Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK), Kementerian Sumber Manusia (KSM). Di Persekutuan Pengilang Malaysia Negeri Selangor, beliau merupakan salah seorang Naib Pengerusi dan mengetuai Jawatankuasa Bangunan dan Kewangan sehingga November 2017, Ahli Jawatankuasa Cawangan pada tahun 1997, Ahli Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan & Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Negeri Selangor sehingga 2017.

Dato' Nathan K Suppiah is also a long-serving Vice President and member of the Federation of Manufacturers Malaysia (FMM). At the same time, he heads the Human Resource Committee and prior to that, the Logistics Committee as well as the Intellectual Property & Branding Committee. He was appointed the Secretary General of the Malaysian National Shippers' Council (MNSC), an NGO under the auspices of the Ministry of International Trade and Industries (MITI). He is also a member of the National Logistics Task Force, Ministry of Transport. In January 2019, he was appointed as a member of the National Skills Development Council, Ministry of Human Resources. In the Federation of Malaysian Manufacturers, Selangor, he was one of the Vice Chairmen and headed the Building and Finance Committee until November 2017, a member of the Branch Committee in 1997, a Permanent Member of the Investment, Industrial & Commerce, Small and Medium Industries Committee , Selangor until 2017.

Selain itu, beliau turut memegang jawatan kehormat di beberapa badan bukan kerajaan antaranya sebagai Presiden Persatuan Penganut Sri Maha Mariamman Kota Kemuning, Shah Alam, Pemegang Amanah Sekolah Tamil Emerald di Bukit Kemuning, Shah Alam. Atas jasa dan sumbangannya kepada Korporat dan Komuniti, beliau diberi penghargaan dengan Darjah Setia Mahkota Selangor (SMS) pada tahun 2001 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj Ibni Al- Marhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Al-Haj, Sultan Selangor ketika itu dan Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Mu'adzam Shah Sultan Pahang pada tahun 2011.

In addition, he also held several honorary positions in several non-governmental organisations, among others, the President of the Sri Maha Mariamman Devotees Association, Kota Kemuning, Shah Alam and a Trustee of the Emerald Tamil School, Bukit Kemuning Shah Alam. For his service and contribution in the Corporate sector as well as in the Community,he was conferred the Darjah Setia Mahkota Selangor (SMS) in 2001 by the Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sutlan Hishamuddin Alam Shah Al-Haj, the Sultan of Selangor at the time, and the Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) by the Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Mu'adzam Shah, the Sultan of Pahang in 2011.

DATIN HAJAH ROZILAH BINTI ABDULLAH

Mewakili Majikan
Representing Employers

Datin Hajah Rozilah Abdullah @ Betty Pianus dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO sebagai Anggota Mewakili Majikan mulai 1 Januari 2019. Beliau mempunyai Diploma Pendidikan dan Sarjana Muda TESL. Beliau memulakan kerjayanya sebagai pendidik selama 15 tahun di Montessori Early Childhood Learning, Brunei Darussalam dan kemudian menyertai Jabatan Pendidikan Sabah sehingga tahun 2000. Kini, beliau merupakan Pengarah Urusan Mama Best Food Manufacturer Sdn Bhd dan Pengarah DHARZ F&B LLP. Penglibatannya dalam pembuatan makanan telah mendorongnya untuk menjadi Juruaudit Dalaman Keselamatan Makanan yang diperakui untuk GMP dan Persijilan HACCP.

Beliau adalah Naib Pengerusi bagi pejabat perwakilan Persekutuan Pengilang Malaysia Sabah. Melalui FMM, beliau bekerjasama rapat dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Tenaga Kerja Sabah, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Sabah dan Agensi AntiDoping Nasional Sabah berhubung dengan peluang pekerjaan dan penempatan kerja bagi graduan untuk memenuhi syarat pekerjaan untuk industri Sabah. Beliau terlibat dengan Persatuan Majikan Sabah dalam mengkaji pindaan Ordinan Buruh Sabah. Beliau telah menyumbang kepada pembangunan PKS melalui Persatuan Keusahawanan Sabah sebagai salah seorang ketua iaitu 'Persatuan Usahawan Sabah', 'Dewan Perniagaan Usahawan Sabah', SME @ Universiti Malaysia Sabah dan lain-lain. Beliau juga terlibat secara meluas dalam mengambil bahagian dalam Misi Industri Perdagangan dan Program Pembangunan Perniagaan Keusahawanan yang dianjurkan oleh Kementerian Perindustrian Sabah dan MATRADE.

Datin Hajah Rozilah Abdullah @ Betty Pianus was appointed to the Board of SOCSO as a Member Representing Employers with effect from 1st January 2019. She holds a Diploma in Education as well as a TESL Bachelor's Degree. She began her career spanning a period of 15 years at the Montessori Early Childhood Learning in Brunei Darussalam and later joined the Sabah Department of Education where she served until the year 2000. She is currently the Managing Director of Mama Best Food Manufacturer Sdn Bhd and the Director of DHARZ F7B LLP. Her involvement in food manufacturing has led her to become an accredited Food Safety Internal Audit for GMP and HACCP Certification.

She is the Vice President for the office of representatives of the Federation of Malaysian Manufacturers Sabah. Through FMM, she has worked closely with government agencies such as the Sabah Department of Labour, Sabah Human Resource Development Department and the Sabah National Anti-Doping Agency, with regards to job opportunities and job placements for graduates to meet the employment conditions for the industry in Sabah. She is involved in the Sabah Employers' Association in studying the amendments to the Sabah Labour Ordinance. She has contributed to the development of entrepreneurs through the Sabah Enterpreneurship Associaton as one of its leaders, namely the in the Sabah Enterpreneurs' Association, the Dewan Perniagaan Usahawan Sabah, SME @ Universiti Malaysia Sabah and others. She is also widely involved in the Industrial Commerce Mission and Entrepreneurs' Business Development Programme organised by the Sabah Ministry of Industries and MATRADE.


RAZLAN

TADBIR URUS
GOVERNANCE



TUAN HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN HAJI HAMID

Mewakili Orang Berinsurans

Representing Insured Persons

Tuan Haji Mohamad Ibrahim Haji Hamid A.B.S. telah dilantik menjadi Ahli Lembaga mewakili Orang Berinsurans pada 15 Jun 2020. Pada masa ini dia adalah Pegawai Perhubungan Perusahaan Kesatuan Pekerja Telekom Malaysia Berhad Sarawak (UTES). Sebelum itu beliau adalah Presiden Kesatuan yang sama selama 18 tahun dan pekerja Telekom Malaysia sejak tahun 1977. Pada masa ini, beliau adalah Pengerusi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Bahagian Sarawak dan Anggota Majlis Am di Peringkat Kebangsaan sejak tahun 2001, Naib Presiden Rangkaian Kesatuan Antarabangsa – Pusat Buruh Malaysia (UNI-MLC) sejak tahun 2005, Ahli Panel Mahkamah Perusahaan Malaysia sejak tahun 2005, Ahli Majlis Am Kesatuan Perkhidmatan Pekerja-Pekerja Asean (ASETUC) Malaysia. Pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Koperasi Kerajaan Sarawak dari tahun 2010 hingga 2015. Dia juga dilantik sebagai Penimbang Tara kepada sepuluh kesatuan di Malaysia.

Tuan Haji Mohamad Ibrahim Haji Hamid, A.B.S., was appointed to the Board as a Member Representing Insured Persons on 15th June 2020. He is currently the Communications Officer of the Union of Telecoms Employees Sarawak (UTES). He was previously the President of the Union and had been an employee of Telekom Malaysia from 1977. He is now the Chairman of the Malaysian Trade Unions Congress, Sarawak Division and a Member of the General Council at National level since 2001. He has been a Vice President of the Union Network International - Malaysian Liaison Council (UNI-MLC) since 2005, a Panel Member of the Malaysian Industrial Court since 2005 and a member of the General Council of the ASEAN Services Employees Trade Union Council (ASETUC) Malaysia. He served as a Member of the Board of the Sarawak Government Cooperative from 2010 to 2015 He has also been appointed as an arbitrator of ten unions in Malaysia.

ENCIK AWANG ALI BIN AHMAD RAJI @ AMAT

Mewakili Orang Berinsurans
Representing Insured Persons

Encik Awang Ali bin Ahmad Raji @ Amat dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO Mewakili Orang Berinsurans mulai 1 Ogos 2013. Beliau pernah berkhidmat di Bahagian Operasi, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah dari 1 Mac 1983 hingga 31 Ogos 2004. Mula menyertai Syarikat Sabah Ports Sdn Bhd sebagai Penyelia Operasi setelah Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah diswastakan sepenuhnya pada 1 September 2004. Berpengalaman luas dalam berkesatuan sejak berkhidmat dengan Kerajaan dan terlibat secara langsung dalam penubuhan Kesatuan Pekerja-Pekerja Sabah Ports Sdn Bhd (KPPSPSB) pada 31 Mac 2006. Dipilih sebagai Penolong Setiausaha KPPSPSB pada masa itu dan kemudiannya sebagai Timbalan Presiden dan menjadi Presiden pada 1 November 2011 setelah menang tanpa bertanding.

Encik Awang Ali bin Ahmad Raji @ Amat was appointed to the Board of SOCSO as a Member Representing Insured Persons on 1st August 2013. He served the Operations Division of the Sabah Ports Authority form 1st March 1983 to 31st August 2004. He joined Syarikat Sabah Ports Sdn Bhd as an Operations Supervisor before the full privatisation of the Sabah Ports Authority on 1st September 2004. He has vast experience in unions since serving the Government and was directly involved in the establishment of the Union of Sabah Ports Sdn Bhd Employees on 31st March 2006. He was appointed Assistant Secretary of the Union at the time and was later made the Deputy President, as well as the President on 1st November 2011 after winning uncontested during the elections.

Beliau menjadi Pengerusi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Sabah selepas menang dalam pemilihan pada tahun 2010 dan menang semula tanpa bertanding pada pemilihan sesi 2013 - 2016. Selain dari itu beliau juga telah dilantik oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia sebagai Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) mewakili Sabah, Ahli Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) Sabah mewakili pekerja, Ahli Panel Mahkamah Perusahaan Sabah serta Ahli Jawatankuasa Penilaian Permohonan Penundaan Perlaksanaan Perintah Gaji Minimum 2012.

He became the Chairman of the Malaysian Trade Unions Congress Sabah after winning the election in 2010 and once again won, uncontested, during the 2013-2016 elections. In addition, he was also appointed by the Ministry of Human Resources Malaysia as a member of the National Labour Advisory Council representing Sabah, a member of the Sabah Social Security Appeals Board as a member representing employees, a panel member of the Sabah Industrial Court, as well as a member of the Committee on Evaluation of Application to Postpone the Enforcement of Minimum Wages Order 2012.


AWANG ALI

TADBIR URUS
GOVERNANCE



DATO' HAJI ADNAN BIN MAT

Mewakili Orang Berinsurans

Representing Insured Persons

Dato' Haji Adnan bin Mat telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO pada 15 Jun 2020. Beliau merupakan lulusan Diploma The Royal Society for the Promotion of Health (RSH London) daripada Institut Kesihatan Umum Kuala Lumpur.

Beliau bertugas di Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah dan pada masa ini, beliau merupakan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) setelah dilantik pada tahun 2019.

Dato' Haji Adnan Mat juga adalah Timbalan Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE) dan Pengerusi Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Sains dan Teknologi Dalam Kumpulan Pelaksana.

Selaku Presiden CUEPACS, beliau telah dilantik sebagai Ahli Tetap Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan Kementerian Sumber Manusia Malaysia dan Panel Tatatertib Majlis Perubatan Malaysia. Beliau juga terlibat secara aktif dalam Gerakan Koperasi selaras dengan pelantikan beliau sebagai Setiausaha Koperasi KOSPETA Berhad (Koop Negara No 66).

Dato' Haji Adnan bin Mat was appointed to the Board of SOCSO on 15th June 2020. He graduated with a Royal Society Diploma for the Promotion of Health (RSH London) from the Institute of Public Health, Kuala Lumpur.

He was posted to the Sungai Petani Municipal Counil in Kedah and currently he is the President of the Congress of the Union of Employees in the Public and Civil Services (CUEPACS) after his appointment in 2019.

Dato' Haji Adnan Mat is also the Deputy President of the Amalgamated National Union of Local Authorities Employees (ANULAE) and the Chairman of the Joint National Council for Science and Technology Employees in the Implementer Group.

As President of CUEPACS, he was appointed as a Permanent Member of the National Labour Council of the Ministry of Human Resources Malaysia and sits on the Disciplinary Panel of the Malaysian Medical Council. He is also actively involved in the Cooperative Movement in line with his appointment as the Secretary to Koperasi KOSPETA Berhad (Koop Negara No. 66).

DATO' ABDUL HALIM BIN MANSOR

Mewakili Orang Berinsurans

Representing Insured Persons

Dato' Abdul Halim bin Mansor telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans bermula pada tahun 21 Ogos 2017. Beliau adalah seorang yang berpengalaman luas dalam kesatuan sekerja dan terlibat dengan banyak kajian profesional di peringkat antarabangsa.

Beliau merupakan Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Perusahaan Petroleum dan Kimia (NUPCIW) sejak 1986. Beliau juga adalah Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sehingga Disember 2013 serta dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) dan Panel Mahkamah Perusahaan. Pada masa ini beliau berkhidmat dengan Nylex (Malaysia) Sdn. Bhd. dan merupakan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) (2017 - 2019).

Dato' Abdul Halim bin Mansor was appointed to the Board of SOCSO as a Member Representing Insured Persons with effect from 21st August 2017. He is a person with vast experience in trade unions and has been involved in many professional studies at international level.

He is the Secretary General of the National Union of Petroleum and Chemical Industries Workers (NUPCIW), a post he has held since 1986. He was also the Secretary General of the Malaysian Trade Union Congress (MTUC) until December 2013 and was appointed a member of the National Labour Advisory Council (NLAC) and the Industrial Court Panel. He is currently working with Nylex (Malaysia) Sdn Bhd and is the President of the Malaysian Trade Union Congress (MTUC) (2017-2019).


ABDUL HALIM

TADBIR URUS
GOVERNANCE



DR. ARUL RAJ A/L RAJOO

Wakil Orang Yang Berpengalaman

Representing Persons with Experience

Dr. Arul Raj Rajoo telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO dan beliau mempunyai pengalaman selama 19 tahun dalam bidang perkhidmatan kesihatan dan merupakan Pengarah Urusan Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD).

Beliau juga menyandang jawatan sebagai Pengarah Urusan di Success Healthcare Sdn Bhd, Avatar Healthcare Sdn Bhd, Sinaran Eramedic Sdn Bhd, First Crescent Sdn Bhd, Lucky Garden Medic Services dan Medi Klinik Lee & Goh Sdn Bhd.(2005 sehingga kini).

Beliau merupakan pemegang Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (MBBS). dari M.S.Ramaiah Medical Kolej, Bangalore Universiti, India (2000) dan Licentiate of the Faculty of Occupational Medicine Royal College of Physicians, Ireland. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 2000 sebagai Pegawai Perubatan Latihan Siswazah(House Officer) di beberapa buah jabatan iaitu Obstetrik dan Ginekologi, Ortopedik, Perubatan, Pembedahan dan Pediatrik, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru kemudian di hospital yang sama, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan (Medical Officer) di Jabatan Kecemasan dan Ortopedik (2000-2005).

Dr Arul Raj Rajoo was appointed to the Board of SOCSO and has 19 years of experience in the field of health services. He is the Managing Director of Occupational Health Doctors (OHD).

He is also the Managing Director of Success Healthcare Sdn Bhd, Avatar Healthcre Sdn Bhd, Sinaran Eramedic Sdn Bhd, First Crescent Sdn Bhd, Lucky Garden Medic Services and Medi Klinik Lee & Goh Sdn Bhd (2005 to current day).

He holds a Bachelor of Medicine and a Bachelor of Surgery degrees from M.S. Ramaiah Medical College, Bangalore University, India (2000) and is a Licentiate of the Faculty of Occupational Medicine, Royal College of Physicians, Ireland. He began his career in 2000 as a Graduate Trainee Medical Officer (House Officer) in several departments including Obstetrics and Gynaecology, Medical, Surgery and Paediatrics Departments at Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. He later served as a Medical Officer at the Emergency and Orthopaedic Departments of the same hospital (2000-2005).

DR. TANALETCHUMY A/P PALANISAMY

Wakil Orang Yang Berpengalaman

Representing Persons with Experience

Dr. Tanaletchumy Palanisamy merupakan Pakar Pergigian dan beliau mempunyai klinik pergigiannya sendiri iaitu Surgeri Pergigian Seremban.

Beliau yang merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains (BSc) (Kimia) dari University of Madras, Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (BDS) University of Madras dan Ijazah Sarjana dalam Pembedahan Pergigian(MDS) Universiti of New South Wales itu telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO.

Beliau juga seorang yang aktif dalam arena politik, menyertai parti MIC sejak 1989 dan telah memegang beberapa jawatan iaitu Ahli Majlis Tertinggi MIC Kebangsaan, Ketua Wanita MIC Teluk Kemang dan merupakan Mantan Ketua Wanita MIC Negeri Sembilan(2006-2018).

Beliau turut melibatkan diri dalam beberapa pertubuhan dan menyandang jawatan sebagai Pengerusi Biro Kebajikan Pertubuhan Wanita Negeri Sembilan (NSWO) , AJK Pekerti NS, AJK Persiap Malaysia, AJK Lembaga Pengelola Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRKJT) Java Lane, Seremban, AJK Convent Past Pupils Association, Pengerusi Pertubuhan Wanita MIC Negeri Sembilan dan Ahli Lembaga Shelter Home.

Sebelum ini, beliau merupakan Mantan Ahli Majlis Perbandaran Nilai (2006-2012) dan Mantan Ahli Majlis Perbandaran Port Dickson (2012-2018).

Dr. Tanaletchumy Palanisany is a Dental Specialist and has her own dental clinic, Surgeri Pergigian Seremban..

She holds a Bachelor of Science (BSc) (Chemistry) degree from the University of Madras, a Bachelor of Dental Surgery (BDS) from the same university and a Master of Dental Surgery degree from the University of New South Wales, and was appointed to the Board of SOCSO.

She is active in politics, having joined MIC in 1989 and has held several positions such as member of the Supreme Council of MIC, the MIC Teluk Kemang Women's Chief and is the former Negeri Sembilan MIC Women's Chief (2006-2018).

She is also involved in several organisations and holds the positions of Chairman of Welfare Bureau Negeri Sembilan Women's Organisation, NS Pekerti committee member, Persiap Malaysia committee member, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Java Lane Board of Organisers, committee member of Convent Past Pupils Association, Chairman of the Negeri Sembilan MIC Women's Organisation and Board Member of Shelter Home.

She was previously a Member of the Nilai Municipal Council (2006-2012) and the Port Dickson Municipal Council (2012-2018).



TADBIR URUS
GOVERNANCE



DATO' SERI PANGLIMA MOHD ANNUAR BIN ZAINI

Wakil Orang Yang Berpengalaman

Representing Persons with Experience

Dato' Seri Panglima Mohd Annuar Bin Zaini dilahirkan pada 16 Oktober 1951, berkelulusan Ijazah Master of Arts in Law & Diplomacy dari The Fletcher School of Law & Diplomacy, University Tufts, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) Kepujian dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dato' Seri Panglima Mohd Annuar bin Zaini was born on 16th October 1951 and holds a Master of Arts in Law & Diplomacy from The Fletcher School of Law & Diplomacy, Tufts University, United States of America and a Bachelor of Arts (Economy) (Honours) from Universiti Kebangsaan Malaysia.

Memulakan kerjaya dalam perkhidmatan kerajaan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1977. Berkhidmat di beberapa kementerian dan jabatan kerajaan di peringkat Persekutuan serta Kerajaan Negeri Perak. Pada tahun 1999, beliau memilih bersara secara pilihan daripada jawatan kerajaan untuk menceburkan diri dalam sektor swasta.

He began his career in government service as an Administrative and Diplomatic Officer in 1977, where he served several ministries and government departments at Federal level as well as Perak State Government. In 1999, he opted to retire from government service to go into the private sector.

Beliau diperkenankan lantikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan sebagai Ahli Dewan Negara Perak pada Februari 2004, sebagai Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak pada tahun 2008 disusuli dengan lantikan sebagai Yang Di Pertua Majlis pada Januari 2021. Beliau juga dilantik sebagai Distinguished Fellow Institut Kajian Strategik Dan Hubungan Antarabangsa sejak 2000, ahli Lembaga Pengarah PERKESO dan menganggotai lembaga pengarah beberapa syarikat sendirian berhad.

He was appointed by the Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan as a member of the Dewan Negara Perak in February 2004, as a member of the Majlis Agama Islam and Adat Melayu Perak in 2008, followed by the appointment as the Yang Di Pertua Majlis in January 2021. He was also appointed the Distinguished Fellow of the Institute of Strategic Studies and International Relations in 2000, a member of the Board of SOCSO and sits on the board of directors of several private limited companies.

Beliau pernah diberikan tanggungjawab sebagai Penasihat dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (2007-2009), Pengerusi BERNAMA (Februari 2004 - January 2010), Ahli Lembaga Pengarah The Royal Perak Medical College (2005-2011), Pengarah Eksekutif Berjaya Corporation Berhad (2001-2004), Ahli Lembaga Pengarah Malaysia Airline System Berhad (2005-2011), PLUS Expressways Berhad (2007-2012) dan Tropicana Corporation Berhad (2010-2015). Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaya (2014-2019), Pengerusi University Malaya Specialist Centre (2015-2019), Pengerusi International University of Malaya Wales (2014-2019). Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaya Holding (2017-2019) dan Ahli Lembaga Pengarah (Bebas dan Bukan Eksekutif) Manulife Holdings Berhad, Manulife Insurance Berhad dan Manulife Investment Management (M) Berhad (2011-2020).

He was given responsibility as the Advisor and Chief Executive of the Northern Corridor Implementing Authority (2007-2009), Chairman of BERNAMA (February 2004-January 2010), member of the Board of Directors of the Royal Perak Medical College (2005-2011), Executive Director of Berjaya Corporation Berhad (2001-2004), member of the Board of Directors of Malaysia Airline System Berhad (2005-2011), PLUS Expressways Berhad (2007-2012) and Tropicana Corporation Berhad (2010-2015), member of the Board of Directors of Universiti Malaya (2014-2019), Chairman of University Malaya Specialist Centre (2015-2019), Chairman of the International University of Malaya Wales (2014-2019), member of the Board of Directors of Universiti Malaya Holding (2017-2019) and member of the Board of Directors (Independent and Non-Executive) of Manulife Holdings Berhad, Manulife Insurance Berhad and Manulife Investment Management (M) Berhad (2011-2020).

AHLI PANEL PELABURAN
INVESTMENT PANEL MEMBERS



PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH
Pengerusi
Chairman

Dilantik mulai / *Appointed effective from* 15.06.2020



ZAKRI BIN MOHD KHIR
Pengerusi
Chairman

Tamat Perkhidmatan / *Completion of service* 07.04.2020



DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
Ketua Eksekutif
Chief Executive



AFIDAH AZWA BINTI ABDUL AZIZ
Wakil Kementerian Kewangan
Representative of Ministry of Finance



DATO' NATHAN K. SUPPIAH
Wakil Majikan
Representative of Employers



DATO' HAJI ADNAN BIN MAT
Wakil Orang Berinsurans
Representative of Insured Persons

Dilantik mulai / *Appointed effective from* 15.06.2020



DATUK IDRIS BIN ABDULLAH
Wakil Orang Berpengalaman dalam Perniagaan dan Kewangan
Representative of Persons Experienced in Business and Finance



DATUK SERI JAMIL BIN SALLEH
Wakil Orang Berpengalaman dalam Perniagaan dan Kewangan
Representative of Persons Experienced in Business and Finance

Dilantik mulai / *Appointed effective from* 15.06.2020



NORLELA BINTI BAHARUDIN
Wakil Orang Berpengalaman dalam Perniagaan dan Kewangan
Representative of Persons Experienced in Business and Finance

Dilantik mulai / *Appointed effective from* 15.06.2020



DATUK AZIH BIN MUDA
Wakil Orang Berinsurans
Representative of Insured Persons

Tamat Perkhidmatan / *Completion of service* 15.06.2020



DATO' SERI MOHD ANNUAR BIN ZAINI
Wakil Orang Berpengalaman dalam Perniagaan dan Kewangan
Representative of Persons Experienced in Business and Finance

Tamat Perkhidmatan / *Completion of service* 15.06.2020



LEE KHA LOON
Wakil Orang Berpengalaman dalam Perniagaan dan Kewangan
Representative of Persons Experienced in Business and Finance

Tamat Perkhidmatan / *Completion of service* 15.06.2020

AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN
BOARD COMMITTEE AND INVESTMENT PANEL MEMBERS

Panel Pelaburan 2020
Investment Panel 2020

1. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah
2. Tuan Zakri Bin Mohd Khir
3. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed
4. Puan Afidah Azwa Binti Abdul Aziz
5. Dato' Nathan K. Suppiah
6. Dato' Haji Adnan Bin Mat
7. Datuk Idris Bin Abdullah
8. Datuk Seri Jamil Bin Salleh
9. Puan Norlela Binti Baharudin
10. Datuk Azih Bin Muda
11. Dato' Seri Mohd Annuar Bin Zaini
12. Encik Lee Kha Loon

Nota/Note :

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah	Dilantik mulai / *Appointed effective from* 15.06.2020
Tuan Zakri Bin Mohd Khir	Tamat Perkhidmatan / *Completion of service* 07.04.2020
Dato' Haji Adnan Bin Mat	Dilantik mulai / *Appointed effective from* 15.06.2020
Datuk Seri Jamil Bin Salleh	Dilantik mulai / *Appointed effective from* 15.06.2020
Puan Norlela Binti Baharudin	Dilantik mulai / *Appointed effective from* 15.06.2020
Datuk Azih Bin Muda	Tamat Perkhidmatan / *Completion of service* 15.06.2020
Dato' Seri Mohd Annuar Bin Zaini	Tamat Perkhidmatan / *Completion of service* 15.06.2020
Encik Lee Kha Loon	Tamat Perkhidmatan / *Completion of service* 15.06.2020

Jawatankuasa Audit Lembaga 2020
Board Audit Committee 2020

1. Encik Wee Hock Kee
2. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed
3. Datin Hajah Rozilah Binti Abdullah
4. Encik Andrew Lo Kian Nyan
5. Tuan Haji Mohamad Ibrahim Bin Hamid
6. Encik Rahim Bin Mohamad
7. Hajah Rosmawati Binti Zainuddin
8. Encik Edmund Cheong Peck Huang
9. Encik Ahmad Nazli Bin Othman Mohd
10. Encik Jamil Bin Dahlan
11. Encik Soon Koi Voon
12. Encik Choo Wai

Jawatankuasa Kewangan 2020
Finance Committee 2020

1. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed
2. Dato' Mansor Bin Jusoh
3. Datin Azlaily Binti Abd. Rahman
4. Encik Rosdi Bin Mat Yasin
5. Encik John Riba Anak Marin
6. Hajah Rosmawati Binti Zainuddin

Jawatankuasa Perjawatan 2020
Establishment Committee 2020

1. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed
2. Puan Rosmasilah Binti Omar
3. Encik Che Hamid Bin Che Ahmad

Jawatankuasa Tatatertib 2020
Disciplinary Committee 2020

1. Datuk Dr. Norhayati Binti Rusli
2. Dato' Ahmad Nadzarudin Bin Abdul Razak
3. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato'Aziz Mohammed
4. Encik Borhan Bin Osman

Jawatankuasa Perolehan 2020
Procurement Committee 2020

1. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed
2. Dato' Jamil Bin Rakon
3. Dato' Shahrol Anuwar Bin Sarman
4. Encik Edmund Cheong Peck Huang
5. Sr. Zawiyah Binti Kassim
6. Puan Fadhilah Binti Hamil
7. Puan Nazhatul Shima Binti Hj Maidin
8. Cik Norsariah Binti Abdul Rahman

Jawatankuasa Pusat Rehabilitasi 2020
Rehabilitation Centre Committee 2020

1. Prof. Dr. Muniandy A/L Narasiman
2. Datuk Abu Huraira Bin Abu Yazid
3. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed
4. Encik Borhan Bin Osman
5. Datin Dr. Rameezan Begam Binti Abd Rahim
6. Puan Bathmavathi A/P K Krishnan

Jawatankuasa Pengurusan Prestasi 2020
Performance Management Committee 2020

1. Encik Leong Pit Wee
2. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed
3. Dr Tanaletchumy A/P Palanisamy
4. Dato' Ahmad Nadzarudin Bin Abdul Razak
5. Encik Awang Ali Bin Ahmad Raji @ Amat
6. Encik Edmund Cheong Peck Huang
7. Puan Azleen Binti Ismail
8. Encik Adnan Bin Samsuri

Jawatankuasa Skim Pekerjaan Sendiri 2020
Self Employment Scheme Committee 2020

1. Dato' Amir Bin Omar
2. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed
3. Datuk Muhd. Khair Razman Bin Mohamed Anuar
4. Datuk Nadzim Bin Johan
5. Dato' Haji Aslah Bin Abdullah
6. Encik Faqroul Hafeez Bin Saipuddin
7. Encik Ling Tian Soon
8. Tuan Haji Ahmad Bin Yahya
9. Encik Harisrajudin Bin Alaudin

Jawatankuasa Sistem Insurans Pekerjaan 2020
Employment Insurance System Committee 2020

1. Encik Zakri Bin Mohd Khir
2. Dato' Amir Bin Omar
3. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Mohammed Haniffa Bin Haji Abdullah
4. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed
5. Encik A. Maniam
6. Puan Betty Binti Hasan
7. Dr. Nirwan Bin Noh
8. Dr. Maziah Binti Che Yusoff
9. Dato' Mohd Jeffrey Bin Joakim
10. Encik Wan Zukfli Bin Wan Setapa
11. Encik Awang Raduan Bin Awang Pardi
12. Encik Khalid Bin Jali
13. Encik Zaihan Bin Sukri
14. Encik Sandara Segaran A/L Arumugam
15. Tuan Haji Mohamad Ibrahim Bin Hamid
16. Encik Somahsundram Somoo
17. Datuk Mohamed Shafie Bin Pakiri Mammal
18. Encik Law Kiat Min
19. Datuk Noraini Binti Soltan
20. Dato' Low Kian Chuan
21. Encik Kannan A/L Thangarasu
22. Tuan Haji Ishsam Bin Shahrudin
23. Prof. Datuk Dr. Norma Binti Mansor
24. Encik Keong Meng Sing
25. Encik Vijaymohan A/L Karuppiah
26. Encik Musalman Ahmad Iskandar Shah
27. Encik Mohd Wazid Bin Zaidon

Nota/Note :

Tuan Zakri Bin Mohd Khir	(Sehingga/until 07/04/2020)
Prof. Tan Sri Datuk Dr. Mohammed Haniffa Bin Haji Abdullah	(Dilantik / Appointed 15.06.2020)
Encik A. Maniam	(Dilantik / Appointed 18.03.2020)
Puan Betty Binti Hasan	(Dilantik / Appointed 18.03.2020)
Dato' Mohd Jeffrey Bin Joakim	(Sehingga / Until 06.10.2020)
Encik Wan Zukfli Bin Wan Setapa	(Dilantik / Appointed 15.06.2020)
Tuan Haji Ishsam Bin Shahrudin	(Dilantik / Appointed 18.03.2020)
Encik Law Kiat Min	(Dilantik / Appointed 27.07.2020)
Encik Vijaymohan A/L Karuppiah	(Dilantik / Appointed 18.03.2020)
Encik Tuan Haji Mohamad Ibrahim Bin Hamid	(Sehingga / Until 15.06.2020)

Jadual 1: Kehadiran Mesyuarat Lembaga Tahun 2020
Table 1: Attendance of Board Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah	4 / 4
2.	Tuan Zakri Bin Mohd Khir	1 / 1
3.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	5 / 5
4.	Dato' Shahrol Anuwar Bin Sarman	4 / 5
5.	Dato' Amir Bin Omar	1 / 1
6.	Dato' Jamil Bin Rakon	3 / 4
7.	Datuk Dr. Norhayati Binti Rusli	2 / 5
8.	Encik Awang Ali Bin Ahmad Raji @ Amat	4 / 5
9.	Encik Leong Pit Wee	4 / 5
10.	Dato' Nathan K Suppiah	5 / 5
11.	Encik Wasu A/L Arumugam	1 / 1
12.	Datin Hajah Rozilah binti Abdullah	3 / 4
13.	Dato' Ahmad Nadzarudin Bin Abdul Razak	5 / 5
14.	Encik William Tan See Pin	1 / 1
15.	Dr. Tanaletchumy A/P Palanisamy	4 / 4
16.	Dato' Seri Mohd Annuar Bin Zaini	4 / 5
17.	Datuk Azih Bin Muda	1 / 1
18.	Dato' Haji Adnan Bin Mat	4 / 4
19.	Dato' Abdul Halim Bin Mansor	4 / 4
20.	Encik Mohd Japar Bin Majid	1 / 1
21.	Encik Nadaswaran A/L Murugasu Raja	1 / 1
22.	Haji Mohamad Ibrahim Bin Hamid	4 / 4
23.	Encik Vembarasan A/L Vairakkannu	1 / 1
24.	Dr. Arul Raj A/L Rajoo	4 / 4
25.	Encik Wee Hock Kee (AUDIT)	1 / 1
26.	Encik Yong Hee Kong	5 / 5

Jadual 2: Kehadiran Mesyuarat Khas Lembaga 2020
Table 2: Attendance of Special Board Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah	4 / 4
2.	Tuan Zakri Bin Mohd Khir	1 / 1
3.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	5 / 5
4.	Dato' Shahrol Anuwar Bin Sarman	3 / 5
5.	Dato' Amir Bin Omar	3 / 3
6.	Dato' Jamil Bin Rakon	1 / 2
7.	Datuk Dr. Norhayati Binti Rusli	2 / 5
8.	Encik Awang Ali Bin Ahmad Raji @ Amat	5 / 5
9.	Encik Leong Pit Wee	5 / 5
10.	Dato' Nathan K Suppiah	5 / 5
11.	Encik Wasu a/l Arumugam	1 / 1
12.	Datin Hajah Rozilah Binti Abdullah	3 / 4
13.	Dato' Ahmad Nadzarudin Bin Abdul Razak	5 / 5
14.	Encik William Tan See Pin	1 / 1
15.	Dr. Tanaletchumy A/P Palanisamy	4 / 4
16.	Dato' Seri Mohd Annuar Bin Zaini	5 / 5
17.	Datuk Azih Bin Muda	1 / 1
18.	Dato' Haji Adnan Bin Mat	2 / 3
19.	Dato' Abdul Halim Bin Mansor	4 / 4
20.	Encik Mohd Japar Bin Majid	1 / 1
21.	Encik Nadaswaran A/L Murugasu Raja	1 / 1
22.	Haji Mohamad Ibrahim Bin Hamid	4 / 4
23.	Encik Vembarasan A/L Vairakkannu	1 / 1
24.	Dr. Arul Raj A/L Rajoo	3 / 3
25.	Encik Wee Hock Kee (AUDIT)	2 / 2
26.	Encik Yong Hee Kong	5 / 5

Jadual 3: Kehadiran Mesyuarat Panel Pelaburan 2020
Table 3: Attendance of Investment Panel Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah	5 / 5
2.	Tuan Zakri Bin Mohd Khir	1 / 1
3.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	6 /6
4.	Puan Afidah Azwa Binti Abdul Aziz	4 / 6
5.	Dato' Nathan K. Suppiah	5 / 6
6.	Dato' Haji Adnan Bin Mat	2 / 2
7.	Datuk Idris Bin Abdullah	5 / 6
8.	Datuk Seri Jamil Bin Salleh	5 / 5
9.	Puan Norlela Binti Baharudin	5 / 5
10.	Datuk Azih Bin Muda	1 / 1
11.	Dato' Seri Mohd Annuar Bin Zaini	1 / 1
12.	Encik Lee Kha Loon	1 / 1

Nota:

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah	Dilantik mulai / Appointed effective from 15.06.2020
Tuan Zakri Bin Mohd Khir	Tamat Perkhidmatan / Completion of service 07.04.2020
Dato' Haji Adnan Bin Mat	Dilantik mulai / Appointed effective from 15.06.2020
Datuk Seri Jamil Bin Salleh	Dilantik mulai / Appointed effective from 15.06.2020
Puan Norlela Binti Baharudin	Dilantik mulai / Appointed effective from 15.06.2020
Datuk Azih Bin Muda	Tamat Perkhidmatan / Completion of service 15.06.2020
Dato' Seri Mohd Annuar Bin Zaini	Tamat Perkhidmatan / Completion of service 15.06.2020
Encik Lee Kha Loon	Tamat Perkhidmatan / Completion of service 15.06.2020

Jadual 4: Kehadiran Mesyuarat Khas Panel Pelaburan 2020
Table 4: Attendance of Special Investment Panel Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah	1 / 1
2.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	0 / 1
3.	Puan Afidah Azwa Binti Abdul Aziz	1 / 1
4.	Dato' Nathan K. Suppiah	1 / 1
5.	Dato' Haji Adnan Bin Mat	1 / 1
6.	Datuk Idris Bin Abdullah	1 / 1
7.	Datuk Seri Jamil Bin Salleh	1 / 1
8.	Puan Norlela Binti Baharudin	1 / 1

Nota:

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah	Dilantik mulai / Appointed effective from 15.06.2020
Dato' Haji Adnan Bin Mat	Dilantik mulai / Appointed effective from 15.06.2020
Datuk Seri Jamil Bin Salleh	Dilantik mulai / Appointed effective from 15.06.2020
Puan Norlela Binti Baharudin	Dilantik mulai / Appointed effective from 15.06.2020

Jadual 5: Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga 2020
Table 5: Attendance of Board Audit Committee Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Encik Wee Hock Kee	4 / 4
2.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	4 / 4
3.	Datin Hajah Rozilah Binti Abdullah	4 / 4
4.	Encik Andrew Lo Kian Nyan	2 / 2
5.	Tuan Haji Mohamad Ibrahim Bin Hamid	2 / 2
6.	Encik Rahim Bin Mohamad	4 / 4
7.	Puan Hajah Rosmawati Binti Zainuddin	2 / 2
8.	Encik Edmund Cheong Peck Huang	1 / 1
9.	Encik Ahmad Nazli Bin Othman Mohd	2 / 2
10.	Encik Jamil Bin Dahlan	2 / 2
11.	Encik Soon Koi Voon	1 / 1
12.	Encik Choo Wai	2 / 2

Jadual 6: Kehadiran Mesyuarat Khas Jawatankuasa Audit Lembaga 2020
Table 6: Attendance of Special Board Audit Committee Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Encik Wee Hock Kee	4 / 4
2.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	1 / 1
3.	Datin Hajah Rozilah Binti Abdullah	5 / 5
4.	Encik Andrew Lo Kian Nyan	3 / 5
5.	Tuan Haji Mohamad Ibrahim Bin Hamid	3 / 3
6.	Encik Rahim Bin Mohamad	1 / 2
7.	Puan Hajah Rosmawati Binti Zainuddin	2 / 5
8.	Encik Edmund Cheong Peck Huang	5 / 5
9.	Encik Ahmad Nazli Bin Othman Mohd	5 / 5
10.	Encik Jamil Bin Dahlan	5 / 5
11.	Encik Soon Koi Voon	1 / 1
12.	Encik Choo Wai	3 / 4

Jadual 7: Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan 2020
Table 7: Attendance of Finance Committee Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	4 / 4
2.	Dato' Mansor Bin Jusoh	1 / 1
3.	Datin Azlaily Binti Abd. Rahman	5 / 5
4.	Encik Rosdi Bin Mat Yasin	3 / 5
5.	Encik John Riba Anak Marin	3 / 3
6.	Hajah Rosmawati Binti Zainuddin	1 / 2

Jadual 8 : Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan 2020
Table 8 : Attendance of Procurement Committee Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	6 / 6
2.	Dato' Jamil Bin Rakon	3 / 6
3.	Dato' Shahrol Anuwar Bin Sarman	4 / 6
4.	Encik Edmund Cheong Peck Huang	5 / 6
5.	Sr. Zawiyah Binti Kassim	5 / 6
6.	Puan Fadhilah Binti Hamil	3 / 6
6.	Puan Nazhatul Shima Binti Hj Maidin	6 / 6
6.	Cik Norsariah Binti Abdul Rahman	6 / 6

Jadual 9 : Kehadiran Mesyuarat Khas Jawatankuasa Perolehan 2020
Table 9 : Attendance of Special Procurement Committee Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	7 / 7
2.	Dato' Jamil Bin Rakon	3 / 7
3.	Dato' Shahrol Anuwar Bin Sarman	3 / 7
4.	Encik Edmund Cheong Peck Huang	6 / 7
5.	Sr. Zawiyah Binti Kassim	4 / 7
6.	Puan Fadhilah Binti Hamil	3 / 7
7.	Puan Nazhatul Shima Binti Hj Maidin	6 / 7
8.	Cik Norsariah Binti Abdul Rahman	7 / 7

Nota:

Dato' Mansor Bin Jusoh (Pengerusi Silih Ganti)	Dilantik / Appointed 15.06.2020
Dato' Amir Bin Omar (Sehingga)	Dilantik / Appointed 15.06.2020
Puan Sarima Binti Hj Yasin (Sehingga)	Dilantik / Appointed 15.06.2020

Jadual 10 : Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi 2020
Table 10 : Attendance of Performance Management Committee Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Encik Leong Pit Wee	1 / 1
2.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	0 / 1
3.	Dr Tanaletchumy A/P Palanisamy	1 / 1
4.	Dato' Ahmad Nadzarudin Bin Abdul Razak	1 / 1
5.	Encik Awang Ali Bin Ahmad Raji @ Amat	1 / 1
6.	Encik Edmund Cheong Peck Huang	1 / 1
7.	Puan Azleen Binti Ismail	1 / 1
8.	Encik Adnan Bin Samsuri	1 / 1

Jadual 11 : Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan 2020
Table 11 : Attendance of the Establishment Committee Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	6 / 6
2.	Puan Rosmasilah Binti Omar	6 / 6
3.	Encik Che Hamid Bin Che Ahmad	6 / 6

Jadual 12 : Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib 2020
Table 12 : Attendance of Disciplinary Committee Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Dr. Norhayati Binti Rusli	1 / 1
2.	Dato' Ahmad Nadzarudin Bin Abdul Razak	1 / 1
3.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	1 / 1
4.	Encik Borhan Bin Osman	1 / 1

Jadual 13 : Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak 2020
Table 13 : Attendance of Tun Razak Rehabilitation Center Board Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Prof. Dr. Muniandy A/L Narasiman	1 / 1
2.	Datuk Abu Huraira Bin Abu Yazid	5 / 5
3.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	6 / 6
4.	Encik Borhan Bin Osman	6 / 6
5.	Datin Dr. Rameezan Begam Binti Abd Rahim	5 / 6
6.	Puan Bathmavathi A/P K Krishnan	4 / 5

Jadual 14 : Kehadiran Mesyuarat Khas Lembaga Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak 2020
Table 14 : Attendance of Special Tun Razak Rehabilitation Center Board Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Prof. Dr. Muniandy A/L Narasiman	1 / 1
2.	Datuk Abu Huraira Bin Abu Yazid	5 / 5
3.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	6 / 6
4.	Encik Borhan Bin Osman	6 / 6
5.	Datin Dr. Rameezan Begam Binti Abd Rahim	5 / 6
6.	Puan Bathmavathi A/P K Krishnan	4 / 5

Jadual 15 : Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Skim Pekerjaan Sendiri 2020
Table 15 : Attendance of Self-Employed Employment Injury Scheme Committee Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Dato' Amir Bin Omar	2 / 2
2.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	2 / 2
3.	Datuk Muhd. Khair Razman Bin Mohamed Anuar	1 / 2
4.	Datuk Nadzim Bin Johan	1 / 2
5.	Dato' Haji Aslah Bin Abdullah	1 / 2
6.	Encik Faqroul Hafeez Bin Saipuddin	2 / 2
7.	Encik Ling Tian Soon	1 / 2
8.	Tuan Haji Ahmad Bin Yahya	2 / 2
9.	Encik Harisrajudin Bin Alaudin	2 / 2

Jadual 16 : Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Sistem Insurans Pekerjaan 2020
Table 16 : Attendance of Employment Insurance System Committee Meeting 2020

Bil / *No*	Nama / *Name*	Kehadiran / *Attendance*
1.	Tuan Zakri Bin Mohd Khir	0 / 1
2.	Dato' Amir Bin Omar	1 / 1
3.	Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohammed Haniffa Bin Haji Abdullah	2 / 2
4.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed	3 / 3
5.	Encik A. Maniam	1 / 3
6.	Puan Betty Binti Hasan	3 / 3
7.	Dr. Nirwan Bin Noh	3 / 4
8.	Dr. Maziah Binti Che Yusoff	2 / 4
9.	Dato' Mohd Jeffrey Bin Joakim	3 / 3
10.	Encik Wan Zukfli Bin Wan Setapa	2 / 3
11.	Encik Awang Raduan Bin Awang Pardi	3 / 4
12.	Encik Khalid Bin Jali	4 / 4
13.	Encik Zaihan Bin Sukri	4 / 4
14.	Encik Sandara Segaran A/L Arumugam	1 / 1
15.	Tuan Haji Mohamad Ibrahim Bin Hamid	0 / 1
16.	Encik Somahsundram Somoo	4 / 4
17.	Datuk Mohamed Shafie Bin Pakiri Mammal	4 / 4
18.	Encik Law Kiat Min	2 / 2
19.	Datuk Noraini Binti Soltan	4 / 4
20.	Dato' Low Kian Chuan	4 / 4
21.	Encik Kannan A/L Thangarasu	1 /1
22.	Tuan Haji Ishsam Bin Shahrudin	3 / 3
23.	Prof. Datuk Dr. Norma Binti Mansor	3 / 4
24.	Encik Keong Meng Sing	1 / 1
25.	Encik Vijaymohan A/L Karuppiah	2 / 3
26.	Encik Musalman Ahmad Iskandar Shah	4 / 4
27.	Encik Mohd Wazid Bin Zaidon	3 / 4

Nota:

Tuan Zakri Bin Mohd Khir	(Sehingga /Until 07.04.2020)
Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohammed Haniffa Bin Haji Abdullah	(Dilantik / Appointed 15.06.2020)
Encik A. Maniam	(Dilantik / Appointed 18.03.2020)
Puan Betty Binti Hasan	(Dilantik / Appointed 18.03.2020)
Dato' Mohd Jeffrey Bin Joakim	(Sehingga / Until 06.10.2020)
Encik Wan Zukfli Bin Wan Setapa	(Dilantik / Appointed 15.06.2020)
Tuan Haji Ishsam Bin Shahrudin	(Dilantik / Appointed 18.03.2020)
Encik Law Kiat Min	(Dilantik / Appointed 27.07.2020)
Encik Vijaymohan A/L Karuppiah	(Dilantik / Appointed 18.03.2020)
Encik Tuan Haji Mohamad Ibrahim Bin Hamid	(Sehingga / Until 15.06.2020)

ULASAN TABIR URUS KORPORAT
CORPORATE GOVERNANCE REVIEW

Sebagai sebuah organisasi yang besar dan pengoperasiannya memberi impak kepada ekonomi dan sosial negara, tadbir urus yang terbaik menjadi amalan secara berterusan kerana PERKESO percaya bahawa tingkah laku beretika, kebertanggungjawaban, ketelusan dan kemampanan akan menghasilkan nilai jangka panjang.

As a large organisation whose operations impact the economy and the social environment of the country, the best governance becomes a continued practice as SOCSO believes that ethical behaviour with a sense of responsibility, transparency and sustainability will produce long-term values.

Sebagai sebuah organisasi yang diterajui oleh Lembaga Pengarah, tiga (3) prinsip utama dalam struktur amalan tadbir urus korporat yang baik menjadi panduan iaitu:

As an organisation that is headed by a Board of Directors, three (3) key principles in the structure of good corporate governance serve as guidance, namely:

Prinsip 1:
Principle 1:



Kepimpinan Dan Keberkesanan Lembaga Pengarah;
Leadership and Effectiveness of the Board of Directors;

Prinsip 2:
Principle 2:



Audit dan Pengurusan Risiko Yang Berkesan;
Audit and Effective Risk Management;

Prinsip 3:
Principle 3:



Integriti dalam pelaporan korporat dan hubungan baik dengan pihak berkepentingan.
Integrity in corporate reporting and good relationship with stakeholders.

Ketiga-tiga prinsip ini juga menyokong kepada Garis Panduan Mengenai Peranan Dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah Dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan yang menjadi amalan tadbir urus PERKESO sejak sekian lama.

These three principles also lend support to the Guidelines on the Roles and Resposiblities of the Ministry, Board of Directors and Chief Executive in the Management of Federal Statutory Bodies, which have long been SOCSO's practice of governance.

Pengurusan Tertinggi PERKESO komited untuk memantapkan tadbir urus yang baik dengan membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa serta pengamalan nilai-nilai yang murni. Sejajar dengan aspirasi Kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dalam memastikan Malaysia dikenali dengan integritinya dan bukan kerana rasuahnya.

SOCSO's top management is committed to strengthening good governance with the enculturation of integrity practices in service delivery, through compliance of the laws, regulations and orders in force as well as the practise of good values. This is in line with the Government's aspirations in the National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023, to ensure that Malaysia is known for its integrity and not for its corruption.

TADBIR URUS
GOVERNANCE

PERKESO menyahut saranan kerajaan bagi memperkasakan usaha pencegahan rasuah melalui kerangka yang diilhamkan di dalam NACP terutama di dalam Bab 3 NACP yang mana beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh PERKESO bagi memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat. Antaranya membangunkan Pelan Anti rasuah Organisasi yang dikawal selia oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan Institut Integriti Malaysia (IIM), memperluas penempatan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) dan usaha ke arah pensijilan Anti Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001.

SOCSO rises to the call from the government to strengthen efforts in preventing corruption through the framework designed in the NACP especially in Chapter 3 thereof where several initiatives have been implementd by SOCSO to foster good governance in its corporate entity. Among such initiatives include the development of the Orgnisation's Anti-Corruption Plan which is regulated by the Governance, Integrity and Anti-Corruption centre, Malaysian Anti-Corruption Commission and the Integrity Institute of Malaysia, the expansion of placement of Accredited Integrity Officers (CeIO) and the efforts towards obtaining the Anti-Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001 certification.

PERKESO juga merupakan salah satu agensi yang diletakkan di bawah Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Companies – GLC), syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan penubuhan Bahagian Integriti PERKESO adalah berlandaskan garispanduan Pengurusan Unit Integriti Dan Governans yang dikeluarkan oleh SPRM. Bahagian Integriti PERKESO diselia sepenuhnya oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM bertanggungjawab;

SOCSO is also one of the agencies placed under Government-Linked Companies (GLC), companies owned by the Government and government agencies including those under State Governments, by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC). The establishment of SOCSO's Integrity Division is based on the guidelines for Integrity and Governance Management Unit issued by MACC. SOCSO's Integrity Division, fully regulated by the Agency Integrity Management Division of MACC, is responsible for:



Mengawal selia, memantau dan menyelaras pelaksanaan pengurusan fungsi Unit Integriti dan Governan (IGU);
Regulating, monitoring and coordinating the management of functions of the Integrity and Governance Unit (IGU);



Memberi khidmat nasihat dalam pelaksanaan fungsi IGU;
Providing advisory service in the implementation of the Unit's functions;



Melaksanakan penarafan risiko organisasi bagi menetapkan struktur IGU yang bersesuaian. Taraf risiko dikelaskan kepada tinggi, sederhana atau rendah. Penarafan semula risiko organisasi dilaksanakan setiap tiga tahun atau mengikut keperluan; dan
Implementing the organisation's risk ratings in order to determine a suitable IGU structure;



Mengumpul bahan-bahan pencegahan rasuah dan pengurusan integriti di peringkat dalam dan antarabangsa untuk rujukan IGU.
Collecting materials on prevention of corruption and management of integrity at local and international levels for IGU's reference

PERKESO juga diberi penarafan sebagai agensi yang berisiko rendah berlakunya rasuah oleh BPIA. Penilaian penarafan risiko ini dijalankan setiap tiga (3) tahun atau berdasarkan permintaan mengikut keperluan.

SOCSO is rated by the Agency Integrity Management Division as an agency with low risk of corruption.

Pemantapan Tadbir Urus Unit Integriti dan Governans (IGU) PERKESO
Consolidation of Governance of SOCSO's Integrity and Governance Unit

Bagi memantap dan memperkukuhkan pengurusan integriti dan governans di PERKESO, mekanisme pelaksanaan Bahagian Integriti PERKESO dikajisemula bersesuaian yang fungsi dan peranannya yang mampu memberi impak kepada organisasi khususnya dalam memastikan pengurusan tertinggi dan anggota menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti dalam governans korporat agar kepentingan pemegang taruh (stakeholder) sentiasa diutamakan, diperkasa dan dilindungi.

Penggabungan antara Bahagian Integriti dan Cawangan Anti Fraud di bawah Bahagian Audit Dalam pada September 2020 sebagai Cawangan Etika dan Pematuhan melengkapkan fungsi teras yang ditetapkan oleh BPIA yang mana Jawatankuasa Audit Lembaga (JKAL) akan bertindak sebagai sebuah jawatankuasa bebas untuk memantau pelaksanaan Cawangan Etika dan Pematuhan (IGU) dan membantu Lembaga mengawasi keseluruhan isu rasuah, penipuan, penyelewengan dan tingkah laku yang tidak beretika dalam organisasi.

To consolidate and strengthen the management of integrity and governance in SOCSO, the implementing mechanism of its Integrity Division is reviewed for the suitability of its functions and roles which can impact the organisation specifically in ensuring that the top management and staff carry and uphold the principles of integrity as well as accountability in corporate governance. This is to ensure that the interest of stakeholders is always prioritised, strengthened and protected

The consolidation of the Integrity Division and the Anti-Fraud Branch under the Internal Audit Dvision in September 2020 to become the Ethics and Compliance Branch completes the core function stipulated by the Agency Integrity Management Division wherein the Board Audit Committee will act as an independent committee to monitor the actions of the Ethics and Compliance Branch (IGU) and assist the Board in overseeing the overall issues of corruption, fraud, misappropriation and unethical behaviour in the organisation.



Fungsi Teras Cawangan Etika Dan Pematuhan PERKESO
Core Functions of SOCSO's Ethics and Compliance Branch



Rangkaian Pengurusan Unit Integriti & Governans PERKESO
Chain of Management of SOCSO's Integrity & Governance Unit

Walaupun tahun 2020 menyaksikan negara menempuhi krisis kesihatan akibat penularan pandemic COVID-19, PERKESO tetap memastikan usaha penambahbaikan dari semasa ke semasa dalam tadbir urus sentiasa dilaksanakan antaranya:

Although the year 2020 saw the country facing a health crisis arising from the COVID-19 pandemic, SOCSO continued to ensure that improvements in its governance are implemented from time to time, among others:

Pengurusan Risiko Rasuah
Corruption Risk Management

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah atau Corruption Risk Management (CRM) merupakan satu mekanisme pemantauan dalam memperkasakan tadbir urus terbaik di Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) bagi menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam organisasi menerusi penyediaan pengurusan risiko rasuah yang sempurna dan sistematik. CRM turut dinilai bersama-sama penilaian tahap risiko yang ada di dalam sistem QRadar. Melalui tahap penilaian tersebut, PERKESO mendapati lima (5) bahagian iaitu Bahagian Perolehan, Bahagian Faedah, Bahagian Pencegahan Perubatan dan Pemulihan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Strategi dan Transformasi berada di tahap berisiko tinggi. Justeru itu, penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah yang sistematik dan bersifat menyeluruh adalah perlu dalam usaha merangka strategi dan pendekatan bagi mencegah risiko perlakuan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan di PERKESO melalui pelbagai cadangan tindakan beserta sasaran yang ditetapkan di bawah pelan tindakan CRM.

The Corruption Risk Management (CRM) Plan is a monitoring mechanisme used in strengthening the best governance within the Social Security Organisation (SOCSO), to close up any space and opportunity for corruption, abuse of power and misappropriation within the organisation through the provision of a proper and systematic plan. CRM is evaluated together with the evaluation of existing risks in the QRadar system. Through such evaluation, SOCSO finds that five (5) divisions, namely, the Procurement Division, Benefits Division, Prevention, Medical and Rehabilitation Division, Management Services Division and the Strategy and Transformation Division are at a high-risk level. Hence, the provision of a systematic and comprehensive Corruption Risk Management Plan is needed in the effort to design a strategy and approach in preventing the risks of corruption, abuse of power and misappropriation within the organisation. This is done through various proposals for action as well as targets determined under the CRM action plan.



Pelan Antirasuah PERKESO 2020-2024
SOCSO Anti-Corruption Plan 2020-2024

Tahun 2020 PERKESO membangunkan Pelan Antirasuah PERKESO sebagai salah satu komitmen berterusan dalam memperkasakan usaha pencegahan dan amalan rasuah dapat dihapuskan. Pembangunan Pelan Antirasuah PERKESO ini juga memenuhi hasrat Kerajaan dalam memperkukuh kecekapan perkhidmatan awam sepertimana di dalam NACP.

In 2020 SOCSO developed its Anti-Corruption Plan as part of its continued commitment in consolidating its efforts towards the prevention and eradication of corrupt practices. The development of this plan also fulfilled the Government's objective to strengthen the efficiency of its public services as set out in the NACP.

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH PERKESO

SOCSO ANTI-CORRUPTION PLAN FRAMEWORK

PELAN ANTI RASUAH PERKESO 2020-2024

SOCSO ANTI-CORRUPTION PLAN 2020-2024

VISI VISION:	KE ARAH PERKESO BEBAS RASUAH MENJELANG 2024 *TOWARDS A SOCSO THAT IS FREE FROM CORRUPTION BY 2024.*			
MISI MISSION:	MEMANTAPKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI PERKESO DALAM MELAKSANAKAN PERUNDANGAN KESELAMATAN SOSIAL DI MALAYSIA *CONSOLIDATING SOCSO'S EFFICIENCY, TRANSPARENCY AND ACCOUNTABILITY IN IMPLEMENTING SOCIAL SECURITY PROTECTION IN MALAYSIA.*			
OBJEKTIF OBJECTIVES:	MENGURANGKAN KETIRISAN KEWANGAN *TO REDUCE FINANCIAL LEAKS.*	MENINGKATKAN KESEDARAN ANGGOTA UNTUK MELAPORKAN KESALAHAN RASUAH DAN SALAHLAKU INTEGRITI *TO RAISE AWARENESS AMONG STAFF IN REPORTING CORRUPTION OFFENCES AND INTEGRITY MISCONDUCT.*	MENGURANGKAN SALAHLAKU INTEGRITI DI KALANGAN ANGGOTA PERKESO *TO REDUCE INTEGRITY MISCONDUCT AMONG SOCSO STAFF*	
BIDANG KEUTAMAAN KEY AREAS:	PENGURUSAN & PENTADBIRAN *MANAGEMENT & ADMINISTRATION*	PEROLEHAN *PROCUREMENT*	PENGOPERASIAN *OPERATIONS*	
STRATEGI STRATEGY:	MEMPERKUKUHKAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI *ENHANCE ACCOUNTABILITY AND INTEGRITY*	MENINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN *INCREASE EFFECTIVENESS AND TRANSPARENCY IN PROCUREMENT*	MENINGKATKAN KOMPETENSI ANGGOTA DAN KETELUSAN PENTADBIRAN *IMPROVE COMPETENCY OF STAFF AND ADMINISTRATIVE TRANSPARENCY*	

Ke Arah Persijilan MS ISO 37001:2016 Anti Bribery Management System (ABMS)

Towards MS ISO 37001:2016 Anti Bribery Management System (ABMS) Certification

PERKESO juga mengambil inisiatif ke arah Persijilan MS ISO 37001:2016 ABMS sebagai petunjuk bahawa PERKESO mempunyai "tatacara mencukupi" yang dapat membantu organisasi melaksanakan langkah yang munasabah dan seimbang untuk mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap rasuah. Intipati persediaan ke arah persijilan ini terbit daripada hasil Pelan Antirasuah PERKESO dan juga Corruption Risk Management (CRM). Dengan adanya persijilan ini dapat membantu PERKESO secara berterusan memastikan penambahbaikan pengurusan antirasuah dapat dipantau secara berkesan.

Pelan CRM PERKESO, Pelan Antirasuah PERKESO 2020-2024 dan Persijilan MS ISO 37001:2016 ABMS berupaya menjadi pendorong kepada ketersediaan Pusat Rehabilitasi PERKESO Sdn. Bhd sebagai sebuah entiti organisasi korporat yang bersifat komersil ke arah tadbir urus yang lebih telus dan berintegriti di samping mempunyai 'tatacara mencukupi' bagi memastikan isu-isu ketirisan dan rasuah dalam organisasi dapat dielakkan.

SOCSO has taken initiatives towards the MS ISO 37001:2016 ABMS certification as an indicator that the organisation has sufficient procedures in place that can help it implement reasonable and balanced measures to prevent, detect and react towards corruption. The gist of preparation towards such certification arose out of the SOCSO Anti-Corruption Plan and the Corruption Risk Management (CRM) plan. With the certification in place, SOCSO will be able to continuously ensure effective monitoring of its anti-corruption management improvements.

The SOCSO CRM plan, the SOCSO Anti-Corruption Plan 2020-2024 and the MS ISO 37001:2016 ABMS Certification shall be capable of becoming catalysts for the preparedness of Pusat Rehabilitasi PERKESO Sdn Bhd as a commercial corporate entity towards more transparent governance, with integrity, in addition to having sufficient procedures in ensuring prevention of leaks and corruption in the organisation.



PERKESO

KEPIMPINAN DAN PROFESIONALISME
LEADERSHIP AND PROFESSIONALISM



PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF
STATEMENT BY THE CHIEF EXECUTIVE

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

2020 merupakan tahun penuh pancaroba di mana kita terpaksa berhadapan dengan satu keadaan begitu sukar yang tidak pernah berlaku dalam sejarah negara. Ini melibatkan krisis kesihatan dan ekonomi yang berlaku serentak akibat pandemik COVID-19.

Penularan COVID-19 peringkat global sejak akhir tahun lalu telah memberi impak besar terhadap ekonomi di seluruh dunia. Malaysia juga tidak terkecuali apabila ekonominya mengalami kemelesetan hingga menguncup pada kadar 5.6 peratus.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and Salam Sejahtera.

The year 2020 had been a year of unrest where we have had to face an unprecedented difficult period in the history of this country. This involved both health and economic crises that occurred concurrently as a result of the COVID-19 pandemic.

The global spread of COVID-19 since the end of last year has had a great impact on the worldwide economy. Malaysia was not excluded, when its economy experienced a recession at a rate of 5.6 percent.

PERKESO

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN
BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial
Chief Executive
Social Security Organization


DR AZMAN

KEPIMPINAN DAN PROFESIONALISME
LEADERSHIP AND PROFESSIONALISM

Walaupun kitaran ekonomi pada asasnya bergantung dengan penawaran dan permintaan, tetapi kini dapat dilihat dengan nyata bahawa faktor sosial (kesihatan) memberi impak terhadap krisis ekonomi di mana ramai pekerja kehilangan pekerjaan sehingga kadar pengangguran melonjak sebanyak 4.8% pada tahun 2020 berbanding 3.2% pada tahun 2019.

Berdasarkan Laporan Perkembangan Ekonomi, Monetari dan Laporan Kewangan pada tahun 2020 yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia, ekonomi dijangka pulih pada tahun 2021, dengan pertumbuhan dalam lingkungan 6.0 – 7.5%. Walau bagaimanapun, proses pemulihan ini dijangka berlaku secara beransur-ansur dan tidak sekata boleh menyebabkan lebih banyak kehilangan pekerjaan dan penutupan perniagaan yang berkekalan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan yang berhubung rapat dengan pelanggan (high-touch services sectors).

Susulan perubahan drastik sosioekonomi negara akibat kejutan pandemik ini, PERKESO sebagai agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia diberi mandat oleh Kerajaan untuk bersama-sama menggembleng usaha dan tenaga bagi melaksanakan pelbagai program agar perlindungan keselamatan sosial negara sentiasa dinamik dan inklusif mengikut keperluan rakyat dan negara seiring dengan perubahan dalam landskap keselamatan sosial semasa.

Cabaran utama anggota PERKESO dalam mendepani penularan COVID-19 adalah melaksanakan tugas dalam keadaan norma baharu iaitu bekerja dari rumah dan menggunakan kaedah sistem penggiliran kehadiran ke pejabat bagi memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat. Ini kerana kapasiti kehadiran anggota di pejabat dihadkan berikutan pelaksanaan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan. Situasi ini bukan sahaja menguji ketahanan fizikal anggota PERKESO, malah mencabar emosi dan mental khususnya untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

Sebagai organisasi yang berperanan menjaga kebajikan sosial pekerja, PERKESO memikul tanggungjawab yang amat besar pada era normal baharu dan adalah penting bagi warga PERKESO untuk terus berdiri gah membantu mereka yang terjejas.

Although the economic cycle fundamentally depends on offer and demand, it can now be clearly seen that social factors such as health have an impact on the economic crisis where many workers lost their jobs and the unemployment rate rose by 4.8% in 2020 compared to 3.2% in 2019.

Based on the Economic, Monetary and Financial Growth Report 2020 prepared by Bank Negara Malaysia, the economy is expected to recover in 2021 with a growth of around 6.0 to 7.5%. However, the recovery process is expected to occur gradually and irregularly, thus leading to more job losses and permanent business closures, especially in the high-touch services sectors.

Following the drastic changes in the country's socio-economy resulting from the shock of the pandemic, SOCSO, as an agency under the Ministry of Human Resources, has been given mandate by the Government to jointly put in effort and energy in implementing various programmes so that the country's social security protection remains dynamic and inclusive in accordance with the needs of the people as well as the country, hand-in-hand with the changes in the current social security landscape.

The main challenge for SOCSO employees in facing the spread of COVID-19 is carrying out their duties in the new norm, mainly, working from home and adopting the alternate attendance system in the office to ensure a safe workplace environment. The capacity of staff in the office is limited following the implementation of several phases of the Movement Control Order. This situation not only tests the physical resilience of SOCSO staff, it also challenges their emotional and mental state, particularly in continuing to provide the best service to customers.

As an organisation that looks after the social welfare of workers, SOCSO shoulders a huge responsibility in this era of new norm and it is essential that SOCSO staff continue to stand strong in helping those who have been adversely affected.

Melihat kepada pandemik COVID-19 yang sukar diramal pengakhirannya, PERKESO sangat memerlukan persiapan rapi bagi menangani peningkatan pandemik dan mengesyorkan tindakan untuk meminimumkan impak kesihatan dan sosial kepada anggota. Sehubungan dengan itu, beberapa rangka kerja pelan tindakan telah dibangunkan dan diambil untuk memberikan sedikit-sebanyak panduan umum dari aspek kesiapsiagaan, respon dan komunikasi seperti berikut:

1. Pelan Pandemik dan Protokol COVID-19 bagi anggota yang positif COVID-19 dibangunkan sebagai langkah pemulihan operasi yang berterusan.

2. 'Desktop Walkthrough Exercise (DWE)' dijalankan untuk menguji protokol serta ketersediaan dan daya tahan operasi sekiranya terdapat anggota disahkan positif COVID-19.

3. Jawatankuasa Pengurusan Pandemik COVID-19 ditubuhkan sebagai jawatankuasa yang merancang, melaksana dan memantau pengoperasian PERKESO disebabkan penularan wabak COVID-19 dalam kalangan anggota PERKESO.

4. Menyediakan saluran COVID-19 Helpline bagi menyelaraskan maklumat dari pihak luar dan warga PERKESO. Helpline ini beroperasi setiap hari dan diuruskan oleh Pegawai Perubatan daripada Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan.

5. Perkhidmatan kaunseling disediakan oleh unit psikologi PERKESO untuk anggota dan ahli keluarga anggota yang terkesan akibat penularan wabak ini.

6. Pelaksanaan ujian saringan COVID-19 kepada anggota sebagai langkah pencegahan jangkitan wabak COVID-19 dalam kalangan warga PERKESO. Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 3,650 ujian saringan COVID-19 telah dijalankan dalam kalangan anggota.

Looking at the COVID-19 pandemic, the ending of which is hard to predict, SOCSO greatly requires detailed preparation in handling the rise of the pandemic and recommending actions to minimise the social and health impact on its staff. In relation thereto, several plan of action frameworks have been developed and adopted as a general guide in terms of readiness, response and communication as follows:

1. *The COVID-19 Pandemic Plan and Protocol for staff who are COVID-19 positive is developed as a continuous operational recovery measure.*

2. *The Desktop Walkthrough Exercise (DWE) is conducted to test the protocols as well as preparedness and operational resilience in the event of staff being confirmed as COVID-19 positive.*

3. *The COVID-19 Pandemic Management Committee is established to plan, implement and monitor SOCSO's operations due to the spread of COVID-19 virus amongst SOCSO staff.*

4. *Provision of a COVID-19 Helpline to coordinate information from external parties and SOCSO staff. This helpline operates every day and is managed by a Medical Officer from the Prevention, Medical and Rehabilitation Division.*

5. *Counselling service is provided by SOCSO's psychology unit to staff and their family members who have been affected by the pandemic.*

6. *Implementation of COVID-19 screening for staff as a preventive measure against COVID-19 infections amongst SOCSO staff. As at 31st December 2020, a total of 3,650 COVID-19 tests have been administered to staff.*

PERKESO turut mengambil pelbagai langkah proaktif dalam mencegah penularan wabak COVID-19 dengan menyediakan kelengkapan pelindungan diri seperti pelitup muka, cecair pensanitasi tangan dan alat pengimbas suhu selain promosi pencegahan penularan wabak secara berterusan serta pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan kawalan keselamatan yang ketat.

Usaha PERKESO bagi melindungi kesihatan dan keselamatan kepada semua warga kerjanya dapat dikendalikan dengan cara yang lebih berstruktur dan sistematik melalui strategi dan inisiatif yang telah dilaksanakan. Pendekatan terancang yang diambil PERKESO secara berterusan ini sekali gus dapat memastikan perkhidmatan terbaik disampaikan kepada pelanggan serta pelaksanaan inisiatif-inisiatif Kerajaan memenuhi objektif dan impak yang disasarkan.

SOCSO has also taken various proactive measures in preventing the spread of COVID-19 by providing personal protective equipment such as face masks, hand sanitizers and temperature scanning devices, in addition to the continuous promotion of prevention of spread of the virus as well as compliance with the standard operating procedures (SOP) and strict security controls.

SOCSO's efforts in protecting the health and safety of all its staff could be handled in a more structured and systematic manner through the strategy and initiatives implemented. The continued planned approach taken by SOCSO could also ensure that best service is delivered to customers and also ensure that the implementation of Government initiatives meet the targeted objectives and impact.

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI (COVID-19)
ECONOMIC STIMULUS PACKAGE (COVID-19)

Kerajaan melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 bernilai RM20 bilion pada 27 Februari bagi mengimbangi impak besar COVID-19 terhadap ekonomi global, termasuk Malaysia. Kemudian pada 27 Mac, Kerajaan mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang bernilai RM250 bilion, dengan tumpuan menyediakan bantuan segera untuk meringankan beban ditanggung rakyat. Langkah fiskal kerajaan disusuli beberapa lagi siri pakej rangsangan seperti PRIHATIN Perusahaan Kecil dan Sederhana Tambahan (PRIHATIN PKS+), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Kerangka Inisiatif Tambahan (KITAPRIHATIN) dengan keseluruhannya dianggar bernilai RM315 bilion.

Keputusan Kerajaan ini bukan sahaja akan meringankan beban golongan sasar dalam tempoh krisis pandemik COVID-19 yang melanda, malah memberi kesan positif jangka panjang kepada negara. Oleh itu, PERKESO komited menggalas mandat Kerajaan bagi merangsang dan merancakkan pasaran buruh negara dengan inisiatif-inisiatif di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti:

The Government launched the Economic Stimulus Package 2020 worth RM20 billion on 27th February in order to balance the huge COVID-19 impact on the global economy, including Malaysia. Subsequently, on 27th March, the Government announced the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN) worth RM250 billion, with a focus on providing immediate aid in order to relieve the burden shouldered by the people. These government measures were then followed up by several other stimulus packages such as the PRIHATIN Perusahaan Kecil dan Sederhana Tambahan (PRIHATIN PKS+) (Small and Medium Sized Entrepreneurships PRIHATIN Plus), the Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) (National Economic Regeneration Plan) and Kerangka Inisiatif Tambahan (KITAPRIHATIN) (Additional Initiative Framework), with an overall estimated value of RM315 billion.

This government decision would not only relieve the burdens of the target groups during the COVID-19 pandemic crisis, but would also bring long-term positive effect to the country. Thus, SOCSO is committed in taking on the Government mandate to stimulate and enliven the country's labour market with initiatives under the Ministry of Human Resources such as:

Program Pengekalan Pekerjaan

Program Pengekalan Pekerjaan/ Employment Retention Programme (ERP) adalah satu program yang memberi bantuan kewangan kepada pekerja yang bergaji RM4,000 dan ke bawah yang diarahkan mengambil cuti tanpa gaji disebabkan operasi majikan terjejas akibat penularan wabak COVID-19. PERKESO telah menerima permohonan sebanyak 46,000 majikan dengan hampir 33,000 majikan telah diluluskan pembayaran yang melibatkan seramai 354,000 pekerja. Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah RM 209.5 juta telah dibayar di bawah program ERP.

Program Subsidi Upah

Program Subsidi Upah (PSU) di bawah Pakej PRIHATIN pula bermatlamat untuk memberi bantuan kewangan kepada majikan yang terjejas akibat COVID-19 bagi meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Antara syarat utama PSU adalah majikan dan pekerja hendaklah berdaftar atau mencarum dengan PERKESO sebelum 1 April 2020, berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Pihak Berkuasa Tempatan, majikan telah memulakan operasi sebelum 1 Januari 2020 dan PSU adalah untuk pekerja bergaji RM4,000 ke bawah.

Bayaran subsidi upah selama tempoh tiga bulan adalah berdasarkan saiz perusahaan untuk setiap pekerja sehingga maksima 200 pekerja bagi setiap majikan. Bayaran subsidi adalah di antara RM600 hingga RM1,200 sebulan bagi setiap pekerja.

Secara keseluruhan, Program Subsidi Upah 1.0 yang dilaksanakan pada 1 April 2020 sehingga 30 September 2020 telah memberi manfaat kepada 2.7 juta pekerja dan 331 ribu majikan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM12.82 bilion. Manakala, Program Subsidi Upah 2.0 yang bemula pada 1 Oktober 2020 sehingga 31 Disember 2020 memberi manfaat kepada seramai 650,861 pekerja dan 96 ribu majikan yang melibatkan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM 1.39 bilion.

Employment Retention Programme

The Employment Retention Programme (ERP) is one of the programmes providing financial aid to workers with salaries of RM4,000 and below who have been ordered to go on unpaid leave due to the employers' operations being adversely affected by the COVID-19 pandemic. SOCSO received a total of 46,000 employer applications with almost 33,000 employers being approved for payments involving 354,000 workers. As at 31st December 2020, a total of RM209.5 million has been disbursed under the ERP.

Wage Subsidy Programme

The goal of the Wage Subsidy Programme under the PRIHATIN Package is to provide financial aid to employers who are affected by COVID-19 in order to continue their companies' operations, as well as to avoid loss of employment and income to their workers. Among the main condition of the programme is that both employers and their workers shall be registered or shall have contributed with SOCSO before 1st April 2020. The companies must also be registered with the Companies' Commission of Malaysia or with the Local Authorities, with the employers having begun operations before 1st January 2020. The programme is for workers with salaries of RM4,000 and below.

The wage subsidy payment is for a period of three months based on the size of business, for each worker up to a maximum of 200 workers for each employer. The subsidy is between RM600 to RM1,200 per month for each worker.

Overall, the Wage Subsidy Programme 1.0 which was implemented from 1st April 2020 to 20th September 2020 benefited 2.7 million workers and 331,000 employers, involving an expenditure of RM12.82 billion. Meanwhile, the Wage Subsidy Programme 2.0 which ran from 1st October 2020 to 31st December 2020 benefited 650,861 workers and 96,000 employers, with an overall expenditure of RM1.39 billion.

Program Saringan PRIHATIN

Sebagai langkah pencegahan jangkitan wabak COVID-19, PERKESO menyediakan perkhidmatan saringan percuma kepada pekerja yang layak dan berdaftar dengan PERKESO. Saringan ini menggunakan kaedah RT-PCR dengan mengambil maklum garis panduan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai kaedah saringan.

Dilancarkan pada 27 April 2020, program saringan COVID-19 ini bertujuan membantu Kerajaan mengawal penularan wabak COVID-19 dalam industri yang mula beroperasi semasa atau selepas Perintah Kawalan Pergerakan. Ia dijalankan kepada pekerja tempatan termasuk pekerja asing yang bekerja di sektor pembinaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan di Kuala Lumpur dan Selangor.

Program ini memberi faedah kepada 556,021 orang pekerja yang meliputi 350,000 pekerja disaring di bawah Program Saringan Prihatin, 119,651 pekerja di bawah Subsidi Saringan Prihatin dan 86,370 pekerja bagi Program Saringan COVID-19 Pekerja Asing dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM96.6 juta.

Program PenjanaKerjaya

Program PENJANAKerjaya adalah salah satu usaha Kerajaan melalui PERKESO di bawah pakej (PENJANA) menerusi inisiatif Penyedia Perkhidmatan Pekerjaan Negara (National Employment Services). Program PENJANAKerjaya bertujuan untuk merangsang permintaan pekerjaan dalam kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta kebolehpekerjaan dalam kalangan pencari kerja tempatan. Selaras dengan itu, PERKESO telah menambahbaik Portal Pekerjaan (MYFutureJobs) agar inisiatif ini dapat direalisasikan. Tahun 2020 merekodkan sebanyak 690,700 kekosongan jawatan dan seramai 432,861 orang pencari kerja yang didaftarkan di portal MYFutureJobs.

Terdapat empat insentif yang dipertanggungjawabkan kepada PERKESO oleh kerajaan melalui inisiatif PENJANAKerjaya iaitu MyApprentice, HireMalaysia, Bantuan Mobiliti (Mobility Assistance) dan Program Latihan.

Program Penjana Kerjaya 1.0 mula dilaksanakan pada 15 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2020. Seramai 116,928 pekerja dan 15,106 majikan telah menerima manfaat menerusi program ini yang melibatkan bayaran keseluruhan sebanyak RM631.81 juta.

PRIHATIN Screening Programme

As a COVID-19 preventive measure, SOCSO provides free screening service to workers who are eligible and registered with the organisation. The screening utilises the RT-PCR method by taking into account the guidelines issued by the Ministry of Health Malaysia.

Launched on 27th April 2020, the COVID-19 screening programme was intended to help the Government in controlling the spread of COVID-19 in industries that have begun operating during or after the Movement Control Order. The programme was carried out with local workers as well as foreign workers in the construction and security services sectors in Kuala Lumpur and Selangor.

This programme benefited 556,021 workers including 350,000 workers who were screened under the Prihatin Screening Programme, 119,651 workers under the Prihatin Screening Subsidy and 86,370 workers under the Foreign Workers' COVID-19 Screening Programme, with an overall expenditure of RM96.6 million.

PenjanaKerjaya Programme

The PenjanaKerjaya Programme is one of the Government's efforts, through SOCSO, under the PENJANA package, through the initiative of the National Employment Services. It is intended to stimulate job demands from amongst employers and increase job opportunities as well as employability amongst local job seekers. To that end, SOCSO has improved its Employment Portal, MYFutureJobs so that this initiative can be realised. The year 2020 recorded a total of 690,700 job vacancies and 432,861 job seekers registered at the MYFutureJobs portal.

Four incentives were assigned to SOCSO by the government through the PenjanaKerjaya initiative, namely, MyApprentice, HireMalaysia, Mobility Assistance and Training Programme.

The PenjanaKerjaya Programme 1.0 was carried out from 15th June 2020 to 31st December 2020. A total of 116,928 workers and 15,106 employers benefited from the programme which involved an overall payment of RM631.81 million.

Program PENJANAGig

Selaras dengan hasrat untuk mempertingkatkan ekonomi gig, Kerajaan telah memberi tanggungjawab kepada PERKESO untuk melaksanakan Program PENJANAGig di bawah pakej PENJANA bagi memastikan golongan Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang melibatkan diri dalam aktiviti pekerjaan ekonomi gig mendapat perlindungan keselamatan sosial. Sejak diperkenalkan pada Jun 2020 sehingga Disember 2020, jumlah OBS yang berdaftar dengan PERKESO adalah seramai 7,663 orang dengan jumlah caruman sebanyak RM455,205.85.

PENJANAGig Programme

In line with the intention to improve the gig economy, the Government has entrusted SOCSO with the responsibility of implementing the PENJANAGig Programme under its PENJANA package to ensure that Self-Employed Persons (SEP) who are involved in gig economy activities obtain social security protection. Since its introduction in June 2020 and up to December 2020, the number of SEPs registered with SOCSO amounted to 7,663 persons with total contribution of RM455,205.85.

REFLEKSI 2020
2020 REFLECTIONS

Kejayaan demi kejayaan yang diraih pada tahun 2020 merupakan sumbangan berterusan seluruh warga kerja PERKESO yang bersandarkan kepada nilai murni yang menjadi teras kepada organisasi.

Secara keseluruhannya, PERKESO telah memainkan peranan yang cukup besar dalam membantu golongan yang terkesan, terutamanya majikan dan pekerja menerusi inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan menerusi Pelan Rangsangan Ekonomi. Dengan jumlah penerima bantuan seperti yang direkodkan di setiap bantuan yang diperkenalkan tersebut, ianya secara tidak langsung mencerminkan kejayaan PERKESO dalam membantu golongan yang terjejas dan usaha penambahbaikan sistem pengoperasian diteruskan dari semasa ke semasa.

Saya juga yakin para majikan dan pekerja telah mendapat manfaat menerusi bantuan dan insentif yang dilaksanakan oleh PERKESO sepanjang tahun 2020 itu.

Melalui pengamatan daripada pelbagai sudut dan perspektif, PERKESO berupaya menangani cabaran yang sukar sepanjang tahun 2020, dan menjalankan semua fungsinya dengan lancar bagi melaksanakan mandatnya serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Justeru, fokus PERKESO adalah untuk merealisasikan hasrat Kerajaan untuk melebarkan jaringan keselamatan sosial kepada lebih ramai rakyat di negara ini dengan mengambil langkah-langkah yang perlu.

The multiple successes in 2020 came from the continued contributions of all SOCSO staff based on the good values forming the core of the organisation.

Overall, SOCSO has played a huge role in helping those who have been affected, especially employers and employees through the initiatives introduced by the Government under the Economic Stimulus Plan. With the number of aid recipients as recorded for each programme introduced, it indirectly reflects the success of SOCSO in helping those who have been affected and the efforts in improving the operational system which continue from time to time.

I am also confident that employers and employees have benefited from the aid and incentives implemented by SOCSO throughout the year 2020.

Looking at it from various angles and perspectives, SOCSO was able to handle the difficult challenges throughout 2020 and carried out all its functions smoothly in the implementation of its mandate, as well as optimise its contribution to the development of the country's socio-economy.

Hence, the focus of the organisation is to realise the Government's goal of expanding the social security network to more people in the country by taking the necessary measures.

MELANGKAH KE HADAPAN
MOVING FORWARD

Ketika laporan ini ditulis, PERKESO telah berjaya mencapai sasarannya untuk tahun 2020. Kerajaan telah berusaha membendung penularan pandemik ini, di samping mengekalkan kestabilan ekonomi negara dalam keadaan yang amat sukar. Namun, keadaan ekonomi global dan domestik dijangka akan terus mencabar dalam tahun 2021.

Tidak keterlaluan untuk memperkatakan bahawa pandemik COVID-19 turut memberi lembaran baru kepada landskap perlindungan keselamatan sosial untuk menuntut suatu anjakan paradigma.

Dalam era COVID-19 ini, landskap keselamatan sosial perlu melakukan perubahan seiring dengan Perubahan Masa Hadapan dan wajib dijadikan agenda utama di dalam setiap strategi pembangunan nasional agar negara dapat mencapai pertumbuhan yang inklusif dan pembangunan yang mampan.

Justeru, PERKESO harus bersedia dan berani menghadapi apa sahaja perubahan yang berlaku sama ada dari segi sikap, perundangan, teknologi, infrastruktur, aset dan trend perniagaan. Saya yakin warga PERKESO mampu menghadapi cabaran dan mencapai hala tuju organisasi yang lebih unggul.

Dalam masa sama, PERKESO sebagai sebuah organisasi yang cukup menitikberatkan kesejahteraan sosial rakyat beriltizam untuk mengorak langkah lebih jauh memacu pasaran buruh serta meluaskan liputan keselamatan sosial dalam melindungi warga kerja di Malaysia.

PERKESO akan terus memandang kehadapan, bagi memastikan tiada yang ketinggalan daripada mendapat perlindungan minimum keselamatan sosial dan Kerajaan dengan mengambil kira faktor keadaan semasa.

At the time of writing, SOCSO has successfully achieved its targets for 2020. The Government has put in effort to curb the spread of the pandemic, in addition to maintaining the country's economic stability in extremely difficult conditions. However, the global and domestic economic condition is expected to remain challenging in 2021.

It is not too extreme to say that the COVID-19 pandemic has also opened a new page in the social security protection landscape, to demand a paradigm shift.

In this COVID-19 era, changes must be made to the social security landscape hand-in-hand with Future Changes. Social security must be made a key agenda in each national development strategy so that the country can achieve inclusive growth and sustainable development.

Therefore, SOCSO must be prepared and be brave in facing whatever changes that may come, whether in terms of attitude, legislation, technology, infrastructure, assets and business trends. I am confident that our staff are capable of facing such changes and achieve the organisation's directions outstandingly.

At the same time, SOCSO, as an organisation that places emphasis on the people's social wellbeing is committed to step further in driving the labour market as well as expanding social security coverage, in protecting the workforce of Malaysia.

SOCSO will continue to look forward, to ensure that no one is left behind in obtaining the minimum social security protection by taking into account the current situation.

PENGHARGAAN
ACKNOWLEDGMENT

Komitmen dan sokongan yang padu daripada warga kerja PERKESO, barisan Pengurusan Tertinggi PERKESO, Pengerusi serta ahli-ahli lembaga PERKESO, telah membolehkan PERKESO meneruskan operasinya dengan lancar dan memenuhi mandatnya walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran sepanjang tahun ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih atas dedikasi dan kegigihan mereka dalam melaksanakan tugas.

Penghargaan tidak terhingga diberikan kepada Kementerian Sumber Manusia, terutamanya YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia dan YB Datuk Awang Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia yang telah membantu PERKESO dalam menjayakan agendanya. Pastinya perancangan PERKESO tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan pelbagai pihak.

Pandemik COVID-19 sesungguhnya merupakan suatu ujian ketahanan organisasi kepada PERKESO. Ia juga telah memaksa transformasi di dalam menyediakan perlindungan keselamatan sosial agar menjadi lebih komprehensif dan inklusif. Oleh itu, PERKESO akan terus membuat penambahbaikan berterusan agar dapat meningkatkan perlindungan kepada rakyat secara menyeluruh termasuk kepada golongan yang masih belum dilindungi serta memastikan mereka mendapat perlindungan minimum keselamatan sosial dan tiada yang tersisih.

Dengan mengamalkan norma baharu ini, PERKESO terus komited melaksanakan segala perancangan bagi merealisasikan pencapaian visi dan misi PERKESO untuk menjadi peneraju keselamatan sosial yang unggul, komprehensif dan dinamik dengan mendukung konsep prihatin mendekati masyarakat dan Orang Berinsurans selaras dengan slogan PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO.

The unwavering commitment and support from SOCSO's staff, top management, Chairman as well as from its Board of Directors had enabled the organisation to continue its operations smoothly and to fulfil its mandate despite facing various challenges throughout the year. I would like to take this opportunity to record my highest appreciation for their dedication and fortitude in carrying out their duties.

The highest appreciation is also given to the Ministry of Human Resources, especially to YB Datuk Seri M. Saravanan, the Minister of Human Resources and YB Datuk Awang Hashim, the Deputy Minister of Human Resources, who have helped SOCSO in ensuring success of its agenda. SOCSO's planning would surely not have been able to be implemented without the support of various parties.

The COVID-19 pandemic is indeed a test of organisational resilience to SOCSO. It has forced transformation in the provision of social security protection services to become more comprehensive and inclusive. Therefore, SOCSO will continue to improve so as to enhance protection to the people in a comprehensive manner, including to those who are yet to be protected and to ensure that they get the minimum social security protection and nobody gets left behind.

By practising this new norm, SOCSO remains committed in implementing all its planning to realise the organisation's vision and mission to become the leader in social security, that is outstanding, comprehensive and dynamic by upholding the concept of approaching the community and Insured Persons with care, in line with SOCSO's slogan, Prihatin, Prihatin itu PERKESO.

Sekian dan terima kasih.

Thank you.



DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
Ketua Eksekutif

Chief Executive

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

SOCIAL SECURITY ORGANISATION

Timbalan Ketua Eksekutif
Deputy Chief Executive



Datin Azlaily Binti Abd Rahman
Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat)
Deputy Chief Executive (Corporate)

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Malaya
- Certificate of Accreditation in Prosci's Change Management Methodology by Being Human Pty Ltd, Melbourne
- Women Directors' Programme Certification by NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW)
- A Member of Association of Change Management Professionals (USA)

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- *Bachelor of Laws, University of Malaya*
- *Certificate of Accreditation in Prosci's Change Managemnt Methodology by Being Human Pty Ltd, Melbourne*
- *Women Directors' Programme Certification by NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW)*
- *Member of Association of Change Management Professionals (USA)*



Mohd Rosdi Bin Mat Yasin
Timbalan Ketua Eksekutif (Pengurusan)
Deputy Chief Executive (Management)

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Gunaan, Universiti Malaya

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor of Applied Economics, University of Malaya*



John Riba Anak Marin
Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)
Deputy Chief Executive (Operations)

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Teknologi MARA
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Utara Malaysia
- Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Teknologi MARA

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Master of Business Administration, Universiti Teknologi MARA*
- *Bachelor of Accountancy, Universiti Utara Malaysia*
- *Diploma in Public Administration, Universiti Teknologi MARA*

Kumpulan Pengurus Kanan
Senior Management Team



Dato' Mohd Sahar Bin Darusman
Ketua Pegawai Sistem Insurans Pekerjaan
Chief Officer of Employment Insurance System

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Pembangunan Pentadbiran, Universiti Birmingham, UK
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Pentadbiran Awam, INTAN
- Diploma Pengurusan Maklumat (Pembangunan), Universiti Birmingham, UK

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Master's Degree in Social Science, University of Birmingham, UK*
- *Bachelor of Arts (Hons) Sociology, National University of Malaysia*
- *Diploma in Public Administration, INTAN*
- *Diploma in Information Management (Development), University of Birmingham, UK*



Dato' Dr. Suzana Idayu Wati Binti Osman
Ketua Bahagian Pelaburan
Chief of Investment Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Kewangan, Universiti Putra Malaysia
- Advanced Management Programme (AMP), Harvard Business School, USA
- Ijazah Sarjana Kewangan, Universiti Putra Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Penggajian Perniagaan, University of Huddersfield, UK

ACADEMIC QUALIFICTION

- *Doctor of Finance (PhD), Universiti Putra Malaysia*
- *Advanced Management Programme (AMP), Harvard Business School, USA*
- *Master in Finance, Universiti Putra Malaysia*
- *Bachelor of Business Studies (Honours), University of Huddersfield, UK*



Edmund Cheong Peck Huang
Ketua Bahagian Strategi dan Transformasi
Chief of Transformation and Information Technology Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sains Politik), Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Computer Science (Cambridge)
- Return To Work Expert by ISSA Academy
- Information Technology & Communication Expert by ISSA Academy
- Certified Disability Management Professional (NIDMAR Canada)
- Certified American Medical Association Guideline on Impairment and Disability (American Board of Independent Medical Examiner, USA)
- Advisor and member of Malaysian Disability Management Association Malaysia

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor of Arts (Political Science), Universiti Kebangsaan Malaysia*
- *Diploma in Computer Science (Cambridge)*
- *Return To Work Expert by ISSA Academy*
- *Information Technology & Communication Expert by ISSA Academy*
- *Certified Disability Management Professional (NIDMAR Canada)*
- *Certified American Medical Association Guideline on Impairment and Disability (American Board of Independent Medical Examiner, USA)*
- *Advisor and member of Malaysian Disability Management Association Malaysia*



Hajah Rosmawati Binti Zainuddin
Ketua Bahagian Kewangan
Chief of Finance Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) Universiti Putra Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Sistem Perakaunan, University of New South Wales, Australia
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (Chartered Accountants) – No. Ahli 583
- Fellow Certified Public Accountants Australia

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Master of Business Administration (Finance), Universiti Putra Malaysia*
- *Bachelor of Finance and Accounting Systems, University of New South Wales, Australia*
- *The Malaysian Institute of Accountants – Membership No. 5834*
- *Fellow Certified Public Accountants Australia*



Che Hamid Bin Che Ahmad
Ketua Bahagian Sumber Manusia
Chief of Human Resource Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor of Business Administration, Universiti Kebangsaan Malaysia*



Mohamad Fauzi Bin Haji Ja'afar
Ketua Bahagian Faedah
Chief of Benefits Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor of Economics, Universiti Kebangsaan Malaysia*

KEPIMPINAN DAN PROFESIONALISME
LEADERSHIP AND PROFESSIONALISM



Borhan Bin Osman
Ketua Bahagian Perundangan
Chief of Legal Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Malaya

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor of Laws, University of Malaya*



Mohd Shahar Bin Ismail
Ketua Bahagian Pengurusan Korporat
Chief of Corporate Affairs Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Diploma Undang-Undang (Setaraf Ijazah Am) ITM, Shah Alam
- Sarjana Muda Undang-Undang, UiTM (1987)

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Diploma in Laws (Equivalent to General Degree) MARA Institute of Technology*
- *Bachelor of Laws, UiTM (1987)*



Azirruan Bin Arifin
Ketua Bahagian Audit Dalam
Chief of Internal Audit Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Diploma Akauntasi, UITM
- Ijazah Sarjana Muda Akauntasi, UITM

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Diploma in Accounting, UITM*
- *Bachelor of Accounting, UITM*



Azleen Binti Ismail
Ketua Bahagian Pengurusan Risiko
Chief of Risk Management Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, University of Portsmouth
- International Certificate in Enterprise Risk Management, The Institute of Risk Management, UK
- Ahli kepada The Malaysian Insurance Institute - Nombor keahlian O2013-5034

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor of Accountancy, University of Portsmouth*
- *International Certificate in Enterprise Risk Management, The Institute of Risk Management, UK*
- *Member of the Malaysian Insurance Institute – Membership No. 02013-5034*



Hajah Fadhilah Binti Hamil
Ketua Bahagian Perolehan
Chief of Procurement Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Malaya

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor of Laws, University of Malaya*



Zainol Bin Abu
Ketua Bahagian Caruman
Chief of Contribution Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor of Political Science, Universiti Kebangsaan Malaysia*

KEPIMPINAN DAN PROFESIONALISME
LEADERSHIP AND PROFESSIONALISM



Dr. Azlan Bin Darus
Ketua Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan
Chief of Prevention, Medical and Rehabilitation Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Perubatan & Pembedahan, Universiti Otago New Zealand
- Ijazah Sarjana Kesihatan Awam, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Kesihatan Awam (Kesihatan Pekerjaan), Universiti Malaya
- Ahli kepada Faculty of Occupational Medicine, Royal College of Physicians, Ireland
- Certified of Independent Medical Examiner, ABIME USA
- Certified of Disability Management Professional, Canada

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor of Medicine & Surgery, University of Otago, New Zealand*
- *Master of Public Health, University of Malaya*
- *Master of Public Health (Occupational Health), University of Malaya*
- *Member of Faculty of Occupational Medicine, Royal College of Physicians, Ireland*
- *Certified Independent Medical Examiner, ABIME USA*
-
- *Certified Disability Management Professional, Canada*



Haji Zainal Bin Ismail
Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan
Chief of Management Services Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam, Universiti Malaya

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor of Public Administration, University of Malaya*



Haji Azhar Bin Md Nadzri
Ketua Bahagian Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri
Chief of Self Employment Hazard Scheme Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM)

KELAYAKAN AKADEMIK

- *Bachelor of Agricultural Science, Universiti Putra Malaysia (UPM)*



Dr. Ponniah A/L Raman

Ketua Bahagian Insurans Pekerjaan

Chief of Employment Insurance Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pengurusan, Universiti Putra Malaysia
- Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik), Universiti Kebangsaan Malaysia

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Doctor of Management (PhD), Universiti Putra Malaysia*
- *Master of Information Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia*
- *Bachelor of Science (Mathematics), Universiti Kebangsaan Malaysia*



Roshaimi Bin Mat Rosely

Ketua Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan

Chief of Employment Services Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Sarjana Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, Universiti Sains Malaysia
- Timbalan Presiden dan Ahli Malaysian Disability Management Association Malaysia
- Return To Work Expert by ISSA Academy
- Certified Disability Management Professional (NIDMAR Canada)
- Certified Train the Trainer, HRDF

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Master of Social Work, Universiti Utara Malaysia*
- *Bachelor of Communication, Universiti Sains Malaysia*
- *Deputy President and member of the Malaysian Disability Management Association Malaysia*
- *Return To Work Expert by ISSA Academy*
- *Certified Disability Management Professional (NIDMAR Canada)*
- *Certified Train the Trainer, HRDF*



Jamil Bin Mohd Dahalan

Ketua Bahagian Integriti

Chief of Integrity Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Sains Sosial Pengajian Rasuah, UKM
- Pegawai Integriti Bertauliah (CEIO)

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor of Social Sciences*
- *Certified Integrity Officer (CEIO)*

KEPIMPINAN DAN PROFESIONALISME
LEADERSHIP AND PROFESSIONALISM



Hairiri Bin Harun
Ketua Bahagian Pekerja Asing
Chief of Foreign Workers Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Peniagaan(Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Teknologi MARA

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor in Business Administration Administration (Hons), National University of Malaysia*
- *Diploma in Public Administration, MARA University of Technology*



Rosmasita Binti Mohamed
Ketua Cawangan Penguatkuasaan, Ibu Pejabat PERKESO
Head Enforcement Section of SOCSO Headquaters

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Manusia, Universiti Putra Malaysia Certified of Disability Management Professional, Canada

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Master of Human Resource Development, Universiti Putra Malaysia*
- *Bachelor of Human Development, Universiti Putra Malaysia Certified of Disability Management Professional, Canada*



Ir. Mohd Noor Bin Hashim
Ketua Cawangan Pengurusan Hartanah
Head Branch of Property Management

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi MARA
- Jurutera Profesional (Mekanikal) dengan Sijil Kelayakan Praktik
- Ahli Lembaga Jurutera Malaysia

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor of Engineering (Hons) Mechanical, University of Technology MARA*
- *Professional Engineer (Mechanical) with Practicing Certificate*
- *Member of Board of Engineer Malaysia*

Pusat Rehabilitasi PERKESO
SOCSO Rehabilitation Centre



Datuk Dr. Hafez Bin Hussain
Pengarah Eksekutif, Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak
Executive Director, Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Perubatan, Universiti Sumatera Utara
- Master of Clinical Rehabilitation, Flinders University, South Australia
- Ahli ISPRM (International Society of Physical Rehabilitation Medicine)
- Return To Work Expert by ISSA Academy

ACADEMIC QUALIFICATION

- *Bachelor of Medicine, Universiti Sumatera Utara*
- *Master of Clinical Rehabilitation, Flinders University, South Australia*
- *Member of the International Society of Physical Rehabilitation Medicin*
- *Return To Work Expert by ISSA Academy*

PENGARAH NEGERI
STATE DIRECTORS

Haji Mustafa Bin Draman	PPN Selangor
Haji Salijan Bin Saigon	PPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tong Sing Chuang	PPN Johor
Haji Othman Bin Mohd Nordin	PPN Pulau Pinang
Anthony Arul Dass A/L Arulappen	PPN Perak
Haji Fuad Bin Alias	PPN Negeri Sembilan
Phillip Sangkan	PPN Sarawak
Shaharuddin Bin Waled	PPN Kedah
Hajah Nora Binti Yaacob	PPN Kelantan
Hajah Farihah Binti Che Husin	PPN Terengganu
Haji Tarmizi Bin Mukhtar	PPN Pahang
Abd Razak Bin Omar	PPN Melaka
Dr. Mohd Ali Bin Hindia	PPN Sabah
Basharuddin Bin Khalid	PPN Perlis



PERKESO



LAPORAN PRESTASI 2020

PERFORMANCE REPORT 2020

ULASAN PENGURUSAN RISIKO KORPORAT
CORPORATE RISK MANAGEMENT REVIEW

Gambaran Umum
General Picture

Mengurus Risiko di dalam Norma Baharu

Pandemik Covid-19 adalah satu bencana yang tidak dijangka dan telah menimbulkan gangguan dan ketidakpastian di semua sektor termasuk ekonomi, kesihatan, sosial dan pendidikan. Dengan ini, pengurusan risiko yang proaktif dan holistik adalah penting bagi mengurangkan kesan yang boleh menjejaskan operasi perkhidmatan serta reputasi PERKESO.

PERKESO akan terus mengiktiraf pengurusan risiko sebagai elemen penting dalam setiap proses membuat keputusannya, memandangkan perubahan landskap risiko pandemik Covid-19 yang begitu cepat. Pandemik ini juga turut menjadi pemangkin untuk PERKESO terus meningkat dan memupuk budaya pengurusan risiko di dalam organisasi berdasarkan rangka kerja dan struktur tadbir urus risiko yang baik.

Managing Risk in the New Norm

The Covid-19 pandemic is an unexpected disaster and has caused disruptions and uncertainties in all sectors including the economic, health, social and education sectors. Hence, a proactive and holistic risk management is essential in order to alleviate the adverse effects on SOCSO's service operations as well as to its reputation.

SOCSO will continue to recognise risk management as an essential element in each of its decision-making process, in view of the rapidly changing Covid-19 pandemic risk landscape. The pandemic has also become a catalyst for SOCSO to continue to enhance and foster the culture of risk management in its organisation based on good framework and risk governance structure.

KEUTAMAAN PENGURUSAN RISIKO DI PERKESO BAGI TAHUN 2020
SOCSO'S RISK MANAGEMENT FOCUS IN 2020

Penubuhan struktur tadbir urus dan Pelan Pandemik PERKESO bagi membolehkan keputusan dibuat dengan tepat dan pelaksanaan tindakan mitigasi dengan efektif	Memperkukuhkan proses dan tadbir urus melalui kajian semula risiko secara bebas dan penambahbaikan rangka kerja pengurusan risiko	Memperkukuhkan kesinambungan dan daya ketahanan beroperasi melalui pengenalan dan persediaan fungsi untuk beroperasi di tempat alternatif bagi pejabat-pejabat PERKESO (Buddy Office) dan pelaksanaan latihan BCM	Penambahbaikkan metodologi dan kaedah pengukuran risiko dalam pengurusan portfolio melalui Pengujian Tekanan (Stress Test), Risk Return Trade-off dan perbandingan risiko portfolio	Memupuk budaya kesedaran risiko melalui bengkel dan perbincangan untuk membina keupayaan dan kesedaran sebagai asas kepada amalan pengurusan risiko yang baik
Establishment of SOCSO's structure of governance and pandemic planning to enable accurate decision-making and effective implementation of mitigation action	Strengthening process and governance through independent review of risk and improvement of risk management framework	*Strengthening operational continuity and resilience through the identification and preparation of functions to operate in alternative locations for SOCSO offices (Buddy Office) and implementation of BCM training*	*Improvement of risk measuring methodology and methods in portfolio management through Stress Test, Risk Return Trade-off and portfolio risk comparison*	*Fostering culture of risk awareness through workshops and discussions to build capacity and awareness as a basis for good risk management practice*

Pengukuhan Tadbir Urus Risiko dan Penyeliaan Risiko

Rangka Kerja Tadbir Urus Risiko menjelaskan struktur dan susun cara mengurus risiko di dalam PERKESO. Ia menerangkan secara menyeluruh tanggungjawab dan pemilikan risiko di dalam setiap bahagian, cawangan dan pejabat PERKESO, serta memastikan penyeliaan yang dilakukan adalah mencukupi dan berkesan.

Melalui struktur tadbir urus ini, Lembaga PERKESO mengekalkan tanggungjawab keseluruhan bagi penyeliaan dan tadbir urus risiko di PERKESO. Lembaga PERKESO, melalui Jawatankuasa Risiko Lembaga (BRC), mengawasi kesemua aktiviti pengurusan risiko, pelaksanaan rangka kerja, memberi arahan strategik, mempertimbangkan cadangan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MRC) dan memastikan kecukupan infrastruktur, sistem dan sumber tersedia dalam menjalankan fungsi pengurusan risiko secara bebas yang efektif dan berkesan.

Struktur Tadbir Urus Risiko PERKESO adalah seperti berikut:

Strengthening of Risk Governance and Risk Supervision

The Risk Governance Framework explains the structure and procedure of managing risk in SOCSO. It comprehensively explains the responsibility and risk ownership in each division, branch and SOCSO office, as well as ensures sufficient and effective supervision.

Under this governance structure, the Board of SOCSO maintains overall responsibility for the supervision and governance of risk in the organisation. The Board of SOCSO, through the Board Risk Committee (BRC) monitors all risk management activities, implementation of framework, provides strategic direction, considers proposals from the Risk Management Committee (RMC) and ensures sufficiency of infrastructure, system and resources in carrying out effective independent risk management functions.

The SOCSO Risk Governance Structure is as follows:



PERKESO mengamalkan tadbir urus risiko berlandaskan model Tiga Barisan Pertahanan ("Three Lines of Defence – 3LoD") yang di takrifkan seperti berikut;

SOCSO practises risk governance based on the Three Lines of Defence (3LoD) model which is defined as follows:

Barisan Pertahanan Pertama
First Line of Defence

Ia terdiri daripada semua bahagian, cawangan dan pejabat-pejabat PERKESO yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan menguruskan risiko operasi harian. Barisan Pertahanan Pertama ini juga perlu memastikan kawalan risiko yang mencukupi serta berkesan di dalam operasi dan persekitaran mereka.

Comprises all divisions, branches and SOCSO offices that are responsible for identifying and managing daily operational risks. The first line of defence also needs to ensure sufficient and effective risk controls in their operations and environment.

Barisan Pertahanan Kedua
Second Line of Defence

Ia terdiri daripada Bahagian Pengurusan Risiko serta bahagian lain seperti Bahagian Integriti, berfungsi secara bebas dalam menjalankan aktiviti pengawasan dan kawalan selia. Bahagian Pengurusan Risiko berfungsi dalam membangunkan rangka kerja dan metodologi pengurusan risiko, melaksanakan penilaian risiko secara bebas, memantau pelaksanaan aktiviti pengurusan risiko serta menyediakan laporan kepada Lembaga, Jawatankuasa Risiko Lembaga dan Pengurusan.

Comprises the Risk Management Division as well as other divisions such as the Integrity Division, and functions independently in conducting monitoring and regulatory activities. The Risk Management Division develops the framework and methodology for risk management, implements independent risk evaluation, monitors implementation of risk management activities as well as prepares reports to the Board, the Board Risk Committee and to the Management.

Barisan Pertahanan Ketiga
Third Line of Defence

Bahagian Audit Dalam pula adalah sebagai Barisan Pertahanan Ketiga yang akan menyediakan jaminan secara bebas kepada Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Pengurusan terhadap kecukupan kawalan dalaman, pematuhan terhadap polisi dan proses pengurusan risiko.

The Internal Audit Division forms the Third Line of Defence that will provide independent assurance to the Board, Board Audit Committee and to the Management with regards to sufficiency of internal controls, compliance of policies and risk management processes.

Pengintegrasian Organisasi Melalui Amalan Pengurusan Risiko Menyeluruh

PERKESO mengamalkan pendekatan '*Enterprise Risk Management*' (ERM) dalam pengintegrasian pengurusan risiko ke dalam proses operasi dan pengambilan keputusan secara menyeluruh dalam organisasi. Pendekatan ini adalah sebahagian daripada amalan tadbir urus korporat yang baik berdasarkan kepada dasar, rangka kerja dan proses "ISO 31000:2018 Risk Management Principles & Guidelines". Struktur tadbir urus yang komprehensif, mandat dan sokongan daripada Lembaga dan pihak pengurusan adalah penting bagi memastikan pelaksanaan pengurusan risiko yang efektif. Ini perlu selaras dengan hala tuju strategik organisasi serta disokong oleh fungsi pengawasan dan kawal selia yang bersesuaian.





Organisational Integration through Comprehensive Risk Management Practices

SOCSO comprehensively practises the Enterprise Risk Management (ERM) approach in integrating risk management in its operational and decision-making processes. This approach is part of good corporate governance practice based on the policy, framework and process of ISO 31000:2018 Risk Management Principles & Guidelines. A comprehensive governance structure as well as mandate and support from the Board and the management are essential in ensuring effective implementation of risk management. This must be aligned with the organisation's strategic direction as well as supported by suitable monitoring and regulatory functions.



Pelaksanaan Pengurusan Operasi Risiko secara menyeluruh

Risiko operasi adalah risiko kerugian yang disebabkan oleh ketidakcukupan dan kegagalan di dalam proses dan prosedur, anggota dan sistem yang tidak berkemampuan atau disebabkan oleh peristiwa luaran yang boleh menyebabkan terjejasnya reputasi dan kestabilan kewangan organisasi.

PERKESO sentiasa memantau dan melaporkan risiko utamanya secara berkala bersama dengan pelan mitigasi kepada MRC dan BRC setiap sukuan tahun. Pemilik perniagaan juga terlibat dalam membentangkan risiko bahagian mereka untuk memupuk budaya dan akauntabiliti terhadap risiko masing-masing.

PERKESO memanfaatkan teknologi untuk mengurus risikonya melalui penggunaan sistem ERM berpusat. Ia membolehkan anggota mendapat akses untuk menilai dan mengemas kini profil risiko bahagian dan pejabat masing-masing. Pemantauan dan pengurusan risiko akan diuruskan melalui pemilik dari setiap bahagian dan pejabat.

Ketepatan dan kesempurnaan maklumat risiko yang dilaporkan dalam profil risiko akan disemak dan dijamin oleh pemilik risiko masing-masing pada setiap suku tahun melalui proses pengesahan Jaminan Digital Korporat (CDA) menerusi sistem ERM.

Comprehensive Implementation of Operational Risk Management

Operational risk is the risk of loss caused by insufficiency and failure in the process and procedure, incapacity of staff and system or caused by external events that may adversely affect the reputation and financial stability of the organisation.

SOCSO monitors and reports on its key risks and presents them together with a mitigation plan to the MRC and BRC quarterly. Risk owners are also involved in presenting the risks faced by their division to foster a culture and accountability for their respective risks.

SOCSO takes advantage of technology to manage its risks by using a centralised ERM system. This allows staff access to evaluate and update the risk profile of their respective division and office. Monitoring and management of risks are carried out by the owners from each division and office.

The accuracy and completeness of the risk information reported in the risk profile will be checked and assured by the respective risk owners each quarter, using the Corporate Digital Assurance (CDA) verification process through the ERM system.







Pelaksanaan BCM memastikan organisasi kekal berdaya tahan

PERKESO komited dalam melaksanakan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) untuk memastikan organisasi kekal berdaya tahan bagi melindungi manfaat kesemua pihak yang berkepentingan. Lembaga PERKESO dan pihak Pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan amalan BCM yang menyeluruh di dalam organisasi. Amalan ini merangkumi sebahagian daripada tadbir urus korporat dan pengurusan risiko yang mampan. BCM yang efektif membolehkan PERKESO;

- Memulih serta meneruskan fungsi operasi kritikal dalam tempoh masa yang ditetapkan selain meminimumkan kos kerosakan dan gangguan operasi akibat bencana;
- Meningkatkan keupayaan dalam membuat keputusan semasa krisis, dan menjamin operasi kritikal di Bahagian dan Pejabat dapat dipulihkan dalam tempoh masa yang ditetapkan, selepas bencana atau krisis; dan
- Melindungi anggota, harta, aset dan reputasi secara proaktif dari sebarang ancaman yang mengganggu-gugat operasi.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk mengurangkan kesan COVID-19 terhadap kesinambungan operasi seperti mengenalpasti fungsi-fungsi kritikal organisasi dan menyediakan strategi bersesuaian untuk menangani situasi pendamik COVID-19. Pelan Pandemik dan Protokol COVID -19 bagi anggota yang Positif juga telah di bangunkan sebagai langkah pemulihan operasi yang berterusan.

Selain itu, dalam memastikan ketersediaan berterusan untuk PERKESO melaksanakan operasinya semasa menghadapi pandemik, 'Desktop Walkthrough Exercise (DWE)' telah dijalankan untuk menguji protokol serta ketersediaan dan daya tahan operasi sekiranya terdapat anggota disahkan positif COVID-19.

'Notification Tree Exercise (NTE)' juga telah dijalankan di semua pejabat PERKESO untuk menguji koordinasi dan tindak balas komunikasi semasa berlakunya situasi yang tidak dirancang. Objektif latihan ini adalah untuk membolehkan para peserta bertindak segera kepada sebarang insiden yang dapat mengganggu keupayaan PERKESO untuk menyalurkan perkhidmatan utamanya. Hasil dari latihan BCM ini telah pun disampaikan kepada pihak pengurusan dan BRC.

Implementation of BCM ensures organisation's resilience

SOCSO is committed in implementing its Business Continuity Management (BCM) to ensure that it remains resilient in protecting the interests of all stakeholders. The Board of SOCSO and the Management are responsible in ensuring comprehensive implementation of BCM practices in the organisation. These practices include part of sustainable corporate governance and risk management. Effective BCM enables SOCSO:

- *To restore as well as continue critical operational functions within the designated time, in addition to minimising the cost of damage and operational disruption due to disasters;*
- *To increase its capacity in making decisions during a crisis, and to guarantee that critical operations in Divisions and Offices can be restored within the designated time, after a disaster or crisis; and*
- *To protect staff, property, asset and reputation proactively from any threats that disrupt operations.*

Various initiatives have been carried out to reduce the effect of COVID-19 with regards to operational continuity, such as identifying the organisation's critical functions and preparing appropriate strategies to handle the pandemic situation. The COVID-19 Pandemic and Protocol for staff who are infected was also developed as a continued operational restoration measure.

In addition, to ensure SOCSO's preparedness to continue operating during the pandemic, a Desktop Walkthrough Exercise (DWE) was conducted to test the operations protocol, as well as preparenedss and resilience in the event staff are confirmed to be COVID-19 positive.

Notification Tree Exercises (NTE) were also conducted at all SOCSO offices to test the coordination and communication reaction during unplanned situations. The objective of such training is to enable participants to act immediately in the event of any incident that can disrupt SOCSO's capacityto provide its key services. The result of this BCM training was presented to the management as well as the BRC.

Mengurus Risiko Pelaburan untuk Kemampanan Dana

Risiko pelaburan ditakrifkan sebagai kebarangkalian berlakunya kerugian ke atas pelaburan PERKESO yang boleh memberi impak negatif kepada kadar pulangan pelaburan. Pengurusan risiko pelaburan PERKESO dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu pengurusan risiko pasaran dan pengurusan risiko kredit.

Pengurusan Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko kerugian yang timbul dari pergerakan harga pasaran, kadar faedah, kadar pertukaran wang asing dan harga komoditi. Objektif utama pengurusan risiko pasaran adalah untuk melindungi dana sesebuah organisasi dan meminimumkan kerugian daripada perubahan pasaran yang tidak di jangka. Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran PERKESO menggariskan kaedah-kaedah pengukuran risiko untuk menilai dan mengurus pendedahan kepada risiko pasaran.

PERKESO menguruskan risiko pasaran di peringkat portfolio dan aset individu yang akan dipantau dan dilaporkan kepada MRC dan BRC. Untuk melengkapi pelaporan sedia ada, 'Management Action Trigger'(MAT) telah diperkenalkan untuk bertindak sebagai amaran awal bagi pihak Pengurusan untuk menilai semula risiko pendedahan portfolio. Antara alat pengukuran risiko yang digunakan untuk memantau dan melaporkan risiko pasaran adalah seperti berikut;

- Volatility (Total Risk) : Ukuran statistik risiko pada kadar turun naik pulangan sesebuah asset atau portfolio pelaburan.
- "Value at Risk" (VaR): Pengukuran jangkaan kerugian maksimum pada pelaburan dalam jangka masa dan tahap keyakinan yang ditetapkan.
- Analisa Sensitiviti: Pengukuran pendedahan kepada risiko pasaran untuk bon melalui kaedah "Modified Duration". Kaedah ini mengukur sensitiviti harga sesebuah bon terhadap pergerakan kadar faedah.
- Pengujian tekanan ('Sensitivity Analysis') : berteraskan senario 'what-if' untuk menganggarkan impak ke atas kedudukan portfolio aset pelaburan PERKESO berdasarkan peristiwa yang telah berlalu dan pergerakkan kepada faktor risiko tunggal seperti kadar faedah, mata wang atau penanda aras.
- 'Tracking Error' : ditakrifkan sebagai perbezaan sisihan piawai (standard deviation) antara pulangan sebenar portfolio dengann penanda arasnya.
- 'Portfolio Beta': Beta digunakan untuk mengukur kadar turun naik (risiko sistematik), sekuriti atau portfolio dibandingkan dengan penanda aras pasaran secara keseluruhan.

Managing Investment Risks for Sustainability of Funds

Investment risk is defined as the probability of loss on SOCSO's investment which may negatively impact returns on investment. The management of SOCSO's investment risk is divided into two main categories – market risk management and credit risk management.

Market Risk Management

Market risk is the risk of loss arising from movements in market prices, interest rates, foreign exchange rates and commodity prices. The main objective of market risk management is to protect the funds of an organisation and minimise losses arising from unexpected market changes. SOCSO's Market Risk Management Framework outlines the methods of measuring risk to evaluate and manage esposure to market risk.

SOCSO manages market risk at portfolio and individual asset levels which will be monitored and reported to the MRC and BRC. To complete the existing reporting, the Management action Trigger (MAT) was introduced to serve as early warning to the Management, to re-evaluate the risk of portfolio exposure. Among the risk measuring tools used to monitor and report market risk are as follows:

- *Volatility (Total Risk): Measurement of risk statistics at the fluctuation rates of return of an asset of investment portfolio.*
- *Value at Risk (VaR): Measurement of expected maximum loss on an investment within a stipulated period and confidence level.*
- *Sensitivity Analysis: Measurement of exposure to market risk for bonds, using the Modified Duration method. This method measures the sensitivity of the price of a bond towards movements in interest rates.*
- *Stress testing (Sensitivity Analysis): based on what-if scenario to estimate impact on the position of SOCSO' investment asset portfolio, based on past events and movement towards sole risk factor such as interest rate, exchange rate or benchmarks.*
- *Tracking Error: defined as a standard deviation between actual returns of portfolio against its benchmark.*
- *Beta Portfolio: Beta is used to measure the rate of fluctuation (systematic risk) of security or portfolio compared against overall market benchmarks.*

PERKESO menjalankan penilaiannya menerusi sistem untuk mengurus pendedahan risiko pasaran. Hasil analisa kemudiannya dilaporkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan Bahagian Pelaburan secara bulanan dan setiap suku tahun kepada MRC dan BRC.

SOCSO carries out its evaluation using a system to manage market risk exposure. The results of such analysis are then reported to the Chief Executive Officer and the Investment Division monthly, and quarterly to the MRC and BRC.

Pengurusan Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko berlakunya kerugian portfolio pelaburan disebabkan oleh kegagalan rakan niaga atau "counterparty" dalam melangsungkan bayaran obligasi yang dipersetujui. Matlamat pengurusan risiko kredit adalah untuk memaksimumkan kadar pulangan pelaburan yang telah dilaraskan dengan risiko yang boleh di terima serta mengekalkan pendedahan risiko kredit di dalam parameter yang munasabah. Pelaburan PERKESO terdedah kepada risiko kredit kerana adanya pelaburan dalam bon dan sukuk, hartanah, dana ekuiti swasta dan pasaran wang. Kaedah-kaedah pengurusan risiko kredit yang terkandung di dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit adalah berlandaskan prinsip dan pendekatan amalan terbaik pasaran. Antara kaedah-kaedah yang digunakan dalam mengawal pendedahan terhadap risiko kredit adalah seperti berikut;

Credit Risk Management

Credit risk is the risk of investment portfolio loss arising from the failure of business partner or counterparty to settle the agreed obligation payments. The goal of credit risk management is to maximise the investment returns rate which is adjusted to an acceptable risk as well as maintain the credit risk exposure within reasonable parameters. SOCSO's investments are exposed to credit risk as there are investments in bonds and sukuk, real property, private equity funds and the money markets. The credit risk management methods contained in the Credit Risk Management Framework are based on the principle and approach of market best practice. Among the methods used to control exposure towards credit risk are as follows:

- Had risiko kredit dan MAT untuk rakan niaga dan ketumpuan pada nama penerbit, sektor dan pergerakan penarafan kredit.
- *Credit risk limit and MAT for counterparties and concentration on the name of issuer, sector and credit rating movement.*
- Penilaian risiko dan penarafan kredit tahunan dalaman bagi kedudukan kredit penerbit bon atau sukuk
- *Risk assessment and internal annual credit rating for credit standing of bond or sukuk issuer.*
- Penilaian risiko kredit ke atas cadangan-cadangan pelaburan baru
- *Credit risk assessment on proposed new investments.*
- Penyenaraian rakan-rakan niaga yang berada di bawah pengawasan disebabkan kejatuhan penarafan.
- *Listing of counterparties that are under monitoring due to fall in ratings.*

Inisiatif Pengurusan Risiko pada Tahun 2020

Pada tahun 2020, PERKESO telah melaksanakan beberapa inisiatif baru yang dirancang dan tidak dirancang untuk memperkukuhkan pelaksanaan program pengurusan risiko dan meningkatkan daya ketahanan beroperasi seperti di bawah:

Tadbir Urus Risiko

- **Pengemaskinian semula Rangka Kerja Tadbir Urus Risiko dan ERM**

  Pengemaskinian semula Rangka Kerja Tadbir Urus Risiko dan ERM bertujuan untuk diselaraskan dengan Terma Rujukan (TOR) MRC dan BRC yang telah dikemaskini serta ISO 31000:2018 Risk Management Principles & Guidelines.

- **Pengemaskinian semula Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran dan Risiko Kredit**

  Penyemakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran dan Risiko Kredit terutama pada penyeragaman rangka kerja risiko PERKESO lain yang relevan, memperbaiki struktur tadbir urus risiko seperti peranan dan tanggungjawab pihak berkepentingan dan menentukan proses pelaporan risiko.

Penambahbaikkan proses

- **Kajian Risiko Tematik mengenai Proses Pengurusan Insurans**

  Bahagian Pengurusan Risiko telah menjalankan kajian risiko bebas mengenai tadbir urus dan proses pengurusan insurans yang diuruskan oleh Business Process Owners (BPO) masing-masing. Taksiran dan cadangan adalah berasaskan amalan pasaran yang standard dan menanda aras dengan amalan organisasi lain.

- **Penubuhan dan pelaksanaan SOP Pelaporan Insiden Operasi**

  SOP Pelaporan Insiden Operasi untuk Menara PERKESO dan pejabat PERKESO di seluruh negara ditubuhkan untuk mewujudkan mekanisma pelaporan insiden gangguan operasi, strategi pengendalian yang tersusun dan komprehensif. SOP ini telah dimasukkan ke dalam Rangka Kerja ERM yang telah dikemaskini.

Risk Management Initiatives in 2020

In 2020 SOCSO implemented several new initiatives, both planned and unplanned, to strengthen the implementation of risk management programmes and improve operational resilience as set out below:

Risk Governance

- ***Updating of Risk Governance Framework and ERM***

  The Risk Governance Framework and ERM were updated with a view to align the same with the MRC and BRC Terms of Reference (TOR) which have been updated, as well as with the ISO 31000:2018 Risk Management Principles & Guidelines.

- ***Updating of Market Risk and Credit Risk Management Framework***

  The Market and Credit Risk Management Framework was reviewed especially with regards to standardisation with other relevant SOCSO risk frameworks, improving the risk governance structure such as the role and responsibilities of stakeholders and determining the risk reporting process.

Process improvement

- ***Thematic Risk Study on the Insurance Management Process***

  The Risk Management Division conducted an independent risk study on the governance and insurance management process managed by the respective Business Process Owners (BPO). Assessment and proposals were based on standard market practices and benchmarking against the practices of other organisations.

- ***Establishment and implementation of Operations Incident Reporting SOP***

  The Operations Incident Reporting SOP for Menara PERKESO and SOCSO offices nationwide was established to create an operational disruptive incident reporting mechanism, as well as create an organised and comprehensive management strategy. The SOP is included in the updated ERM Framework.

- **Peningkatan Pelaporan Pengurusan Risiko Operasi Berterusan**

  Bahagian Pengurusan Risiko telah menjalankan 41 sesi fasilitasi berkaitan pengemaskinian kad skor risiko yang melibatkan lebih daripada 130 pemilik risiko dan wakil pengurusan untuk mengkaji semula dan mengemaskini Kad Skor Risiko Korporat dan Bahagian termasuklah pelan tindakan mitigasi sebagai tindak balas terhadap ketidaktentuan landskap risiko semasa. Perbincangan dan pengemaskinian risiko secara berkala adalah penting untuk memupuk budaya dan akauntabiliti di kalangan pemilik risiko.

- ***Enhancement of Continued Operational Risk Management Reporting***

  The Risk Management Division carried out 41 facilitation sessions regarding the updating of the risk scorecards involving more than 130 risk owners and representatives of the management, to review and update the Corporate and Division Risk Scorecards including a mitigation action plan as reaction to the uncertainties of the current risk landscape. Regular discussions and updating of risks are important to foster the culture and accountability amongst risk owners.

- **Keupayaan BCM yang Berterusan**

  - Mengkaji semula tindak balas gangguan operasi dan strategi pemulihan untuk menangani kesan terhadap krisis pandemik COVID-19.
  - Pelan Pandemik PERKESO dan Protokol COVID-19 Positif Kakitangan telah dibangunkan untuk mengurus dan menyelaraskan pemulihan operasi serta tindakan yang perlu dilakukan bagi menangani COVID-19 di PERKESO
  - 'Desktop Walkthrough Exercise (DWE)' telah dijalankan di ibu pejabat PERKESO untuk menguji ketersediaan pemulihan BCM sekiranya terdapat anggota disahkan positif COVID-19.
  - 'Notification Tree Exercise (NTE)' telah dijalankan di semua pejabat PERKESO untuk menguji tahap koordinasi dan komunikasi respon semasa pemulihan krisis.
  - Mengenalpasti 'Buddy Office' bagi setiap pejabat PERKESO supaya pejabat PERKESO tersedia sekiranya berlaku sebarang krisis atau insiden yang mengganggu operasi perkhidmatan.

- ***Continued BCM Capacity***

  - *Review of operational disruption reaction and recovery strategy to handle the effects of COVID-19 pandemic.*
  - *The SOCSO Pandemic Plan and Staff COVID-19 Positive Protocal were developed to manage and coordinate recovery of operation as well as actions needed to be taken to handle COVID-19 in the organisation.*
  - *The Desktop Walkthrough Exercise (DWE) was conducted at the SOCSO headquarters to test the BCM recovery preparedness in the event of staff confirmed to be COVID-19 positive.*
  - *Notification Tree Exercises (NTE) were conducted at all SOCSO offices to test the level of coordination and responsive communication during crisis recovery.*
  - *Identification of Buddy Office for each SOCSO office so that an office is ready in the event of a crisis or incident that disrupts service operations.*

- **Penambahbaikkan kaedah pengukuran dan pelaporan risiko pelaburan**

  Pelaporan berkala yang disediakan untuk pengurusan dan jawatankuasa risiko adalah pengujian tekanan ('Stress Test') ke atas portfolio pelaburan akibat daripada krisis Pandemik Covid-19 dan krisis kewangan atau bukan kewangan yang berpotensi mempengaruhi pulangan pelaburan PERKESO. Selain itu, laporan juga mengandungi kaedah pengukuran risiko yang melihat kepada perbandingan risiko sesebuah portfolio dan hasil 'risk return trade-off' pelaburan.

- ***Improvement to the method of measuring and reporting investment risks***

  The periodic reporting prepared for the management and risk committee include the stress test on investment portfolio due to the COVID-19 pandemic and financial or non-financial crisis that have the potential to influence SOCSO's investment returns. In addition, the report also contains the risk measurement method that looks towards comparison of risk to a certain portfolio against the investment risk return trade-off.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN

KEY FINANCIAL PERFORMANCE INDICATOR REVIEW



ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
KEY FINANCIAL PERFORMANCE INDICATOR REVIEW

"Secara keseluruhannya, jumlah hasil PERKESO bagi tahun 2020 meningkat sebanyak RM137.57 juta atau 2.22% kepada RM6,328.92 juta berbanding RM6,191.35 juta pada tahun 2019.

Jumlah belanja PERKESO turut meningkat sebanyak RM682.18 juta atau 13.98 % kepada RM5,563.17 juta berbanding RM4,880.99 juta pada tahun 2019. Dengan itu, lebihan PERKESO bagi tahun 2020 menurun sebanyak RM544.61 juta atau 41.56% kepada RM765.75 juta berbanding RM1,310.36 juta pada tahun 2019."

Overall, SOCSO's total revenue increased by RM137.57 million or 2.22% in 2020 to RM6,328.92 million compared to RM6,191.35 million in 2019.

SOCSO's total expenditure also increased by RM682.18 million or 13.98% to RM5,563.17 million compared to RM4,880.99 million in 2019. As such, the organisation's surplus in 2020 went down by RM544.61 million or 41.56% to RM765.75 million compared to RM1,310.36 million in 2019.

PERKESO

DATIN AZLAILY BINTI ABD RAHMAN

Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat)
Deputy Chief Executive (Corporate)

ULASAN PRESTASI KEWANGAN
FINANCIAL PERFORMANCE REVIEW



Pendapatan caruman meningkat sebanyak RM229.37 juta atau 4.80% kepada RM5,012.28 juta berbanding RM4,782.91 juta pada 2019 terutamanya berikutan pelaksanaan Skim Bencana Kerja Pekerja Asing berkuat kuasa 1 Januari 2019 yang menyumbang peningkatan ketara pendapatan caruman PERKESO pada tahun 2020. Selain itu, peningkatan kutipan caruman ini juga mencerminkan tahap kesedaran yang kian meningkat di kalangan majikan, pekerja dan orang bekerja sendiri mengenai tanggungjawab mereka untuk mencarum kepada PERKESO berikutan keberkesanan kempen kesedaran dan aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh PERKESO.

Contributions income increased by RM229.37 million or 4.8% to RM5,012.28 million compared to RM4,782.91 million in 2019 especially following the implementation of the Foreign Workers' Employment Injury Scheme on 1st January 2019 which contributed to the obvious increase in SOCSO's contributions income in 2020. In addition, this increase in contributions collection also reflects an increased awareness among employers, employees and self-employed persons of their responsibility to contribute to SOCSO, as a result of the effectiveness of awareness campaigns and enforcement activities conducted by SOCSO.

Pendapatan pelaburan kasar pula menurun sebanyak RM37.26 juta atau 2.87% kepada RM1,260.22 juta berbanding RM1,297.48 juta pada tahun 2019 terutamanya berikutan penurunan dalam pendapatan dividen dan faedah serta peningkatan kerugian belum realis atas pertukaran asing.

Gross investment income, on the other hand, was reduced by RM37.26 million or 2.87% to RM1,260.22 million compared to RM1,297.48 million in 2019 especially following the reduction in income from dividends and interest as well as an increase in unrealised losses on foreign exchange.

Sementara itu, belanja tanggungan meningkat sebanyak RM528.58 juta atau 12.64% kepada RM4,709.42 juta pada tahun 2020 berbanding RM4,180.84 juta pada tahun sebelumnya terutamanya berikutan peningkatan dalam bayaran faedah jangka panjang dan bayaran faedah full fledge Sistem Insurans Pekerjaan.

Meanwhile, benefits expenses rose by RM528.58 million or 12.64% to RM4,709.42 million in 2020 compared to RM4,180.84 million in the previous year following an increase in payments of long-term benefits and payments of full-fledge benefits under the Employment Insurance System.

Belanja operasi turut meningkat sebanyak RM79.24 juta atau 12.12% kepada RM732.96 juta berbanding RM653.72 juta pada tahun 2019 berikutan peningkatan perbelanjaan manfaat anggota dan susut nilai aset tetap.

Operating expenses also increased by RM79.24 million or 12.12% to RM732.96 million compared to RM653.72 million in 2019 as a result of an increase in expenditure in terms of staff benefits and depreciation of fixed assets.

Kerugian penjejasan aset kewangan juga meningkat sebanyak RM74.36 juta atau 160.16% kepada RM120.79 juta pada tahun 2020 berbanding RM46.43 juta pada tahun sebelumnya berikutan penurunan harga saham di pasaran pada akhir tahun 2020.

Financial asset impairment loss also rose by RM74.36 million or 160.16% to RM120.79 million in 2020 compared to RM46.43 million in the preceeding year, following a reduction in share prices in the market at the end of 2020.

Prestasi kewangan PERKESO adalah seperti di Jadual 1, Carta 1 dan 2.

SOCSO's financial performance is as set out in Table 1, Charts 1 and 2.

JADUAL / *TABLE 1*

PRESTASI KEWANGAN PERKESO
SOCSO'S FINANCIAL PERFORMANCE

PERKARA / TAHUN *SUBJECT / YEAR*	2019 RM JUTA/*MILLION*	2020 RM JUTA/*MILLION*
Pendapatan Caruman *Contributions Income*	4,782.91	5,012. 28
Geran Kerajaan *Government Grant*	60.21	
Pendapatan Pelaburan Kasar *Gross Investment Income*	1,297.48	1,260.22
Lain-lain Pendapatan Bukan Pelaburan *Other Non-Investment Income*	50.75	56.42
Jumlah Hasil *Total Revenue*	**6,191.35**	**6,328.92**
Belanja Tanggungan *Benefits Expenses*	4,180.84	4,709.42
Belanja Operasi *Operating Expenses*	653.72	732.96
Kerugian Penjejasan / (Catatan Semula) Aset Kewangan *Impairment Losses / (Writeback) For Financial Assets*	46.43	120.79
Jumlah Belanja *Total Expenses*	**4,880.99**	**5,563.16**
Lebihan Bagi Tahun *Surplus For The Year*	1,310.36	765.75
Rizab Keselamatan Sosial *Social Security Reserve*	30,343.44	31,469.14

CARTA / *CHART 1*

Komponen Hasil 2020
Revenue Components 2020



CARTA / *CHART 2*

Komponen Belanja 2020
Expenses Components 2020



KOMPONEN BELANJA OPERASI 2019-2020
OPERATING EXPENSES COMPONENTS 2019-2020

BELANJA OPERASI / *OPERATING EXPENSES*	
2019	2020
RM732.96 Juta / *Million*	RM 653.72 Juta / *Million*
Meningkat Sebanyak / *Increased By 12.12%*	



JADUAL / *TABLE 2*

Belanja Operasi
Operating Expenses

KOMPONEN / *COMPONENTS*	2019 RM Juta / *Million*	2020 RM Juta / *Million*	Perubahan *Changes (%)*
Kos Anggota / *Staff Costs*	395.13	412. 91	4.50
Bayaran Audit / *Audit Fees*	0.50	0.32	(36.00)
Susut Nilai Hartanah dan Peralatan/ *Depreciation of Property and Equipment*	44.76	70.58	57.69
Pelunasan Perisian Komputer / *Amortisation of Computer Software*	23.34	47.57	103.80
Kerugian Daripada Pelupusan Hartanah Dan Peralatan/ *Losses From Disposal of Property and Equipment*	0.27	0.01	(96.30)
Perbelanjaan Sewa / *Rental Expenditure*	38.14	34.32	(10.02)
Bekalan dan Perkhidmatan/ *Services and Supplies*	123.03	136.14	10.66
Harta Perbekalan / *Supplies Items*	2.48	3.08	24.19
Pemberian dan Bayaran Tetap / *Grants and Fixed Payments*	0.41	0.42	2.44
Perbelanjaan Pelaburan / *Investment Expenditure*	9.59	13.26	38.27
Lain-lain Perbelanjaan Operasi / *Other Operating Expenditure*	16.07	14.35	(10.70)
JUMLAH/*TOTAL*	**653.72**	**732.96**	**12.12%**

CARTA / *CHART 3*

KOMPONEN BELANJA OPERASI 2020
OPERATING EXPENSES COMPONENTS 2020



RM412.91 Juta / *Million* Kos Angota / *Staff Costs*	RM0.01 juta / *million* Kerugian Daripada Pelupusan Hartanah dan Peralatan/ *Losses From Disposal of Property and Equipment*	RM13.26 juta / *million* Perbelanjaan Pelaburan / *Investment Expenditure*
RM0.3 juta / *million* Bayaran audit / *Audit Fees*	RM34.32 juta / *million* Perbelanjaan Sewa / *Rental Expenditure*	RM0.45 juta / *million* Pemberian dan Bayaran Tetap / *Grants and Fixed Payments*
RM70.58 juta / *million* Susut Nilat Hartanah Dan Peralatan / *Depreciation of Property and Equipment*	RM136.14 juta / *million* Bekalan dan Perkhidmatan / *Services and Supplies*	RM14.35 juta / *million* Lain-Lain Perbelanjaan Operasi / *Other Operating Expenditure*
RM47.57 juta / *million* Pelunasan Perisian Komputer/ *Amortisation of Computer Software*	RM3.08 juta / *million* Harta Perbekalan / *Supplies Items*	

RINGKASAN PETUNJUK PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2016 – 2020
FINANCIAL PERFORMANCE INDICATORS SUMMARY 2016 – 2020

Pada keseluruhannya, petunjuk prestasi kewangan PERKESO bagi tempoh 2016 - 2020 adalah seperti di Graf 1 - 5.

Overall, SOCSO's financial performance indicators for the period 2016-2020 are as shown in Graphs 1-5.

GRAF / *GRAPH 1*

JUMLAH HASIL 2016 - 2020
TOTAL REVENUE 2016 - 2020



GRAF / *GRAPH 2*

JUMLAH BELANJA 2016 - 2020
TOTAL EXPENSES 2016 - 2020



GRAF / *GRAPH 3*

LEBIHAN 2016 - 2020
SURPLUS 2016 - 2020



GRAF / *GRAPH 4*

JUMLAH ASET 2016 - 2020
TOTAL ASSETS 2016 - 2020



GRAF / *GRAPH 5*

RIZAB PERKESO 2016 - 2020
SOCSO'S RESERVE 2016 - 2020





ULASAN PRESTASI PELABURAN
INVESTMENT PERFORMANCE REVIEW



DATO' DR. SUZANA IDAYU WATI BINTI OSMAN
Ketua Pegawai Pelaburan
Bahagian Pelaburan

Chief Investment Officer, Investment Division

ULASAN PRESTASI PELABURAN

INVESTMENT PERFORMANCE REVIEW

2020 merupakan tahun yang sangat mencabar kerana pandemik COVID-19 global memberi kesan yang signifikan kepada ekonomi global dan domestik dan mencetuskan persekitaran pasaran yang tidak menentu. Dana pelaburan PERKESO kurang terjejas disebabkan strategi pelaburan jangka panjang yang memberi fokus kepada alokasi aset defensif yang menyediakan sokongan melalui pendedahan yang tinggi dalam aset-aset yang selamat seperti instrumen-instrumen pendapatan tetap dan pasaran wang. Pendapatan pelaburan untuk Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), menurun sebanyak 10.53% pada tahun 2020 kepada RM1,093.42 juta daripada RM1,222.08 juta pada tahun 2019. Bagaimanapun, dana pelaburan untuk Akta 4 telah meningkat sebanyak 3.32% kepada RM29,598.59 juta daripada RM28,646.32 juta pada tahun 2019. Dana PERKESO akan meneruskan strategi pelaburan yang berhemah ke arah mencapai objektif bagi menjana pulangan jangka panjang yang mampan dan pemeliharaan modal. Dana pelaburan untuk Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) sehingga 31 Disember 2020 adalah masing-masing sebanyak RM80.70 juta dan RM1,056.44 juta.

2020 has been a very challenging year as global COVID-19 pandemic significantly impacted global and domestic economy and triggered a volatile market environment. SOCSO's assets under management were less affected as its long term investment strategy which focuses on defensive asset allocation provided a cushion through high exposure in safe haven assets such as fixed income and money market instruments. Investment income for Employees' Social Security Act 1969 (Act 4), decreased by 10.53% in 2020 to RM1,093.42 million from RM1,222.08 million in 2019. However, assets under management for Act 4 grew by 3.32% to RM29,598.59 million from RM28,646.32 million in 2019. SOCSO's fund will continue to pursue prudent investment strategy as it strives towards achieving its objective of delivering sustainable long term return and preservation of capital. Assets under management for Self-Employment Social Security Act 2017 (Act 789) and Employment Insurance System Act 2017 (Act 800) as at 31 Dec 2020 is RM80.70 million and RM1,056.44 million respectively.

DANA PELABURAN PERKESO
SOCSO'S ASSETS UNDER MANAGEMENT

DANA PELABURAN PERKESO / *SOCSO'S ASSETS UNDER MANAGEMENT*	
2019	2020
RM29,773.72 Juta / *Million*	RM30,735.73 Juta / *Million*
Meningkat Sebanyak / *Increased By 3.23%*	



Jumlah keseluruhan dana pelaburan PERKESO yang merangkumi Akta 4, Akta 789 dan Akta 800 meningkat sebanyak RM962.02 juta atau 3.23% daripada RM29,773.72 juta pada tahun 2019 kepada RM30,735.73 juta pada tahun 2020.

SOCSO's total assets under management (AUM) which includes Act 4, Act 789 and Act 800 increased by RM962.02 million or 3.23% from RM29,773.72 million in 2019 to RM30,735.73 million in 2020.

Dana pelaburan PERKESO untuk Akta 4 meningkat sebanyak RM952.27 juta atau 3.32% pada tahun 2020. Pertumbuhan dana pelaburan tersebut adalah disumbangkan terutamanya oleh peningkatan nilai portfolio pendapatan tetap, yang mendapat manfaat daripada penghindaran risiko dan penurunan kadar faedah. Graf 6 di bawah menunjukkan pertumbuhan dana pelaburan PERKESO untuk Akta 4 bagi tempoh lima tahun yang lepas.

SOCSO's AUM for Act 4 increased by RM952.27 million or 3.32% in 2020. The growth in the AUM was mainly contributed by the increase in fixed income portfolio value, which benefited from risk aversion and decline in interest rates. Graph 6 below depicts the growth of SOCSO's AUM for Act 4 the past five years.

GRAF / *GRAPH 6*

DANA PELABURAN PERKESO UNTUK AKTA 4 (2016 - 2020)
SOCSO'S ASSETS UNDER MANAGEMENT FOR ACT 4 (2016 - 2020)



Dana Akta 789 meningkat sebanyak 20.09% kepada RM80.70 juta, manakala dana Akta 800 menurun sedikit sebanyak 0.35% kepada RM1,056.44 juta.

Act 789 fund grew 20.09% to RM80.70 million, while Act 800 fund dropped marginally by 0.35% to RM1,056.44 million.

Carta 4 menunjukkan alokasi dana pelaburan untuk Akta 4 mengikut jenis instrumen, sehingga 31 Disember 2020.

Chart 4 illustrates investment fund allocations for Act 4 according to type of instruments, as at 31 December 2020.

CARTA / *CHART 4*

DANA PELABURAN - ALOKASI DANA UNTUK AKTA 4
ASSETS UNDER MANAGEMENT - FUND ALLOCATION FOR ACT 4



PULANGAN PELABURAN PERKESO
SOCSO'S INVESTMENT RETURNS

PULANGAN PELABURAN PERKESO / *SOCSO'S INVESTMENT RETURNS*	
2019	2020
RM 1,255.86 Juta / *Million*	**RM 1,139.57** Juta / *Million*



Pandemik COVID-19 pada tahun 2020 secara keseluruhannya telah mempengaruhi strategi pelaburan PERKESO bagi mencapai sasaran pulangan. Walaupun begitu, PERKESO telah berjaya bertindak balas terhadap keadaan pasaran yang mencabar dan mengekalkan pulangan yang memuaskan. Pendapatan keseluruhan yang dijana daripada aktiviti-aktiviti pelaburan untuk Akta 4 menurun kepada RM1,093.42 juta, RM128.65 juta atau 10.53% lebih rendah berbanding RM1,222.08 juta yang dijana pada tahun 2019. Jumlah tersebut adalah termasuk rosot nilai untuk ekuiti.

Bagi dana Akta 789 dan Akta 800, PERKESO telah menjana sebanyak RM46.15 juta daripada aktiviti-aktiviti pasaran wang, iaitu peningkatan sebanyak RM12.37 juta berbanding pendapatan yang dijana untuk tahun 2019.

COVID-19 pandemic in 2020 has broadly affected SOCSO's investment strategy to achieve its targeted returns. Nevertheless, SOCSO was able to respond to the challenging market conditions and maintain satisfactory returns. Overall income generated from investment activities for Act 4 in 2020 decreased to RM1,093.42 million, RM128.65 million or 10.53% lesser than RM1,222.08 million generated in year 2019. This amount was inclusive of the impairment of equity.

For Act 789 dan Act 800 fund, SOCSO has generated RM46.15 million from money market activities, which is an increase of RM12.37 million as compared to income generated for year 2019.

ULASAN PASARAN
MARKET REVIEW

Ekonomi Global

Pandemik COVID-19 telah mengubah dunia secara dramatik pada tahun 2020. Ianya telah membawa kepada pelaksanaan kuarantin wajib dan amalan penjarakan sosial di banyak negara untuk membendung pandemik tersebut. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), telah meletakkan dunia dalam keadaan *'Great Lockdown'*, dengan perubahan dramatik dalam geopolitik, aktiviti ekonomi, tingkah laku pengguna, dan berlakunya keterhutangan.

Jumlah sokongan fiskal yang signifikan dan pelonggaran pendirian monetari telah diterima pakai oleh semua negara ketika aktiviti-aktiviti ekonomi terhenti apabila pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia menguncup secara mendadak sebanyak 8.9% tahun ke tahun pada suku kedua tahun 2020. Kerajaan di seluruh dunia membelanjakan kira-kira ASD14 trilion melalui rangsangan fiskal dan monetari untuk menyelamatkan nyawa dan mata pencarian dengan melindungi pekerjaan dan perniagaan.

Pelonggaran sekatan pergerakan secara berperingkat pada suku ketiga tahun 2020 apabila kes-kes COVID-19 menurun telah memberikan kelegaan ekonomi disokong oleh peningkatan dalam penggunaan swasta. Bagaimanapun, lantunan adalah untuk tempoh yang pendek disebabkan peningkatan semula kes-kes COVID-19 pada akhir tahun 2020 yang menyebabkan pelaksanaan semula sekatan pergerakan. Namun begitu, kelulusan pelbagai vaksin dan pelancaran vaksinasi di beberapa negara pada bulan Disember 2020 meningkatkan harapan untuk menamatkan pandemik.

Melangkah ke hadapan, kelembapan ekonomi yang disebabkan oleh penutupan ekonomi utama dijangka memberi ruang kepada pertumbuhan ekonomi yang pantas hasil daripada pelancaran vaksin yang progresif dan sokongan polisi fiskal dan monetari yang berterusan. Kadar pertumbuhan di antara negara adalah berbeza bergantung masing-masing kepada akses perubatan, keberkesanan sokongan polisi dan pelarasan struktur dalam ekonomi.

Di tengah - tengah ketidaktentuan yang luar biasa, ekonomi global diunjurkan berkembang sebanyak 5.9% pada tahun 2021 dan 4.9% pada tahun 2022.

Global Economy

The COVID-19 pandemic changed the world dramatically in 2020. It has led to implementation of necessary quarantines and social distancing practices in many countries to contain the pandemic. The world, in the words of International Monetary Fund (IMF), has been put in a 'Great Lockdown', with dramatic changes in geopolitics, economic activity, consumer behaviour, and indebtedness that followed suit.

Significant amount of fiscal supports and loosening of monetary stance were adopted by all countries as economic activities came to a standstill when the world Gross Domestic Product (GDP) growth contracted sharply by 8.9% year-on-year (YoY) in second quarter of 2020. Governments globally spent approximately USD14trillion through fiscal and monetary stimulus to save lives and livelihood by protecting jobs and businesses.

A gradual easing of lockdowns in third quarter of 2020 as COVID-19 cases declined provided economic relief supported by revival in private consumption. Unfortunately, the rebound was short-lived due to resurgence in cases in late 2020 that triggered renewed lockdowns. Nevertheless, the multiple vaccine approvals and the launch of vaccination in some countries in December 2020 raised hopes of an eventual end to the pandemic.

Moving forward, economic weakness due to lockdowns in major economies is expected to give way to acceleration in economic growth arising from progressive rollout of vaccines and continued fiscal and monetary policy support. Growth rates across countries will nonetheless diverge subject to respective medical access, effectiveness of policy support and structural adjustments in their economy.

Amid exceptional uncertainty, the global economy is projected to grow 5.9% in 2021 and 4.9% in 2022.

Ekonomi Malaysia

Secara keseluruhan, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia untuk tahun 2020 menguncup sebanyak 5.6%, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 4.3% pada tahun 2019, disebabkan oleh beberapa langkah sekatan pergerakan yang dilaksanakan di sepanjang tahun sejak bulan Mac 2020 bagi membendung wabak COVID-19. Aktiviti-aktiviti ekonomi yang perlahan telah membawa kepada pertumbuhan negatif tiga suku berturut-turut pada tahun 2020 yang mana belum pernah berlaku sebelumnya.

Kadar pengangguran melonjak kepada 4.8% pada tahun 2020 berbanding 3.3% pada tahun 2019. Ini menyebabkan pendapatan boleh guna telah menurun dan secara tidak langsung membawa kepada penurunan Pendapatan Negara Kasar (PNK) daripada RM45,212 pada tahun 2019 kepada RM42,531 pada tahun 2020.

Bagi memulihkan semula ekonomi, Kerajaan telah melancarkan empat pakej rangsangan ekonomi komprehensif yang berjumlah RM305 bilion atau kira-kira 20% daripada KDNK. Pakej rangsangan ekonomi tersebut bertujuan untuk merangsang pertumbuhan sehingga empat mata peratusan kepada ekonomi negara.

KDNK Malaysia dijangka berkembang di antara 3% dan 4% pada tahun 2021, selepas menguncup sebanyak 5.6% pada tahun 2020 disebabkan oleh pandemik COVID-19. Pemulihan yang kukuh dalam pertumbuhan KDNK akan dipacu oleh jangkaan peningkatan dalam pertumbuhan global dan perdagangan antarabangsa. Bagaimanapun, prospek tersebut bergantung kepada dua faktor utama, iaitu kejayaan dalam membendung pandemik dan pemulihan yang berterusan dalam permintaan luar. Secara keseluruhan, asas ekonomi negara yang kukuh dan kepelbagaian ekonomi yang baik akan membantu menyokong pertumbuhan ekonomi.

Malaysian Economy

Overall, Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) for 2020 contracted by 5.6%, as compared to 4.3% growth in 2019, due to multiple lockdown measures imposed throughout the year since March 2020 to curb the outbreak of COVID-19. Sharp slowdown in economic activities led to unprecedented three consecutive quarters of negative growth in 2020.

Unemployment rate surged to 4.8% in 2020 versus 3.3% in 2019. This caused disposable income to decline and indirectly led to a decrease of Gross National Income (GNI) from RM45,212 in 2019 to RM42,531 in 2020.

To revive the economy, the Government has rolled out four comprehensive economic stimulus packages totalling RM305 billion or approximately 20% of GDP. These economic stimulus packages aim to boost up to four percentage points of growth to our economy.

Malaysia's GDP is expected to grow between 3% and 4% in 2021, after a 5.6% contraction in 2020 owing to COVID-19 pandemic. The strong rebound in GDP growth will be driven by the anticipated improvement in global growth and international trade. However, the outlook hinges on two major factors, the successful containment of the pandemic and sustained recovery in external demand. Overall, the country's strong economic fundamentals and a well-diversified economy will help to support its economic growth.



Pasaran Ekuiti

FBM KLCI mengakhiri tahun 2020 lebih tinggi sebanyak 2.42% kepada 1,627.21 mata, selepas mencatatkan pulangan negatif untuk dua tahun berturut-turut, disebabkan oleh aliran meningkat dalam sektor sarung tangan getah dan penjagaan kesihatan dan pemulihan saham-saham perbankan di tengah-tengah peningkatan minat pelabur runcit di pasaran ekuiti. Pulangan positif tersebut boleh dibanggakan walaupun pandemik COVID-19 yang berlaku telah melemahkan pertumbuhan ekonomi, susulan sentimen pasaran semakin pulih menjelang akhir tahun berikutan peningkatan keyakinan yang diterajui oleh pemulihan pemberian vaksin pada tahun 2021.

Bagi tahun penuh 2020, nilai purata urusniaga harian Bursa Malaysia meningkat sebanyak 118.14% kepada RM4.21 bilion, manakala jumlah urusniaga meningkat sebanyak 283.01% kepada 7.5 bilion unit disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti-aktiviti runcit. Tahun ke tahun, penjagaan kesihatan (+185.15%), teknologi (+80.53%) dan pengangkutan (+4.14%) adalah sektor-sektor yang merekodkan prestasi terbaik pada tahun 2020, manakala tenaga (-28.62%), amanah pelaburan hartanah (-13.67%), hartanah (-11.47%) dan pembinaan (-10.61%) adalah antara sektor-sektor yang ketinggalan.

Equity Market

FBM KLCI ended 2020 2.42% higher to 1,627.21 points, after two consecutive years of negative returns, attributable to the uptrend in glove and healthcare sector and recovery in banking stocks amid rising retail interests in the equity market. The positive return was commendable despite the ongoing COVID-19 pandemic undermining economic growth, as market sentiment recovered towards the end of the year on growing optimism of a vaccine-led recovery in 2021.

For the full year 2020, Bursa Malaysia's average daily trading value increased by 118.14% to RM4.21 billion, while volumes rose by 283.01% to 7.5 billion units attributed to the resurgence in retail activities. Year-on-year, healthcare (+185.15%), technology (+80.53%) and transport (+4.14%) were the best performing sectors in 2020, while energy (-28.62%), REIT (-13.67%), property (-11.47%) and construction (-10.61%) were among the laggards.

Prestasi Indeks Sektor Bursa Malaysia Untuk Tahun 2020
Performance Of Bursa Malaysia Sectoral Indices For 2020

Indeks Penjagaan Kesihatan / *Healthcare Index*	+185.15%
Indeks Teknologi / *Technology Index*	+80.53%
Indeks Pengangkutan / *Transport Index*	+4.14%
Indeks Kewangan / *Finance Index*	-1.95%
Indeks Utiliti / *Utility Index*	-2.82%
Indeks Telekomunikasi / *Telecommunication Index*	-2.99%
Indeks Perladangan / *Plantation Index*	-6.12%
Indeks Barang Pengguna / *Consumer Product Index*	-7.63%
Indeks Pembinaan / *Construction Index*	-10.61%
Indeks Hartanah / *Property Index*	-11.47%
Indeks Amanah Pelaburan Hartanah / *REIT Index*	-13.67%
Indeks Tenaga / *Energy Index*	-28.62%

Pasaran Bon

Pada tahun 2020, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 125 mata asas kepada 1.75% (22 Januari 2020: -25 mata asas, 3 Mac 2020: -25 mata asas, 5 Mei 2020: -50 mata asas dan 7 Julai 2020: -25 mata asas) untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) juga telah diturunkan kepada 2% untuk menambah kecairan manakala pendirian polisi monetari kekal akomodatif meskipun dikelilingi ketidakpastian pandemik COVID-19.

Bond Market

In 2020, Bank Negara Malaysia (BNM) has cut Overnight Policy Rate (OPR) by 125 bps to 1.75% (22 January 2020: -25 bps, 3 March 2020: -25 bps, 5 May 2020: -50 bps and 7 July 2020: -25 bps) to support economic growth. Statutory Reserve Requirement (SRR) ratio has also been lowered to 2% to shore up liquidity while monetary policy stance has remained accommodative given uncertainties surrounding the COVID-19 pandemic.

Pada tahun 2020, keluk kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia bergerak lebih rendah sebanyak 25 hingga 123 mata asas dengan *tranche* jangka pendek merosot paling banyak, disokong oleh permintaan yang stabil daripada pelabur-pelabur tempatan dan asing. Permintaan asing di sepanjang tahun bagi bon dalam mata wang Ringgit adalah berjumlah RM18.3 bilion, menjadikan jumlah pegangan asing kepada RM223 bilion sehingga bulan Disember 2020. Pada tahun 2020, Ringgit Malaysia telah mengukuh berbanding dolar AS sebanyak 1.84% untuk ditutup pada RM4.0170.

In 2020, the Malaysian Government Securities yield curve moved lower by 25 to 123 bps with short tenure tranches declining the most, supported by stable demand from local and foreign investors. Full year foreign demand of Ringgit bonds amounted RM18.3 billion, bringing foreign holdings to RM223 billion as of December 2020. In 2020, the Malaysian Ringgit strengthened against USD by 1.84% to close at RM4.0170.

Secara keseluruhan, pasaran bon tempatan menyaksikan peningkatan permintaan untuk kadar hasil di tengah-tengah polisi monetari yang akomodatif. Persekitaran kadar faedah global yang rendah menjadikan kadar hasil bon global lebih rendah dan ini menarik minat dalam bon mata wang tempatan dengan kadar hasil yang lebih tinggi seperti bon dalam mata wang Ringgit.

Overall, the local bond market saw rising demand for yields amid accommodative monetary policy. The benign global interest rate environment anchored global bond yields lower and fuelled interest in higher yielding local currency bond such as Ringgit bonds.

AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN DALAMAN
IN-HOUSE INVESTMENT ACTIVITIES

Ekuiti

Bagi portfolio ekuiti dalaman, PERKESO meneruskan usaha bagi mencapai alokasi yang seimbang di antara sektor defensif dan kitaran serta memberi perhatian kepada risiko penanda aras melalui strategi alokasi sektor dan pemilihan saham. Proses pemilihan saham akan berterusan ditambahbaik melalui penyelidikan ekuiti asas dari bawah ke atas yang menumpukan kepada syarikat-syarikat berkualiti dengan prospek pertumbuhan yang baik, penyata imbangan yang kukuh dan pengurusan berkualiti dengan pertimbangan tambahan terhadap syarikat yang mempunyai amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Equity

For internal equity portfolio, SOCSO continues to pursue a balanced allocation between defensive and cyclical sectors while taking cognisance of benchmark risks through sector allocation and stock selection strategies. Stock selection process will be constantly enhanced via bottom-up fundamental equity research focusing on quality companies with good growth prospects, strong balance sheets and quality management with additional consideration towards those with commendable Environmental, Social and Governance (ESG) practices.

Pelaburan dalam ekuiti domestik untuk portfolio ekuiti dalaman PERKESO adalah berjumlah RM3,229.64 juta, yang mewakili 10.91% daripada jumlah dana Akta 4 sehingga akhir tahun 2020. Berbanding dengan tahun 2019, pelaburan dalam ekuiti domestik lebih tinggi sebanyak 14.30% atau RM404.00 juta. Pada tahun 2020, kelas aset ini menjana pendapatan dividen sebanyak RM89.36 juta dan keuntungan modal dalam penjualan saham sebanyak RM61.98 juta.

Investment in domestic equity for SOCSO's internal equity portfolio amounted to RM3,229.64 million, which represents 10.91% of total Act 4 fund's as at end of 2020. Comparing with 2019, investment in domestic equity was higher by 14.30% or RM404.00 million. In 2020, this asset class generated dividend income of RM89.36 million and capital gains in sale of shares of RM61.98 million.

31.46% daripada portfolio ekuiti dalaman PERKESO telah dilaburkan dalam perbankan dan perkhidmatan kewangan, diikuti oleh 11.39% dalam penjagaan kesihatan dan 8.60% dalam utiliti. Sektor-sektor penting yang lain adalah termasuk produk pengguna (8.36%), telekomunikasi (7.74%), perladangan (6.09%), amanah pelaburan hartanah (5.64%) dan, minyak dan gas (5.18%). Bakinya sebanyak 15.54% telah dilaburkan dalam sektor-sektor lain seperti pengangkutan, pembuatan, pelbagai, hartanah, pembinaan, teknologi dan automotif.

31.46% of SOCSO's internal equity portfolio was invested in banking and financial services, followed by 11.39% in healthcare and 8.60% in utility. Other significant sectors include consumer product (8.36%), telecommunication (7.74%), plantation (6.09%), REIT (5.64%) and, oil and gas (5.18%). The remaining 15.54% was invested in other sectors such as transport, manufacturing, diversified, properties, construction, technology and automotive.

PERKESO komited untuk terus terlibat dengan syarikat-syarikat yang dilaburkan dengan melaksanakan hak mengundi dan penyertaan dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa. Di sepanjang tahun, PERKESO telah menghadiri pelbagai perjumpaan dan taklimat dengan pihak pengurusan syarikat-syarikat yang dilaburkan.

SOCSO is committed towards continuous engagement with its investee companies by exercising its voting rights and participation in Annual General Meeting and Extraordinary General Meeting. Throughout the year, SOCSO's attended various meetings and briefings with the management of its investee companies.

CARTA / *CHART 5*

PELABURAN EKUITI DALAMAN MENGIKUT SEKTOR 2020
INTERNAL EQUITY INVESTMENT BY SECTOR 2020



- Perbankan / *Banking*
- Penjagaan Kesihatan / *Healthcare*
- Kewangan / *Financial*
- Ultiliti / *Ulility*
- Produk Pengguna / *Consumer Products*
- Telekomunikasi / *Telecommunication*
- Perladangan / *Plantation*
- Amanah Pelaburan Hartanah / *REIT*
- Minyak dan Gas / *Oil and Gas*
- Lain-lain / *Others*

Pendapatan Tetap

Alokasi aset strategik (SAA) PERKESO memainkan peranan yang sangat penting dalam memilih aset-aset pelaburan untuk memadankan dengan liabiliti dari segi sifat, tempoh matang dan mata wang. Strategi pelaburan kekal berorientasikan ke arah mengekalkan wajaran yang tinggi dalam pelaburan pendapatan tetap yang tertumpu kepada Sekuriti Kerajaan dan kredit berkualiti tinggi yang memenuhi objektif pemeliharaan modal.

Portfolio pendapatan tetap dalaman untuk dana Akta 4 terdiri daripada Sekuriti Kerajaan, Pinjaman Dijamin Kerajaan dan Bon Korporat / Sukuk dengan nilai sebanyak RM17,636.07 juta sehingga bulan Disember 2020. Kelas aset ini telah menjana pendapatan sebanyak RM861.52 juta pada tahun 2020.

Portfolio tersebut sebahagian besarnya telah dilaburkan dalam Sekuriti Kerajaan dengan nilai pasaran sebanyak RM14,372.93 juta sehingga bulan Disember 2020 berbanding RM14,282.19 juta pada tahun lepas. Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan menjana jumlah pendapatan sebanyak RM730.16 juta pada tahun 2020, lebih tinggi berbanding RM621.33 juta pada tahun 2019.

Pelaburan PERKESO dalam Sekuriti Kerajaan mengambilkira pelbagai faktor seperti kadar faedah, dinamik pasaran, saiz terbitan dan profil kematangan, untuk memastikan sejajar dengan toleransi risiko PERKESO.

Bagi kredit korporat, PERKESO melabur dalam kedua-dua bon konvensional dan sukuk islamik. Bon Korporat / Sukuk yang diuruskan secara dalaman oleh PERKESO meningkat kepada RM3,263.14 juta sehingga bulan Disember 2020 daripada RM2,823.44 juta sehingga bulan Disember 2019. Pulangan kasar adalah sebanyak RM131.36 juta pada tahun 2020 berbanding RM125.49 juta pada tahun 2019.

Pelaburan dalam Bon Korporat / Sukuk adalah disokong oleh kredit yang berkualiti tinggi. Ini adalah selari dengan Dasar dan Garis Panduan Pelaburan PERKESO yang menetapkan penarafan kredit tempatan minimum adalah AA3 atau AA- untuk pelaburan dalam Bon Korporat / Sukuk dengan kelayakan kredit yang tinggi. Pelaburan dalam kelas aset ini telah dipelbagaikan dalam sektor-sektor seperti berikut:

Fixed Income

SOCSO's strategic asset allocation (SAA) places great importance in selecting investment assets to match the liabilities in terms of nature, duration and currency. The investment strategy remains oriented towards maintaining high weightage in fixed income investments centered on Government Securities and high-quality credits that fulfil capital preservation objective.

The internal fixed income portfolio for Act 4 fund consists of Government Securities, Government Guaranteed Loans and Corporate Bonds / Sukuk with value of RM17,636.07 million as of December 2020. This asset class generated income of RM861.52 million in 2020.

The portfolio was predominantly invested in Government Securities with market value of RM14,372.93 million as of December 2020 compared to RM14,282.19 million a year ago. The investment in Government Securities generated a total income of RM730.16 million in 2020, higher than RM621.33 million in 2019.

SOCSO's investment in Government Securities examines various factors such as interest rate, market dynamic, auction size and maturity profile, to ensure alignment with SOCSO's risk tolerance.

For corporate credits, SOCSO invests in both conventional bonds and islamic sukuk. SOCSO's internally managed Corporate Bonds / Sukuk grew to RM3,263.14 million as of December 2020 from RM2,823.44 million as of December 2019. Gross return was RM131.36 million in 2020 against RM125.49 million in 2019.

Investment in Corporate Bonds / Sukuk supplemented by high quality credits. This is in line with SOCSO's Investment Policy and Guidelines that has set the minimum local credit rating of AA3 or AA- for investment in Corporate Bonds / Sukuk with high creditworthiness. The investment in this asset class was diversified into the following sectors:

Tenaga / *Power*	29.33%
Perbankan / *Banking*	25.92%
Infrastruktur Air / *Water Infrastructure*	10.83%
Lebuhraya / *Toll Road*	7.26%
Telekomunikasi / *Telecommunication*	6.83%
Perladangan / *Plantation*	4.88%
Lain-lain / *Others*	14.95%

Melangkah ke hadapan pada tahun 2021, PERKESO akan meneruskan keputusan strategik untuk melabur dalam Bon Korporat / Sukuk berkualiti tinggi yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang mempunyai asas yang kukuh bagi memperolehi pendapatan yang tetap pada tahap tinggi konsisten dengan pembayaran balik pokok yang stabil.

Moving forward in 2021, SOCSO will pursue a strategic decision to invest in high quality Corporate Bonds / Sukuk issued by fundamentally strong companies to seek a high level of steady income consistent with the stability of principal repayment.

Pasaran Wang

Instrumen-instrumen pasaran wang PERKESO terdiri daripada deposit jangka pendek dan simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan yang diluluskan. Tempoh deposit pasaran wang adalah daripada semalaman hingga satu tahun.

Kadar faedah pasaran wang meneruskan aliran lebih rendah pada tahun 2020 selari dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR). Sebagai sebahagian daripada strategi pelaburan PERKESO, PERKESO telah menggunakan instrumen-instrumen pasaran wang dengan kadar hasil yang rendah untuk melabur dalam kelas aset lain yang dijangka dapat mencapai pulangan yang lebih tinggi dan lebih mampan dalam jangka panjang.

Pada tahun 2020, pelaburan PERKESO dalam instrumen-instrumen pasaran wang untuk dana Akta 4 menurun sebanyak RM522.21 juta atau 12.27% kepada RM3,735.39 juta daripada RM4,257.60 juta pada tahun 2019. Ini menyumbang sebanyak 12.62% daripada dana Akta 4 pada tahun 2020. Disebabkan dana pelaburan dan kadar faedah yang lebih rendah, sumbangan daripada instrumen-instrumen pasaran wang menurun kepada RM106.52 juta berbanding RM170.26 juta pada tahun 2019. Instrumen-instrumen pasaran wang menyediakan kemampuan untuk memenuhi obligasi aliran tunai, melindungi portfolio daripada ketidaktentuan pasaran dan menyediakan sumber dana untuk kelas aset lain.

PERKESO juga melaburkan dana di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] dalam instrumen-instrumen pasaran wang. Sehingga tahun 2020, dana pelaburan sebanyak RM80.70 juta daripada Akta 789 dan RM1,056.44 juta daripada Akta 800 telah dilaburkan dalam pasaran wang, yang menjana pulangan masing-masing sebanyak RM1.96 juta dan RM44.19 juta.

Money Market

SOCSO's money market instruments consist of short term and fixed deposits in approved financial institutions. The money market deposit tenures ranged from overnight to one year.

Money market rates continued to trend lower in 2020 in line with the Overnight Policy Rate (OPR). As part of SOCSO's investment strategy, SOCSO has used low yielding money market instruments to fund investment in other asset classes which are expected to achieve higher and more sustainable returns over the long term.

In 2020, SOCSO's investment in money market instruments for Act 4 fund decreased by RM522.21 million or 12.27% to RM3,735.39 million from RM4,257.60 million in 2019. This accounted for 12.62% of Act 4 fund's in 2020. Due to a lower AUM and lower rates, the contribution from money market instruments fell to RM106.52 million compared to RM170.26 million in 2019. Money market instruments provided the ability to meet cashflow obligations, buffered the portfolio from volatility and provided a funding source for other asset classes.

SOCSO also invests its funds under the Self-Employment Social Security Act 2017 [Act 789] and Employment Insurance System Act 2017 [Act 800] in money market instruments. As at 2020, the investment funds of RM80.70 million from Act 789 and RM1,056.44 million from Act 800 were invested in money market, which have generated returns of RM1.96 million and RM44.19 million respectively.

Mandat Pelaburan Luar

Sebagai sebahagian daripada strategi mempelbagaikan pelaburan PERKESO, 13.73% daripada dana Akta 4 telah dibuat penyumberan luar kepada Pengurus Dana Luar (PDL) bagi kedua-dua mandat domestik dan asing, sehingga 31 Disember 2020. Sebanyak RM2,135,42 juta telah dibuat penyumberan luar kepada PDL domestik manakala RM1,927.96 juta lagi telah dibuat penyumberan luar kepada PDL asing.

Jumlah pendapatan yang dijana oleh PDL adalah berjumlah RM44.87 juta atau 4.10% daripada jumlah pendapatan pelaburan dana Akta 4 pada tahun 2020. PERKESO mengadakan mesyuarat penilaian prestasi setiap suku tahun dengan PDL sebagai sebahagian daripada proses pemantauan prestasi.

Hartanah

Pandemik COVID-19 telah memberi impak yang buruk kepada keseluruhan pasaran hartanah di seluruh dunia, khususnya kepada sektor komersial dan bangunan pejabat untuk hampir keseluruhan tahun 2020.

Kesannya, jumlah nilai hartanah pelaburan PERKESO mengalami sedikit penyusutan, menurun kepada RM900.00 juta pada tahun 2020 (2019: RM908.00 juta).

Oleh kerana impaknya menimbulkan ketidakpastian yang tinggi di pasaran hartanah, strategi PERKESO untuk pelaburan hartanah pada tahun 2020 ditumpukan terutamanya untuk mengoptimumkan hartanah-hartanah PERKESO sedia ada.

Ekuiti Swasta

Pelaburan PERKESO dalam ekuiti swasta meningkat sebanyak 86.09% pada tahun 2020, yang berjumlah RM34.11 juta pada tahun 2020 (2019: RM18.33 juta).

External Investment Mandate

As part of SOCSO's diversification strategy, 13.73% of its Act 4 fund was outsourced to External Fund Managers (EFMs) for both domestic and foreign mandates, as at 31 December 2020. A total of RM2,135.42 million were outsourced to domestic EFMs while another RM1,927.96 million were outsourced to foreign EFMs.

The total income generated from the EFMs stood at RM44.87 million or 4.10% of the Act 4 fund's investment income for the year 2020. SOCSO held a quarterly performance evaluation meetings with the EFMs as part of the monitoring process on their performance.

Property

COVID-19 pandemic had resulted in an adverse impact to the overall real estate markets globally, in particular to the retails and office buildings sectors for the most part of year 2020.

As a result, SOCSO's total investment property value suffered a slight decline, reduced to RM900.00 million in 2020 (2019: RM908.00 million).

As the impact creates severe uncertainties in the properties market, SOCSO's strategy for properties investment in 2020 was mainly focused on optimizing its existing properties.

Private Equity

SOCSO's investment in private equity increased by 86.09% in 2020, amounting to RM34.11 million in 2020 (2019: RM18.33 million).

TADBIR URUS KORPORAT PELABURAN
INVESTMENT CORPORATE GOVERNANCE

Tadbir urus korporat yang baik adalah objektif strategik yang penting bagi pendekatan jangka panjang PERKESO untuk mencapai prestasi pelaburan dan menjana pulangan.

Rangka kerja tadbir urus korporat PERKESO, memastikan interaksi yang berterusan dengan para pemegang taruh. Walaupun dalam keadaan pandemik COVID-19, PERKESO mengambil bahagian secara aktif melalui penglibatan dengan syarikat-syarikat yang dilaburkan menerusi Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Luar Biasa, mesyuarat, taklimat penganalisis dan perbincangan dengan syarikat-syarikat yang dilaburkan secara maya.

Matlamat PERKESO adalah untuk terlibat secara berterusan dengan syarikat-syarikat yang dilaburkan bagi memupuk kepercayaan dan persefahaman di antara PERKESO dan syarikat-syarikat yang dilaburkan. PERKESO percaya bahawa perhubungan yang baik akan memberikan impak kepada syarikat-syarikat yang dilaburkan dalam mencapai jangkaan pulangan selari dengan Pelan Tindakan Strategi Pelaburan PERKESO 2020-2024.

Good corporate governance is an important strategic objective in SOCSO's long-term approach in delivering investment performance and generating return.

SOCSO's corporate governance framework, ensures continual interaction with the stakeholders. Despite the presence of pandemic COVID-19, SOCSO participates an active role in engagement with its investee company via virtual Annual General Meeting, Extraordinary General Meeting, meetings, analyst briefing and discussion with the investee companies.

SOCSO aims to continuously engage with the investee companies to foster trust and understanding between SOCSO and the investee companies. SOCSO believes that a good relationship will provide an impact to the investee companies in delivering return expectations in line with SOCSO's Investment Strategy Blueprint 2020-2024.



ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI

KEY OPERATION PERFORMANCE INDICATOR REVIEW

"Biarpun berdepan dengan cabaran sosio ekonomi semasa yang tidak menentu ekoran pandemik COVID-19, PERKESO terus melakar kecemerlangan pengoperasian menerusi pencapaian cemerlang dalam KPI Operasi yang ditetapkan. Pencapaian cemerlang KPI Piagam Pelanggan melebihi 95%, Keberkesanan aktiviti penguatkuasaan dan aktiviti kesedaran yang telah dijalankan kepada majikan telah meningkatkan bilangan majikan berdaftar yang layak di bawah akta. Peningkatan dalam kutipan caruman dan pemprosesan tuntutan faedah yang keseluruhannya berjaya dicapai pada tahap yang memuaskan. Secara langsung telah meningkatkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan untuk memberikan perkhidmatan terbaik melangkaui ekspektasi pelanggan. Pencapaian cemerlang ini telah berjaya meningkatkan tahap kepuasan pelanggan PERKESO iaitu pada tahap 99% pada tahun 2020 berbanding 97.98% pada tahun sebelumnya".

"Despite facing the current socio-economic challenges fraught with uncertainties following the COVID-19 pandemic, SOCSO continues to record operational excellence through its excellent achievements in the Operations KPI stipulated. The Clients' Charter PI exceeded 95%. The effectiveness of enforcement activities and awareness activities conducted with employers has increased the number of qualified employers registered under the Act. Increase in contributions collections and overall benefits claims processing achieved a satisfactory level. This has directly increased efficiency in the delivery of service, to provide the best service that exceeds clients' expectations. This excellent achievement has successfully put SOCSO's client satisfaction level at 99% in 2020 compared to 97.98% in the previous year".

PERKESO

JOHN RIBA ANAK MARIN
Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)
Deputy Chief Executive (Operations)

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI
KEY OPERATION PERFORMANCE INDICATOR REVIEW



PEKERJA AKTIF DAN MAJIKAN AKTIF
ACTIVE EMPLOYEES AND ACTIVE EMPLOYERS



Pada tahun 2020, jumlah majikan aktif telah meningkat sebanyak 10.36% kepada 487,788 majikan berbanding 442,001 majikan pada tahun 2019. Bilangan pekerja aktif termasuk pekerja tempatan, asing dan bekerja sendiri menunjukkan peningkatan sebanyak 20.60% daripada 7.20 juta pekerja pada tahun sebelumnya kepada 8.68 juta pada tahun 2020.

In 2020, the number of active employers increased by 10.36% to 487,788 employers compared to 442,001 employers in 2019. The number of active employees Includes local employees, foreign and self-employed. showen an increase of 20.60% from 7.20 million employees in the previous year to 8.68 million in 2020.

JADUAL / *TABLE 3*

BILANGAN PENDAFTARAN MAJIKAN DAN PEKERJA 2019-2020
NUMBER OF EMPLOYER AND EMPLOYEE REGISTRATION 2019-2020

Perkara *Item*	2019			2020		
	Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan (Akta 4) *Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme (Act 4)*	Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri *(Akta 789) Self-Employed Employement Injury Scheme (Act 789)*	Sistem Insurans Pekerjaan (Akta 800) *Employment Insurance System (Act 800)*	Skim Bencana Pekerjaan Dan Skim Keilatan (Akta 4) *Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme (Act 4)*	Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri *(Akta 789) Self-Employed Employment Injury Scheme (Act 789)*	Sistem Insurans Pekerjaan (Akta 800) *Employment Insurance System (Act 800)*
Majikan Aktif *Active Employer*	442,001	-	395,836	473,845	-	437,125
Pekerja Aktif *Active Employee*	7.20 juta	-	6.92 juta	7.11 juta	-	6.81 juta
Orang Bekerja Sendiri (OBS) Aktif *Active Self-Employed Person (SEP)*	-	71,425	-	-	80,512	-

GRAF / *GRAPH 7*

BILANGAN MAJIKAN AKTIF 2016 – 2020
NUMBER OF ACTIVE EMPLOYERS 2016-2020



GRAF / *GRAPH 8*

BILANGAN PEKERJA AKTIF 2016 – 2020
NUMBER OF ACTIVE EMPLOYEES 2016-2020



Jumlah Caruman /
Total Contribution

2019	2020
RM4,782.91 Juta / *Million*	**RM5,012.28** Juta / *Million*

Meningkat Sebanyak /
Increased By 4.8%



KUTIPAN CARUMAN

Selaras dengan peningkatan dalam jumlah pendaftaran majikan serta pelaksanaan skim Insurans Pekerjaan Sendiri dan Sistem Insurans Pekerjaan, kutipan caruman pada tahun 2020 meningkat sebanyak RM5,012.28 juta berbanding RM 4,782.91 pada tahun 2019. Pendapatan daripada caruman telah menyumbang sebanyak 4.8% daripada keseluruhan pendapatan bagi tahun 2020.

Keberkesanan aktiviti dan program kesedaran yang dijalankan telah meningkatkan kesedaran masyarakat, pekerja dan majikan mengenai kepentingan keselamatan sosial. Faktor ini telah menjadi salah satu penyumbang penting kepada kenaikan jumlah pendapatan caruman. Jumlah kutipan caruman adalah seperti jadual 4 dan carta 6.

CONTRIBUTIONS COLLECTION

In line with an increase in the number of employer registrations as well as implementation of the Self-Employment Insurance Scheme and the Employment Insurance System, the total contributions collected in 2020 rose by RM5,012.28 million compared to RM4,782.91 in 2019. Income from contributions has contributed 4.8% of the overall income in 2020.

The awareness activities and programmes conducted have effectively improved awareness among society, employees and employers of the importance of social security. This factor is one of the important contributors to the increase in contributions collection. The total amount collected is set out in Table 4 and Chart 6.

JADUAL / *TABLE 4*

JUMLAH KUTIPAN CARUMAN 2019-2020
TOTAL CONTRIBUTIONS COLLECTION 2019-2020

Perkara *Item*	2019			2020		
	Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan (Akta 4) *Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme (Act 4)*	Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri *(Akta 789) Self-Employed Employement Injury Scheme (Act 789)*	Sistem Insurans Pekerjaan (Akta 800) *Employment Insurance System (Act 800)*	Skim Bencana Pekerjaan Dan Skim Keilatan (Akta 4) *Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme (Act 4)*	Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri *(Akta 789) Self-Employed Employment Injury Scheme (Act 789)*	Sistem Insurans Pekerjaan (Akta 800) *Employment Insurance System (Act 800)*
Pendapatan Caruman *Contribution Income*	4,125,629,092	5,692,783	651,584,347	4,347,545,269	11,071,851	653,663,435
Jumlah *Total*		4,782.91			5,012.28	

CARTA / *CHART 6*

KUTIPAN CARUMAN 2016-2020
CONTRIBUTIONS COLLECTION 2016-2020



PENGURUSAN TUNTUTAN FAEDAH

Pengurusan tuntutan faedah dikendalikan mengikut Piagam Pelanggan dan Standard Q yang mengambilkira pengukuran berdasarkan peratus pencapaian dan purata hari. Pendekatan ini dilaksanakan bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.

BENEFITS CLAIMS MANAGEMENT

Management of benefits claims is handled in accordance with the Clients' Charter and Standard Q which take into account measurements based on percentage achievement and average days. This approach is applied to guarantee the service provided meets clients' expectations.

Piagam Pelanggan Berdasarkan Purata Hari

Piagam Pelanggan Berdasarkan Purata Hari pada 2020 berbanding 2019 adalah seperti jadual 5 di bawah.

Clients' Charter Based on Average Days

Clients' Charter Based on Average Days in 2020 compared to 2019 is set out in table 5 below.

JADUAL / *TABLE 5*

PRESTASI PROSESAN FAEDAH (PURATA HARI) 2019 – 2020
BENEFITS PROCESSING PERFORMANCE (AVERAGE DAYS) 2019-2020

Tahun *Year*	FHUS / *TDB* 5 Hari / *Days*	FHUK/*PDB* 7 Hari / *Days*	FOT / *DB* 7 Hari / *Days*	P. ILAT *Invalidity Pension* 7 Hari/*Days*	P.PKT *Survivors' Pension* 7 Hari/*Days*	FPM / *FB* 3 Hari / *Days*
2019	2.14	3.01	2.81	3.20	2.45	1.39
2020	2.0	2.6	2.3	3.0	2.3	1.6

Piagam Pelanggan Berdasarkan Peratusan

Piagam Pelanggan Berdasarkan Peratusan pada 2020 berbanding 2019 adalah seperti jadual 6 di bawah.

Clients' Charter Based on Percentage

Clients' Charter Based on Percentage in 2020 compared to 2019 is set out in table 6 below.

JADUAL / *TABLE 6*

PRESTASI PROSESAN FAEDAH (PERATUSAN) 2019-2020
BENEFITS PROCESSING PERFORMANCE (PERCENTAGE) 2019-2020

Pencapaian Piagam Pelanggan (Peratusan) *Clients' Charter Achievement (Percentage)*	FHUS / *TDB* 5 Hari / *Days*	FHUK/*PDB* 7 Hari / *Days*	FOT / *DB* 7 Hari / *Days*	P. ILAT *Invalidity Pension* 7 Hari/*Days*	P.PKT *Survivors' Pension* 7 Hari/*Days*	FPM / *FB* 3 Hari / *Days*
2019	98.81	98.05	97.93	97.01	97.68	98.42
2020	98.79	99.39	98.82	98.86	99.30	98.83

Prestasi Standard Q Berdasarkan Peratusan

Prestasi standard Q berdasarkan Peratusan pada 2020 berbanding 2019 adalah seperti jadual 7 di bawah.

The Performance Of Standard Q Based On Percentage

The Standard Q performance based on percentages in 2020 compared to 2019 is set out in table 7 below.

JADUAL / *TABLE 7*

PRESTASI STANDARD Q (PERATUSAN) 2019-2020
STANDARD Q PERFORMANCE (PERCENTAGE) 2019-2020

Peratus pencapaian standard Q *Standard Q achievement percentage*	FHUS(PK) / *TDB* 120 Hari / *Days*	FHUS(K)/*TDB* 45 Hari / *Days*	FHUK/*PDB* 100 Hari / *Days*	FOT / *DB* 60 Hari / *Days*	P. ILAT *Invalidity Pension* 100 Hari/*Days*	P.PKT *Survivors' Pension* 60 Hari/*Days*
2019	94.90	91.12	98.46	96.98	94.14	97.89
2020	81.76	93.67	97.70	98.87	91.52	98.31

Prestasi Standard Q Berdasarkan Purata Hari

Prestasi standard Q berdasarkan Purata Hari pada 2020 berbanding 2019 adalah seperti jadual 8 di bawah.

The Performance Of Standard Q Based On Average Days

The Standard Q performance based on Average Days in 2020 compared to 2019 is set out in table 8 below.

JADUAL / *TABLE 8*

PRESTASI STANDARD Q (PURATA HARI) 2019-2020
STANDARD Q PERFORMANCE (AVERAGE DAYS) 2019-2020

Purata Hari Pencapaian Standard Q *Standard Q Achievement Average Days*	FHUS(K)/*TDB* *45 Hari / *Days*	FHUS(PK) / *TDB* *120 Hari / *Days*	FHUK/*PDB* 100 Hari / *Days*	FOT / *DB* 60 Hari / *Days*	P. ILAT *Invalidity Pension* 100 Hari/*Days*	P.PKT *Survivors' Pension* 60 Hari/*Days*
2019	15.86	64.26	20.28	12.35	38.73	12.94
2020	15.36	77.77	19.83	8.51	43.12	11.59

Prestasi Bayaran Pertama

Mengemukakan kes tuntutan FHUK, FOT, ILT dan PKT (Bayaran Pertama) ke bahagian perbendaharaan untuk proses bayaran faedah dalam tempoh 7 hari selepas semua maklumat dan dokumen lengkap diterima. Prestasi pemprosesan kes tuntutan FHUK, FOT, ILT dan PKT (Bayaran Pertama) bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

First Payment Performance

Submitting claims for Permanent Disablement Benefit, Dependants' Benefit, Invalidity Pension and Survivors' Pension (First Payment) to the treasury division for payment of benefits within 7 days after receipt of all information and complete documents. The performance of processing of such claims (First Payment) for 2020 is as follows:

KETERANGAN *DESCRIPTION*	FHUK/*PDB*	FOT / *DB*	P. ILAT *Invalidity Pension*	PKT *Survivors' Pension*
Terima *Received*	17,582	822	32,841	16,614
Selesai *Completed*	15,195	764	6,239	9,938
Selesai Dalam Tempoh 14 Hari *Completed within 14 Days*	15,103	755	6,168	9,868
% Pencapaian *% Achievement*	99.39	98.82	98.86	99.30

Prestasi Hitung Semula & Ulangkaji

Mengemukakan kes tuntutan FHUK, FOT, ILT dan PKT (Hitung Semula & Ulangkaji) ke bahagian perbendaharaan untuk proses bayaran faedah dalam tempoh 14 hari selepas semua maklumat dan dokumen lengkap diterima. Prestasi pemprosesan ke tuntutan FHUK, FOT, ILT dan PKT (Hitung Semula & Ulangkaji) bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

Recalculation and Review Performance

Submitting claims for Permanent Disablement Benefit, Dependants' Benefit, Invalidity Pension and Survivors' Pension (Recalculation & Review) to the treasury for payment of benefits witin 14 days after receipt of all information and complete documents. The performance of processing of such claims (Recalculation & Review) is as follows:

KETERANGAN *DESCRIPTION*	FHUK/*PDB*	FOT / *DB*	P. ILAT *Invalidity Pension*	PKT *Survivors' Pension*
Terima *Received*	17,582	822	32,841	16,614
Selesai *Completed*	15,195	764	6,239	9,938
Selesai Dalam Tempoh 14 Hari *Completed within 14 Days*	15,103	755	6,168	9,868
% Pencapaian *% Achievement*	99.39	98.82	98.86	99.30

PENERIMA FAEDAH
BENEFITS RECIPIENTS

Penerima Faedah / *Benefits Recipients*	
2019	2020
694,244 Penerima / *Recipients*	614,478 Penerima / *Recipients*

Bilangan penerima semua jenis faedah pada tahun 2020 adalah seramai 614,478 penerima berbanding tahun 2019 adalah seramai 694,244 seperti di jadual 9 dan carta 7.

The number of persons receiving all types of benefits in 2020 amounted to 614,478 recipients compared with 2019 is 694,244 recipients as set out in table 9 and chart 7.

JADUAL / *TABLE 9*

BILANGAN PENERIMA FAEDAH
NUMBER OF BENEFITS RECIPIENTS

PENERIMA FAEDAH / *BENEFITS RECIPIENTS*	2019	2020
Faedah Hilang Upaya Sementara *Temporary Disablement Benefit*	72,091	65,854
Faedah Hilang Upaya Kekal *Permanent Disablement Benefit*	45,213	41,893
Faedah Orang Tanggungan *Dependants' Benefit*	46,338	46,576
Pencen Ilat & Bantuan Ilat *Invalidity Pension & Invalidity Grant*	72,117	74,725
Pencen Penakat *Survivors' Pension*	305,227	320,520
Elaun Layanan Sentiasa *Constant Attendance Allowance*	7,944	7,918
Faedah Pengurusan Mayat *Funeral Benefit*	19,619	17,440
Faedah Perubatan *Medical Benefit*	2,826	2,217
Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional *Physical or Vocational Rehabilitation Facility*	14,477	17,111
Rawatan Dialisis *Dialysis Treatment*	17,963	13,629
Program Saringan Kesihatan *Health Screening Programme*	27,981	6,595
Interim SIP (Unik) *Interim EIS (Unik)*	62,448	-
JUMLAH/*TOTAL*	**694,244**	**614,478**

CARTA */ CHART 7*

BILANGAN PENERIMA FAEDAH 2016-2020
NUMBER OF BENEFITS RECIPIENTS 2016-2020



BAYARAN FAEDAH
PAYMENT OF BENEFITS

Jumlah Bayaran Faedah / *Total Benefits Payment*	
2019	2020
RM 4,147.68 Juta / *Million*	RM 4,682.48 Juta / *Million*
Meningkat / *Increase of 9.31%*	

Jumlah Bayaran Faedah

Daripada jumlah belanja tanggungan sebanyak RM4,709.42 juta, sejumlah RM4,682.48 juta adalah merupakan komponen bayaran semua jenis faedah termasuk Program Saringan Kesihatan, Program Subsidi Saringan Prihatin dan Sumbangan bagi Program Pengekalan Pekerjaan. Pembayaran faedah ini meningkat sebanyak RM534.80 juta atau 12.89% terutamanya berikutan peningkatan bayaran faedah full fledge di bawah Sistem Insurans Pekerjaan dan lain-lain bayaran faedah seperti di Jadual 10 dan Graf 9.

Total Benefit Payments

From the total benefits expenses of RM4,709.42 million, a total of RM4,682.48 million was the payment for all benefits including the Health Screening Programme, Prihatin Screening Subsidy Programme and Contribution for Employment Retention Programme. This benefits payment increased by RM534.80 million or 12.89% mainly due to the increase in payment of full fledge benefits under Employment Insurance System and other payment of benefits as shown in Table 10 and Graph 9.

JADUAL / *TABLE 10*

KOMPONEN BAYARAN FAEDAH 2019 - 2020
BENEFITS PAYMENT COMPONENTS 2019 - 2020

KOMPONEN / *COMPONENTS*	2019 RM Juta / *Million*	2020 RM Juta / *Million*
Faedah Hilang Upaya Sementara / *Temporary Disablement Benefit*	260.15	225.52
Faedah Hilang Upaya Kekal / *Permanent Disablement Benefit*	599.92	522.79
Faedah Orang Tanggungan / *Dependants' Benefit*	331.72	342.48
Pencen Ilat dan Bantuan Ilat / *Invalidity Pension and Grant*	864.71	922.91
Pencen Penakat / *Survivors' Pension*	1,498.59	1,621.10
Faedah Pengurusan Mayat / *Funeral Benefit*	36.53	32.33
Elaun Layanan Sentiasa / *Constant-attendance Allowance*	48.69	48.01
Faedah Perubatan / *Medical Benefit*	5.93	4.85
Pemulihan Jasmani dan Vokasional / *Physical and Vocational Rehabilitation*	100.09	150.82
Rawatan Dialisis / *Dialysis Treatment*	290.81	293.38
Program Saringan Kesihatan / *Health Screening Programme*	2.99	0.97
Program Subsidi Saringan Prihatin / Prihatin Screening Subsidy Programme	-	92.68
Faedah Interim Sistem Insurans Pekerjaan / *Employment Insurance System Interim Benefit*	2.32	-
Faedah Elaun Mencari Pekerjaan / *Job Search Allowance Benefit*	96.07	338.79
Faedah Elaun Pendapatan Berkurangan / *Reduced Income Allowance Benefit*	1.32	4.89
Faedah Elaun Orang Tanggungan / *Dependants' Allowance Benefit*	0.04	0.08
Faedah Elaun Bekerja Semula Awal / *Early Re-Employment Allowance Benefit*	7.63	19.80
Faedah Elaun Latihan / *Training Allowance Benefit*	0.02	0.08
Faedah Fi Latihan / *Training Fee Benefit*	0.15	1.00
Sumbangan Bagi Program Pengekalan Pekerjaan / *Contribution For Employment Retention Programme*	-	60.00
JUMLAH / *TOTAL*	**4,147.68**	**4,682.48**

GRAF / *GRAPH 9*

JUMLAH BAYARAN FAEDAH 2016-2020
TOTAL BENEFITS PAYMENT 2016-2020



FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA
TEMPORARY DISABLEMENT BENEFIT

Jumlah Penerima / *Number of Recipients*	
2019	**2020**
72,091 Penerima / *Recipients*	**65,854** Penerima / *Recipients*

Pada tahun 2020, bilangan penerima faedah adalah seramai 65,854 berbanding pada tahun 2019 seramai 72,091 penerima seperti ditunjukkan di carta 8.

In 2020, the number of persons who received this benefit was 65,854 recipients compared to 72,091 recipients in 2019, as shown in chart 8.

CARTA / *CHART 8*

BILANGAN PENERIMA FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA 2016-2020
NUMBER OF RECIPIENTS OF TEMPORARY DISABLEMENT BENEFIT 2016-2020



Bayaran Faedah Hilang Upaya Sementara / *Payment Of Temporary Disablement Benefit*	
2019	2020
RM260.15 Juta / *Million*	**RM225.52** Juta / *Million*

Pada tahun 2020, jumlah bayaran Faedah Hilang Upaya Sementara telah berkurangan sebanyak RM34.63 juta atau 13.31% kepada RM225.52 juta berbanding RM260.15 juta pada tahun 2019 seperti di graf 10.

The total Temporary Disablement Benefit payment decreased by RM34.63 million or 13.31% to RM225.52 million in 2020 compared to RM260.15 million in 2019 as shown in graph 10.

GRAF / *GRAPH 10*

JUMLAH BAYARAN FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA 2016-2020

TOTAL PAYMENT OF TEMPORARY DISABLEMENT BENEFIT 2016-2020



FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL
PERMANENT DISABLEMENT BENEFIT

Jumlah Penerima / *Number of Recipients*	
2019	2020
45,213 Penerima / *Recipients*	41,893 Penerima / *Recipients*

Pada tahun 2020, bilangan penerima faedah adalah seramai 41,893 berbanding pada tahun 2019 seramai 45,213 penerima seperti ditunjukkan di graf 11.

A total of 41,893 persons received this benefit in 2020 compared to 45,213 recipients in 2019 as shown in graph 11.

GRAF / *GRAPH 11*

BILANGAN PENERIMA FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL 2016-2020

NUMBER OF PERMANENT DISABLEMENT BENEFIT RECIPIENTS 2016-2020



Bayaran Faedah Hilang Upaya Kekal / *Permanent Disablement Benefit Payment*	
2019	2020
RM599.92 Juta / *Million*	**RM522.79** Juta / *Million*

Perbelanjaan bagi membiayai Faedah Hilang Upaya Kekal yang dibayar secara pukal, pukal dan berkala serta berkala sahaja telah menurun sebanyak RM77.13 juta atau 12.86% kepada RM522.79 juta pada tahun 2020 berbanding RM599.92 juta pada tahun 2019. Graf 12 menunjukkan jumlah pembayaran Faedah Hilang Upaya Kekal.

The amount expended to fund the Permanent Disablement Benefits payment (lump sum, lump sum and periodic, and periodic only) decreased by RM77.13 million or 12.86% to RM522.79 million in 2020 compared to RM599.92 million in 2019. Graph 12 shows the total payment of Permanent Disablement Benefit.

GRAF / *GRAPH 12*

JUMLAH BAYARAN FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL 2016-2020
TOTAL PAYMENT OF PERMANENT DISABLEMENT BENEFIT 2016-2020



FAEDAH ORANG TANGGUNGAN
DEPENDANTS' BENEFIT

Jumlah Penerima/ *Number of Recipients*	
2019	2020
46,338 Penerima / *Recipients*	46,576 Penerima /*Recipients*

Pada tahun 2020, bilangan penerima faedah adalah seramai 46,338 berbanding pada tahun 2019 seramai 46,576 penerima seperti ditunjukkan di carta 9.

In 2020, the number of recipients amounted to 46,338 persons compared to 46,576 recipients in 2019 as shown in chart 9.

CARTA / *CHART 9*

BILANGAN PENERIMA FAEDAH ORANG TANGGUNGAN 2016-2020
NUMBER OF DEPENDANTS' BENEFIT RECIPIENTS 2016-2020



Bayaran Faedah Orang Tanggungan / *Dependants' Benefit Payment*	
2019	2020
RM331.72 Juta / *Million*	RM342.48 Juta / *Million*
Meningkat / *Increase of* 3.24%	

Pada tahun 2020, jumlah pembayaran Faedah Orang Tanggungan meningkat sebanyak RM10.76 juta atau 3.24% kepada RM342.48 juta berbanding RM331.72 juta pada tahun sebelumnya. Graf 13 menunjukkan jumlah pembayaran Faedah Orang Tanggungan.

The total Dependants' Benefit paid increased by RM10.76 million or 3.24% to RM343.48 million compared to RM331.72 million the previous year. Graph 13 shows the total payment of Dependants' Benefit.

GRAF / *GRAPH 13*

JUMLAH BAYARAN FAEDAH ORANG TANGGUNGAN 2016-2020
TOTAL PAYMENT OF DEPENDANTS' BENEFIT 2016-2020



PENCEN ILAT DAN BANTUAN ILAT
INVALIDITY PENSION AND INVALIDITY GRANT

Jumlah Penerima / *Number of Recipients*	
2019	**2020**
72,117 Penerima / *Recipients*	**74,725** Penerima / *Recipients*

Pada tahun 2020, bilangan penerima faedah adalah seramai 74,725 berbanding pada tahun 2019 seramai 72,117 penerima seperti ditunjukkan di carta 10.

In 2020, the number of recipients amounted to 74,725 persons compared to 72,117 recipients in 2019 as shown in Chart 10.

CARTA */ CHART 10*

BILANGAN PENERIMA FAEDAH PENCEN ILAT DAN BANTUAN ILAT 2016-2020
NUMBER OF INVALIDITY PENSION AND INVALIDITY GRANT RECIPIENTS 2016-2020



Bayaran Pencen ILAT dan Bantuan ILAT/ *Invalidity Pension And Invalidity Grant Payment*	
2019	2020
RM864.71 Juta / *Million*	**RM922.91** Juta / *Million*

Jumlah bayaran Pencen dan Bantuan Ilat meningkat sebanyak RM58.20 juta atau 6.73% iaitu daripada RM864.71 juta pada tahun 2019 kepada RM922.91 juta pada tahun 2020 seperti di graf 14.

The total payment of Invalidity Pension and Grant increased by RM58.20 million or 6.73%, that is, from RM864.71 million in 2019 to RM922.91 million in 2020 as set out in graph 14.

GRAF / *GRAPH 14*

JUMLAH BAYARAN FAEDAH PENCEN ILAT DAN BANTUAN ILAT 2016-2020

TOTAL PAYMENT OF INVALIDITY PENSION AND INVALIDITY GRANT 2016-2020



PENCEN PENAKAT
SURVIVORS' PENSION

Jumlah Penerima / *Number of Recipients*	
2019	**2020**
305,227 Penerima / *Recipients*	**320,520** Penerima / *Recipients*

Pada tahun 2020, bilangan penerima faedah adalah seramai 320,520 berbanding pada tahun 2019 seramai 305,227 penerima seperti ditunjukkan di carta 11.

In 2020, the number of benefit recipients amounted to 320,520 persons compared to 305,227 recipients in 2019 as shown in chart 11.

CARTA / *CHART 11*

PENCEN PENAKAT 2016-2020
SURVIVORS' PENSION 2016-2020



Bayaran Pencen Penakat / *Payment Of Survivors' Pension*	
2019	2020
RM1,498.59 Juta / *Million*	**RM1,621.10** Juta / *Million*

Jumlah pembayaran untuk Pencen Penakat pada tahun 2020 telah meningkat sebanyak RM122.51 juta atau 8.18% kepada RM1,621.10 juta berbanding RM1,498.59 juta pada tahun sebelumnya. Graf 15 menunjukkan jumlah pembayaran untuk Pencen Penakat.

The total payment of Survivors' Pension increased by RM122.51 million or 8.18% to RM1,621.10 million in 2020 compared to RM1,498.59 million in the previous year. Graph 15 shows the total payment of Survivors' Pension.

GRAF / *GRAPH 15*

JUMLAH BAYARAN PENCEN PENAKAT 2016-2020
TOTAL PAYMENT OF SURVIVORS' PENSION 2016-2020



ELAUN LAYANAN SENTIASA
CONSTANT ATTENDANCE ALLOWANCE

Jumlah Penerima / *Number of Recipients*	
2019	2020
7,944 Penerima / *Recipients*	**7,918** Penerima / *Recipients*

Pada tahun 2020, bilangan penerima faedah adalah seramai 320,520 berbanding pada tahun 2019 seramai 305,227 penerima seperti ditunjukkan di carta 12.

In 2020, the number of recipients amounted to 320,520 persons compared to 305,227 recipients in 2019 as shown in chart 12.

CARTA / *CHART 12*

BILANGAN PENERIMA ELAUN LAYANAN SENTIASA 2016-2020
NUMBER OF CONSTANT ATTENDANCE ALLOWANCE RECIPIENTS 2016-2020



Bayaran Elaun Layanan Sentiasa / *Payment Of Constant Attendance Allowance*	
2019	2020
RM48.69 Juta / *Million*	**RM48.01** Juta / *Million*

Jumlah pembayaran Elaun Layanan Sentiasa menurun sebanyak RM0.68 juta atau 1.40% kepada RM48.01 juta pada tahun 2020 berbanding RM48.69 juta pada tahun sebelumnya. Graf 15 menunjukkan jumlah pembayaran Elaun Layanan Sentiasa

The total payment of Constant Attendance Allowance decreased by RM0.68 million or 1.40% to RM 48.01 million in 2020 compared to RM48.69 million in the previous year. Graph 15 shows the total payment of Constant Attendance Allowance.

GRAF / *GRAPH 15*

JUMLAH BAYARAN ELAUN LAYANAN SENTIASA 2016-2020
TOTAL PAYMENT OF CONSTANT ATTENDANCE ALLOWANCE 2016-2020



FAEDAH PENGURUSAN MAYAT
FUNERAL BENEFIT

Jumlah Penerima / *Number of Recipients*	
2019	**2020**
19,619 Penerima / *Recipients*	**17,440** Penerima / *Recipients*

Pada tahun 2020, bilangan penerima faedah adalah seramai 17,440 berbanding pada tahun 2019 seramai 19,619 penerima seperti ditunjukkan di carta 13.

In 2020, the number of recipients amounted to 17,440 persons compared to 19,619 recipients in 2019 as shown in chart 13.

CARTA / *CHART 13*

BILANGAN PENERIMA FAEDAH PENGURUSAN MAYAT 2016-2020
NUMBER OF FUNERAL BENEFIT RECIPIENTS 2016-2020



Bayaran Faedah Pengurusan Mayat / *Payment Of Funeral Benefit*	
2019	**2020**
RM36.53 Juta / *Million*	**RM32.33** Juta / *Million*

Pada tahun 2020, jumlah pembayaran Faedah Pengurusan Mayat adalah berjumlah RM32.33 juta. Amaun ini menunjukkan penurunan sebanyak RM4.20 juta atau 11.50% berbanding RM36.53 juta pada tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di graf 16.

In 2020, a total of RM32.33 million was paid in Funeral Benefits. This amount shows a reduction of RM4.20 million or 11.50% compared to the RM36.53 million paid the previous year, as shown in graph 16.

GRAF / *GRAPH 16*

JUMLAH BAYARAN FAEDAH PENGURUSAN MAYAT 2016-2020
TOTAL PAYMENT OF FUNERAL BENEFIT 2016-2020



KEMUDAHAN PEMULIHAN JASMANI DAN VOKASIONAL
FACILITIES FOR PHYSICAL AND VOCATIONAL REHABILITATION

KEMUDAHAN PEMULIHAN DAN VOKASIONAL

Pada tahun 2020, PERKESO telah membekalkan alat-alat bekalan pemulihan berdasarkan kes baru dan ulangan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 11,395 kes. Pecahan pembekal adalah seperti berikut

PHYSICAL AND VOCATIONAL REHABILITATION FACILITIES

In 2020, SOCSO supplied rehabilitation equipment based on new and repeat cases with an overall total of 11,395 cases. The breakdown of supplies is as follows:



Bekalan mengikut kategori berdasarkan jenis kes

Pembekalan alat-alat pemulihan adalah menerusi secara atas talian melalui Sistem Inspire. Sistem ini bukan sahaja membantu PERKESO memantau stok pembekalan peralatan yang lebih teratur malahan meningkatkan komunikasi di antara PERKESO, Pembekal dan Orang Berinsuran dengan lebih efektif serta menjimatkan tempoh masa penghantaran peralatan kepada Orang Berinsuran.

Supply according to category based on type of case

The supply of rehabilitation equipment is carried out online using the Inspire System. This system not only helps SOCSO in monitoring the stock of equipment in a more organised manner but also improves communication between SOCSO, Suppliers and Insured Persons to be more effective as well as time-saving in terms of delivery of equipment to Insured Persons.

BULAN / *MONTH*	ORTOTIK / *ORTHOTICS*		PROSTETIK / *PROSTHETICS*	
	BILANGAN PERMOHONAN / *NUMBER OF APPLICATION*	PERBELANJAAN RM / *EXPENDITURE RM*	BILANGAN PERMOHONAN / *NUMBER OF APPLICATION*	PERBELANJAAN RM / *EXPENDITURE RM*
JANUARI *JANUARY*	146	957,663.55	406	3,442,234.00
FEBRUARI *FEBRUARY*	157	1,144,216.00	224	2,320,665.00
MAC *MARCH*	539	349,949.50	239	900,264.00
APRIL *APRIL*	320	486,067.30	80	797,131.00

MEI *MAY*	345	764,790.60	135	607,679.50
JUN *JUNE*	784	2,341,836.05	246	1,908,066.00
JULAI *JULY*	987	2,533,277.92	252	1,883,620.00
OGOS *AUGUST*	918	2,787,825.00	226	1,476,090.00
SEPTEMBER *SEPTEMBER*	1154	3,609,913.90	217	1,542,849.00
OKTOBER *OCTOBER*	1196	3,342,775.20	283	2,345,391.00
NOVEMBER *NOVEMBER*	1155	3,495,561.50	235	1,467,343.40
DISEMBER *DECEMBER*	1024	2,987,422.70	127	810,648.00
JUMLAH *TOTAL*	**8725**	**24,801,299.22**	**2,670**	**19,481,980.90**

Bayaran Pemulihan Jasmani Dan Vokasional /
Payment For Physical And Vocational Rehabilitation

2019	2020
RM100.09 Juta / *Million*	**RM150.82** Juta / *Million*

Pada tahun 2020, jumlah pembayaran Pemulihan Jasmani dan Vokasional adalah berjumlah RM150.82 juta. Amaun ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM50.73 juta atau 50.68% berbanding RM100.09 juta pada tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di graf 17.

In 2020, the total payment for Physical and Vocational Rehabilitation amounted to RM150.82 million. This amount shows an increase of RM50.73 million or 50.68% compared to RM100.09 million in the previous year as shown in graph 17.

GRAF / *GRAPH 17*

JUMLAH BAYARAN PEMULIHAN JASMANI DAN VOKASIONAL 2016-2020
TOTAL PAYMENT FOR PHYSICAL AND VOCATIONAL REHABILITATION 2016-2020



KEMUDAHAN RAWATAN DIALISIS

Pada tahun 2020, bilangan terkumpul Orang Berinsurans yang telah diluluskan kemudahan dialisis adalah seramai 19,418 orang berbanding 16,161 orang pada tahun 2019. Walaubagaimanapun, bilangan Orang Berinsurans yang masih aktif menerima kemudahan dialisis ini adalah seramai 13,629 orang.

Dalam memastikan permohonan dialisis berjalan lancar semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac 2020, kelulusan kemudahan rawatan dialisis PERKESO dibuat berdasarkan pengesyoran Penilaian Perubatan Sementara sebagai pendekatan proaktif susulan penangguhan Sidang Jemaah Doktor.

DIALYSIS TREATMENT FACILITIES

In the year 2020, the cumulative number of insured persons who have been approved for dialysis facilities is about 19,418 persons compared to 16,161 persons in 2019. Nevertheless, the number of Insured Persons still actively receiving dialysis treatment is around 13,629 persons.

In order to ensure the continuity of dialysis facilities application within the Movement Control Order (MCO) period commencing on 18 March 2020 onwards, the approval and recommendation of SOCSO dialysis treatment facilities were made based on the Temporary Medical Assessment recommendations, as a proactive approach following the suspension of the Medical Board.



Bilangan Orang Berinsurans Yang Menerima Rawatan Dialisis 2016 – 2020

Number of Insured Persons Who Have Received Dialysis Treatment 2016 – 2020

PUSAT DIALISIS PANEL PERKESO

Sepanjang 2020, PERKESO telah melantik sebanyak 38 pusat dialisis sebagai Panel PERKESO dari kalangan swasta dan NGO sebagai tambahan kepada panel yang sedia ada menjadikan jumlah keseluruhan Pusat Dialisis Panel PERKESO adalah sebanyak 577 pusat secara kumulatif di seluruh negara bagi memastikan keupayaan capaian kemudahan rawatan dialisis kepada pencarum.

Semua Pusat Dialisis Panel PERKESO telah dibekalkan peranti Card Reader dan Thumbprint bagi memastikan kepatuhan kehadiran Orang Berinsurans mendapatkan rawatan. PERKESO sangat memberi penekanan terhadap keselamatan Orang Berinsurans terutama pada waktu Pandemik COVID-19, justeru sebagai panel yang dilantik oleh PERKESO hendaklah patuh kepada Garispanduan Pengoperasian dan Persediaan Pusat Hemodialisis Swasta Berhadapan dengan Pandemik COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Guidelines COVID-19 Management in Malaysia No. 5/2020 (Edisi Kelima).

Berikut adalah bilangan Pusat Dialisis Panel PERKESO bagi tahun 2016 sehingga 2020:

SOCSO PANEL DIALYSIS CENTRES

Throughout 2020, SOCSO appointed a total of 38 dialysis centers to its panel from among private and NGO centres, in addition to the existing panel, bringing the overall total number of SOCSO Panel Dialysis Centres to 577 centres nationwide, to ensure accesibility of such dialysis treatment facilities to the contributors.

All SOCSO Panel Dialysis Centers are equipped with Card Reader and Thumbprint devices to ensure compliance with regards to attendance of Insured Persons in receiving treatment. SOCSO places great emphasis on the safety of Insured Persons especially during the COVID-19 pandemic. Thus, the panel appointed by SOCSO shall comply with the Guidelines on Operations and Preparedness of Private Haemodialysis Centres in facing the COVID-19 pandemic issued by the Ministry of Health Malaysia as stipulated in the Guidelines on COVID-19 Management in Malaysia No. 5/2020 (Fifth Edition).

The following sets out the number of SOCSO Panel Dialysis Centres from 2016 to 2020:



Bilangan Perlantikan Pusat Dialisis Panel mengikut NGO dan Swasta

The number of Panel Dialysis Centers appointed, according to NGOs and the Private Sector

PERBELANJAAN RAWATAN DIALISIS

Pada 2020, PERKESO telah membelanjakan sejumlah RM304.58 juta bagi membiayai kemudahan rawatan dialisis yang mana menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 4.73% berbanding tahun 2019 disebabkan peningkatan jumlah pesakit kegagalan fungsi buah pinggang di kalangan pencarum sejajar dengan peningkatan pesakit kencing manis (diabetes mellitus) di Malaysia. Jumlah perbelanjaan rawatan dialisis bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti di bawah:

EXPENDITURE FOR DIALYSIS TREATMENT

In the year 2020, SOCSO spent a total of RM304.58 million towards dialysis facilities, showing significant increase of 4.73% in compared to the year 2019 due to increase End Stage Renal Failure patients among the Insured Persons in line with the remarkable increase in prevalence of diabetes mellitus prevalence in Malaysia. The total expenditure for Dialysis treatments from 2016 to 2020 is set out below.



Perbelanjaan Kemudahan Rawatan Dialisis 2016 – 2020
Expenditure on Dialysis Treatment Facility 2016 – 2020

PENDERMAAN MESIN HEMODIALISIS

Pada 2020, PERKESO telah meluluskan pendermaan mesin hemodialisis sebanyak 70 unit kepada 44 buah Pusat Dialisis Panel NGO PERKESO yang layak. Bilangan pendermaan mesin hemodialisis bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti di bawah:

DONATION OF HEMODIALYSIS MACHINES

In 2020, SOCSO approved the donation of 70 haemodialysis machines to 44 eligible SOCSO Panel NGO Dialysis Centers. The number of haemodialysis machines donated between 2016 to 2020 are as follows :



Pendermaan Mesin Hemodialisis 2016 – 2020

Donation of Haemodialysis Machines 2016 – 2020

JEMAAH DOKTOR RAYUAN (JDR)

Dalam tahun 2020, jumlah permohonan rayuan yang diuruskan adalah sebanyak 10,362 kes berbanding 16,822 kes pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, 9,747 adalah permohonan daripada Semenanjung Malaysia, 313 daripada Sabah dan 302 daripada Sarawak.

Perbezaan ketara yang berlaku di antara tahun 2020 dan 2019 adalah ekoran penularan jangkitan COVID-19 yang menyebabkan penangguhan sidang Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Rayuan. Namun demikian, bagi memastikan jaringan keselamatan sosial pencarum terjamin, Penilaian Perubatan Sementara dilaksanakan bagi tujuan taksiran sementara untuk Faedah Hilangupaya Kekal (HUK) dan Keilatan bagi meneruskan penyampaian faedah PERKESO. Sepanjang tahun 2020, Penilaian Sementara bagi Keilatan yang diproses adalah sebanyak 1,677 kes. Manakala 699 kes diproses untuk Penilaian Sementara HUK.

APPELLATE MEDICAL BOARD (AMB)

In 2020, 10,362 cases were referred to the Appellate Medical Board as compared to 16,882 cases in the 2019. Out of 10,362 cases, 9,747 cases are from Peninsular Malaysia, 313 cases from Sabah and 302 cases from Sarawak.

The discrepancy between total number of cases processed in 2020 and 2019 are due to the COVID-19 outbreak that have caused the postponement of Medical Board and Appellate Medical Board sessions. Nevertheless, to ensure the well-being and continuous social protection of contributors, a Provisional Medical Assessment was implemented to evaluate the permanent disablement in relation with employment injury and invalidity cases. This is to guarantee a continuous benefit distribution to the Insured Person who needed the most and promptly. In 2020, a total of 1,677 invalidity cases and 699 employment injury cases were processed for the Provisional Medical Assessment.

	SEMENANJUNG / *PENINSULAR MALAYSIA*		**SABAH**		**SARAWAK**		**JUMLAH/ *TOTAL***	
	2020	2019	2020	2019	2020	2019	2020	2019
HILANG UPAYA KEKAL / *PERMANENT DISABLEMENT*	2,949	4,837	75	58	68	113	3,092	5,008
ILAT / *INVALIDITY*	5,055	8,653	216	163	180	211	5,451	9,027
ULANGKAJI / *REVIEW*	601	891	6	3	21	15	628	909
PENYAKIT KHIDMAT / *OCCUPATIONAL DESEASE*	1,142	1,827	16	15	33	36	1,191	1,878
JUMLAH / *TOTAL*	**9,747**	**16,208**	**313**	**239**	**302**	**375**	**10,362**	**16,882**

PERMOHONAN KE JEMAAH DOKTOR RAYUAN BAGI TAHUN 2020 DAN TAHUN 2019
APPLICATIONS TO THE APPELLATE MEDICAL BOARD FOR 2020 AND 2019

PERSIDANGAN JEMAAH DOKTOR RAYUAN MENGIKUT LOKASI

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 224 persidangan telah diadakan di seluruh Malaysia. Dari jumlah tersebut 199 adalah sidang di Semenanjung Malaysia manakala 8 dari Sabah dan 17 dari Sarawak. Berikut adalah jumlah persidangan yang telah diadakan mengikut lokasi ;

APPELLATE MEDICAL BOARD SESSIONS BY LOCATION

A total of 224 Appellate Medical Board sessions were held in 2020. 199 Appellate Medical Board sessions were held in Peninsular Malaysia, 8 sessions in Sabah and 17 sessions in Sarawak. The distribution of the Appellate Medical Board sessions according to specific locations are as set out below:

TEMPAT PERSIDANGAN / *MEETING VENUE*		JUMLAH SIDANG / *TOTAL NUMBER OF MEETINGS*	
		2019	2020
1.	Kuala Lumpur	23	21
2.	Selayang	24	15
3.	Seremban	24	18
4.	Johor Bharu	35	22
5.	Ipoh	24	18
6.	Pulau Pinang	24	19
7.	Alor Setar	17	10
8.	Kuantan	12	9
9.	Kuala Terengganu	11	9
10.	Putrajaya	24	12
11.	Sungai Buloh	12	7
12.	Melaka	12	12
13.	Kota Bahru	12	10
14.	Seberang Jaya	10	6
15.	Ampang	24	11
16.	Kota Kinabalu	4	4
17.	Kuching	6	4
18.	Sibu	11	8
19.	Miri	12	5
20.	Tawau	2	2
21.	Sandakan	1	2
	JUMLAH / *TOTAL*	324	224

Berikut adalah butiran terperinci mengenai jenis-jenis keputusan yang telah dibuat oleh sidang Jemaah Doktor Rayuan pada tahun 2020.

Below are the details of the decisions made by the Appellate Medical Board in 2020.

JENIS KEPUTUSAN *TYPE OF DECISION*	JUMLAH KES *NUMBER OF CASES*
TAKSIRAN DINAIKKAN *ASSESSMENT INCREASED*	1,330
TAKSIRAN DITURUNKAN *ASSESSMENT DECREASED*	85
TAKSIRAN DIKEKALKAN *ASSESSMENT MAINTAINED*	1,168
DISAHKAN MENGIDAP KEILATAN *CERTIFIED INVALID*	1,029
DISAHKAN TIDAK MENGIDAP KEILATAN *CERTIFIED NOT INVALID*	3,014
LAYAK ELAUN LAYANAN SENTIASA *ELIGIBLE FOR CONSTANT ATTENDANCE ALLOWANCE*	6
TIDAK LAYAK ELAUN LAYANAN SENTIASA *NOT ELIGIBLE FOR CONSTANT ATTENDANCE ALLOWANCE*	4
DISAHKAN PENYAKIT KHIDMAT *CERTIFIED OCCUPATIONAL DISEASE*	148
DISAHKAN BUKAN PENYAKIT KHIDMAT *CERTIFIED NOT OCCUPATIONAL DISEASE*	740
TANGGUH/PEMERIKSAAN LANJUT *POSTPONED / FURTHER INVESTIGATION*	369
TIDAK HADIR/TUTUP KES *ABSENT / CASE CLOSED*	1,229
ULANGKAJI DI BENARKAN *REVIEW APPROVED*	382
ULANGKAJI TIDAK DIBENARKAN *REVIEW REJECTED*	185

PANDANGAN PERUBATAN

Unit Pandangan Perubatan menerima rujukan kes ragu daripada PPN/PPP, Bahagian Faedah, Bahagian Perundangan, Unit Fraud, Unit Jemaah Doktor Rayuan dan SkimPekerjaan Sendiri (SPS). Dalam tahun 2020, sejumlah 1,437 kes dirujuk untuk kes ragu bencana kerja dan keilatan (kemalangan dan ilat) dengan peratusan pencapaian kes selesai sebanyak 70.5%, manakala sebanyak 599 kes dirujuk untuk kes ragu penyakit khidmat dengan peratusan pencapaian kes selesai adalah sebanyak 65.8%. Carta di bawah menunjukkan statistik bilangan kes yang dirujuk pada setiap bulan dan peratusan pencapaian kes yang diselesaikan pada tahun 2020.

Pegawai Perubatan juga terlibat secara langsung dengan Penilaian perubatan bagi tuntutan Bencana Kerja dan Penyakit Khidmat di bawah Skim Pekerjaan Sendiri (SPS). Pegawai Perubatan yang dilantik menjadi Penilai Perubatan yang bertanggungjawab membuat taksiran hilang upaya Orang Berinsurans Bekerja Sendiri (OBBS) di Pejabat PERKESO Negeri dan Pejabat PERKESO tempatan yang berkaitan termasuk di Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2020, terdapat 27 kes dirujuk untuk Penilaian Perubatan.

MEDICAL OPINION

The Medical Opinion Unit receives referral of doubtful cases from PPN/PPP, the Benefit Division, the Legal Division, the Fraud Unit, the Appellate Medical Board Unit and the Self-Employment Scheme. A total of 1,437 cases were referred in 2020, for doubtful cases of occupational injury and invalidity (accident and invalidity) with a percentage of case solved at 70.5%, 599 cases were referred as doubtful cases for occupational disease, 65.8% of which were resolved. The chart below shows the statistics of number of cases referred each month and the percentage of cases solved in 2020.

Medical Officer are also directly involved in the Medical Assessment for Employment Injury and Occupational Diseases claims under the Self-Employment Scheme. The appointed Medical Assessor will perform impairment evaluation on Self-Employed Insured Person at the respective State and Local SOCSO offices, including in Sabah and Sarawak. 27 cases were referred to Medical Assessment in 2020.

	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
JUMLAH KES TERIMA *NUMBER OF CASES RECEIVED*	129	135	114	51	43	99	176	160	135	175	123	100
JUMLAH KES SELESAI *NUMBER OF CASES SOLVED*	74	117	143	50	42	72	123	147	151	113	123	91



Bilangan Kes Pandangan Perubatan Bencana Kerja (Kemalangan Dan Ilat) Bagi Tahun 2020
Number of Cases Referred to Medical Opinion for Employment Injury (Permanent Disablement Benefit and Invalidity) in 2020

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI
KEY OPERATION PERFORMANCE INDICATOR REVIEW

	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
JUMLAH KES TERIMA *NUMBER OF CASES RECEIVED*	43	78	37	10	10	33	54	84	65	84	50	51
JUMLAH KES SELESAI *NUMBER OF CASES SOLVED*	29	50	51	25	9	14	34	18	58	81	102	6



Bilangan Kes Pandangan Perubatan Penyakit Khidmat Bagi Tahun 2020

Number of Cases Referred to Medical Opinion for Employment Injury (Occupational Diseases) in 2020



April 2020: Taklimat Penilaian Perubatan secara maya dengan menggunakan applikasi Microsoft Teams bersama Pegawai Urusetia Jemaah Doktor seluruh Malaysia.

Medical Assessment Briefing via Microsoft Team application with the Secretariat of Medical Boards throughout Malaysia.

BILANGAN KES KEMALANGAN DILAPORKAN
NUMBER OF ACCIDENT CASES REPORTED

Bilangan kemalangan dilaporkan / *Number of accidents reported*	
2019	2020
77,642 Kes / *Cases*	68,710 Kes / *Cases*

Sebanyak 68,710 kes kemalangan dilaporkan sepanjang tahun 2020 berbanding 77,642 pada tahun sebelumnya atau penurunan sebanyak 11.5%. Jumlah kemalangan perusahaan pada tahun 2020 adalah sebanyak 38,092 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 39,796 kes. Manakala bagi kemalangan semasa perjalanan yang berkaitan dengan pekerjaan, ianya telah menurun daripada 37,846 kes pada tahun 2019 kepada 30,618 kes pada tahun 2020.

A total of 68,710 accident cases were reported throughout 2020 compared to the 77,642 cases reported in the previous year, a decrease of 11.5%. The number of industrial accidents in 2020 amounted to 38,092 accidents compared to the previous year with 39,796 cases. For accidents during journeys related to work, the number of cases decreased from 37,846 cases in 2019 to 30, 618 cases in 2020.

JADUAL / *TABLE 11*

BILANGAN KEMALANGAN DILAPORKAN 2016-2020
NUMBER OF ACCIDENTS REPORTED 2016-2020

KEMALANGAN DILAPORKAN *ACCIDENTS REPORTED*	2019	2020
Kemalangan Perusahaan dilaporkan *Industrial Accidents reported*	39,796	38,092
Kemalangan Semasa Perjalanan *Commuting Accidents*	37,846	30,618
Kes Maut Dilaporkan *Fatal Accidents Reported*	917	810
Jumlah Bilangan Kemalangan Dilaporkan *Total number of accidents reported*	77,642	68,710

CARTA / *CHART 14*

BILANGAN KEMALANGAN DILAPORKAN 2016-2020
NUMBER OF ACCIDENTS REPORTED 2016-2020



CARTA / *CHART 15*

BILANGAN KEMALANGAN PERUSAHAAN DILAPORKAN 2016-2020
NUMBER OF INDUSTRIAL ACCIDENTS REPORTED 2016-2020



CARTA / *CHART 16*

BILANGAN KEMALANGAN SEMASA PERJALANAN 2016-2020
NUMBER OF COMMUTING ACCIDENTS REPORTED 2016-2020



AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Aktiviti penguatkuasaan merupakan di antara dua fungsi utama PERKESO selain daripada pembayaran faedah. Aktiviti ini memastikan kemampanan Dana Keselamatan Sosial dalam jangka masa panjang. Aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti pemeriksaan, pengkompaunan, pemdakwaan dan penyelesaian.

ENFORCEMENT ACTIVITIES

Enforcement is one of the two main functions of SOCSO, apart from payment of benefits. This activity ensures long-term sustainability of the Social Security Fund. The activities carried out include inspection, compound of offences, prosecution and settlement.

BULAN PEMUTIHAN PERKESO

Setiap tahun sebelum berlangsungnya operasi OPS KESAN, majikan akan diberi peluang untuk mendaftar secara sukarela dalam tempoh sebulan sebelum berlangsungnya operasi. Tempoh ini dikenali sebagai bulan pemutihan. Pada 31 Januari 2020, PERKESO telah melancarkan OPS Kesan bagi kali ke 12 dengan objektif untuk memastikan semua majkan yang menggaji sekurang-kurangnya seorang pekerja mendaftar dengan sewajarnya sebagaimana peruntukan Seksyen 4 dan 5 Akta Keselamatan Pekerja 1969 (Akta 4) serta Seksyen 14 dan 16 Akta Skim Insurans Pekerjaan (Akta 800). Sebelum operasi ini dilaksanakan, majikan akan diberi peluang untuk mendaftar secara sukarela mulai 1 hingga 29 Februari 2020.

Program Pemutihan merupakan satu inisiatif kaedah "soft approach" kepada majikan dengan tujuan untuk memberi kesedaran tentang kepentingan perlindungan keselamatan sosial kepada majikan dan pekerja. Ini merupakan satu langkah yang proaktif kerana memberi peluang untuk majikan yang tidak berdaftar dengan PERKESO untuk berdaftar sepanjang tempoh pemutihan.

Mana-mana majikan yang mengambil peluang mendaftar dalam tempoh pemutihan ini, akan dikecualikan daripada tindakan pengkompaunan dan pendakwaan walaupun telah melewati tempoh 30 hari pendaftaran yang ditetapkan. Pengecualian ini juga termasuklah ke atas faedah caruman lewat bayar yang bakal dikenakan kemudiannya.

SOCSO AMNESTY MONTH

Each year, one month prior to the commencement of OPS KESAN, employers are given the opportunity to voluntarily register during what is known as the 'amnesty month'. On 31st January 2020, SOCSO launched its 12th OPS KESAN with the objective of ensuring that all employers with at least one employee properly register as provided by Sections 4 and 5 of the Employees' Social Security Act [Act 4] as well as Sections 14 and 16 of the Employment Insurance Scheme Act [Act 800]. Before commencement of this operation, employers are given the opportunity to voluntarily register from 1st to 29th February 2020.

This 'amnesty programme' is one of SOCSO's soft approach initiatives in raising awareness on the importance of social security protection to employers and employees. This is a proactive step as it gives employers who have yet to register with SOCSO the opportunity to do so throughout the 'amnesty period'.

Any employer who takes the opportunity to register within this period will be exempted from compound action and prosecution even after the stipulated 30-day registration period. This exemption extends to the interest on delayed payment of contributions which may be imposed later.

BULAN / *MONTH*	BILANGAN PENDAFTARAN MAJIKAN / *NUMBER OF EMPLOYER REGISTRATION*
Februari / *February*	-
Mac (Pemutihan) / *March (Amnesty)*	-
April (Ops Kesan) / *April (Ops Kesan)*	-
Mei / *May*	-

OPS KESAN PERKESO

Pada 2 Mac 2020, telah berlangsungnya Program Ops Kesan Kebangsaan di Nilai, Negeri Sembilan. Majlis pelancaran Ops Kesan Kebangsaan 2020 telah berlangsung di Bangi Avenue Convention Centre. Penganjuran Ops Kesan Kebangsaan pada kali ini melibatkan kerjasama di antara Cawangan Penguatkuasaan, Ibu Pejabat PERKESO, Pejabat PERKESO Negeri Sembilan dan Pejabat Perkeso di sekitar Lembah Klang. Program OPS Kesan kali juga melibatkan YBhg Dato' Mohd Naim Daruwish, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta wakil Pegawai-Pegawai Kanan dari KWSP dengan kekuatan 40 orang anggota daripada Ibu Pejabat KWSP. Program Ops Kesan Kebangsaan ini secara keseluruhannya melibatkan seramai 300 orang yang terdiri daripada anggota PERKESO dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Ops Kesan kali ini dijalankan bagi memastikan pematuhan majikan bukan sahaja terhadap Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) bahkan termasuk Akta Skim Insurans Pekerjaan (Akta 800). Pada masa yang sama PERKESO juga telah diberi tanggungjawab menguatkuasakan Akta 4 di bawah skim perlindungan pekerja asing.

Bagi memastikan kelancaran program Ops Kesan, satu Sistem Pengesanan dan Pelaporan Ops Kesan telah dibangunkan dan digunakan dengan menambah baik elemen terperinci maklumat setiap lawatan. Sistem ini boleh digunapakai untuk pelaporan seluruh Malaysia. Dengan adanya sistem ini, maklumat yang diperolehi adalah lebih cepat dan tepat dan maklumat secara 'real time'. Ops Kesan 2020 ini telah dijalankan secara serentak di Pejabat Negeri dan Pejabat PERKESO seluruh Malaysia pada 2 Mac 2020. Penyediaan laporan juga dapat dilakukan secara automatik. Hasil daripada Program Ops Kesan yang dijalankan pada bulan Mac 2020 adalah seperti berikut:

SOCSO OPS KESAN

On 2nd March 2020, the National Ops Kesan programme commenced in Nilai, Negeri Sembilan. The launch of the National Ops Kesan 2020 was held at Bangi Avenue Convention Centre. The organisation of this Ops Kesan involved a collaboration between the Enforcement Branch, SOCSO Headquarters, Negeri Sembilan SOCSO Office and SOCSO Offices around the Klang Valley. The programme also involved YBhg Dato' Mohd Naim Daruwish, Deputy Chief Executive Officer (Operations) of the Employees' Provident Fund (EPF) as well as senior officers of EPF, with a 40-member strong team from its headquarters. The programme involved a total of 300 persons comprising SOCSO and EPF staff.

This Ops Kesan was conducted to ensure employer compliance, not only with the Employees' Social Security Act 1969 [Act 4] but also the Employment Insurance Scheme Act [Act 800]. At the same time, SOCSO was also given the authority to enforce Act 4 under the foreign workers' protection scheme.

To facilitate the Ops Kesan programme, an Ops Kesan Tracking and Reporting System was developed and utilised by improving the element of detailed information of each visit. This system can be applied to reporting for the whole of Malaysia. With this system, information can be obtained more expediently and accurately, with the information being 'real time'. Ops Kesan 2020 was conducted simultaneously at the State and SOCSO offices nationwide on 2nd March 2020. Preparation of reports can also be done automatically. The results of Ops Kesan 2020 are as follows:

Jumlah Lawatan / *Number of Visits*	**Bil. Kompaun (Notis) / *Number of Compound (Notice)***		**Nilai (RM) / *Value (RM)***	
	Akta 4 *Act 4*	Akta 800 *Act 800*	Akta 4 *Act 4*	Akta 800 *Act 800*
570	143	22	116,000.00	21,500.00

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA
KEY RESULTS AREA

SKIM BENCANA KERJA PEKERJA ASING (SBKPA)
FOREIGN WORKERS' EMPLOYMENT INJURY SCHEME



Bermula 1 Januari 2019, semua majikan dikehendaki mendaftar pekerja asing yang diambil bekerja (kecuali pembantu rumah) untuk perlindungan Skim Bencana Kerja PERKESO di bawah Akta 4.

With effect from 1st January 2019, all employers are required to register the foreign workers employed (except domestic workers) for the SOCSO Employment Injury Scheme under Act 4.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2019, jumlah caruman meningkat sebanyak RM188.85 juta kepada RM323.23 juta pada tahun 2020 berbanding RM134.38 juta pada tahun sebelumnya. Tahun 2020 juga mencatatkan peningkatan pendaftaran pekerja asing iaitu seramai 0.41 juta orang atau 33.06% kepada 1.65 juta pekerja asing berbanding 1.24 juta pekerja asing pada tahun 2019.

Since its introduction in 2019, the total contributions has increased by RM188.85 million to RM323.23 million in 2020, compared to the RM134.38 million the previous year. The year 2020 also recorded an increase in the registration of foreign workers at 0.41 million persons or 33.06% to 1.65 million foreign workers compared to 1.24 million foreign workers in 2019.

SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI

SELF-EMPLOYMENT SOCIAL SECURITY SCHEME

PERKESO menguatkuasakan Akta 789 mulai 1 Jun 2017. Skim ini diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS) daripada bencana kerja termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan.

Pada awalnya, liputan skim ini adalah kepada semua pemandu teksi yang bekerja sendiri atau perkhidmatan seumpamanya. Skim ini telah diperluaskan kepada Pemandu Bas berkuatkuasa mulai 1 Februari 2019 dan kepada 19 sektor pekerjaan sendiri yang lain mulai 1 Januari 2020 iaitu:

SOCSO began enforcement of Act 789 on 1st June 2017. This scheme was established to provide protection to Self-Employed Persons from occupational injury, including occupational diseases and accidents in the course of carrying out work activities.

Initially, the coverage of this scheme was extended to self-employed taxi drivers or those providing similar services. This scheme was then expanded to include Bus Drivers with effect from 1st February 2019 and later on to 19 other self-employment sectors on 1st January 2020 as follows:

1. Pengangkutan Barangan dan Makanan *(Transport of Goods and Food)*
2. Pertanian *(Agriculture)*
3. Penternakan *(Farming)*
4. Perhutanan *(Forestry)*
5. Perikanan *(Fisheries)*
6. Makanan *(Food)*
7. Pembuatan *(Manufacturing)*
8. Perkhidmatan Profesional *(Professional Services)*
9. Kesenian *(Arts)*
10. Penjagaan Perawatan dan Pemulihan Kesihatan *(Healthcare and Rehabilitation)*
11. Pembinaan *(Construction)*
12. Penjala *(Hawkers)*
13. Premis Penginapan *(Accommodation Premises)*
14. Perniagaan Online *(Online Business)*
15. Teknologi Maklumat *(Information Technology)*
16. Pemprosesan Data *(Data Processing)*
17. Ejen *(Agents)*
18. Perkhidmatan Sokongan *(Supporting Services)*
19. Perkhidmatan Isi Rumah *(Household Services)*

Sejak Akta 789 dikuatkuasakan pada 1 Jun 2017 dan sehingga Disember 2020, bilangan OBS yang berdaftar adalah sebanyak 131,639 orang berbanding 87,068 orang pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut seramai 80,512 OBS adalah aktif mencarum berbanding tahun sebelumnya iaitu 71,425 OBS. Pada tahun 2020 juga, seramai 366 OBS telah menerima faedah Skim Bencana Pekerjaan di bawah Skim pekerjaan Sendiri dengan jumlah bayaran faedah sebanyak RM1.45 juta.

Since the enforcement of Act 789 on 1st June 2017 and up until December 2020, 131,639 self-employed persons have registered compared to the 87,068 persons in 2019. Of the said total, 80,512 self-employed persons are actively contributing compared to the previous year at 71,425 self-employed persons. In 2020, 366 self-employed persons received the Employment Injury Scheme benefits under the Self-Employment scheme with a total payment of benefits amounting to RM1.45 million.



PROGRAM SARINGAN KESIHATAN (HSP)

Program ini adalah pemeriksaan kesihatan PERCUMA yang diberikan kepada OB PERKESO yang berumur 40 tahun dan ke atas yang aktif untuk meningkatkan kesedaran terhadap Penyakit Tidak Berjangkit (Non-Communicable Disease-NCD) dan pengesanan awal penyakit darah tinggi, kencing manis dan kanser dalam kalangan pekerja seterusnya membantu PERKESO mengenalpasti kumpulan yang berisiko. Sejak diperkenalkan pada tahun 2013, seramai 3.4 juta pencarum PERKESO yang berumur 40 tahun ke atas layak untuk menjalani pemeriksaan di bawah Program Saringan Kesihatan PERKESO.

Sehingga 31 Disember 2020, seramai 718,231 orang pencarum (21.3%) telah menjalani kesihatan dan daripada jumlah tersebut, seramai 128,783 orang pencarum wanita telah menjalani pemeriksaan mamogram. Bayaran faedah di bawah Program HSP meningkat sebanyak RM4.05 juta daripada RM83.6 juta pada tahun 2019 kepada 87.64 juta bagi tahun 2020.

HEALTH SCREENING PROGRAMME (HSP)

This programme provides FREE health examinations to SOCSO Insured Persons aged 40 years and above who are active, to increase awareness of non-communicable diseases (NCD) and early detection of hypertension, diabetes as well as cancer amongst employees and subsequently assist SOCSO in identifying the groups at risk. Since its introduction in 2013, 3.4 million SOCSO contributors aged 40 years and above became eligible to undergo examinations under this programme.

As at 31st December 2020, 718,231 contributors (21.3%) have undergone health screening and of the said total, 128,783 female contributors have undergone mammogram examinations. Payment of benefits under the HSP Programme increased by RM4.05 million from RM83.6 million in 2019 to 87.64 million in 2020.

PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

PERKESO telah melaksanakan usaha berterusan dalam mewujudkan budaya pencegahan kemalangan di tempat kerja dan dalam perjalanan berkaitan pekerjaan termasuk pergi dan pulang dari tempat kerja. Pelaksanaan program adalah dengan memberi fokus kepada sektor utama yang menyumbang kepada Bencana Kerja dalam usaha untuk mengurangkan kemalangan Bencana Kerja.

Walaupun berdepan dengan tempoh yang sukar akibat penularan wabak COVID-19 dan pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ketat untuk pelaksanaan program. Namun begitu, PERKESO telah berjaya melaksanakan sebanyak 232 Program Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan dengan sasaran tahunan adalah sebanyak 198 program. Sebanyak 50 program dengan penglibatan majikan iaitu Program Sokongan Keselamatan Perjalanan (Commuting Safety Support Program) seperti yang disasarkan. Sebanyak 70% penurunan kadar kemalangan (sekurang-kurangnya 10%) dicatatkan yang melibatkan majikan di lokaliti terpilih (kadar kemalangan tertinggi) mengatasi peratus sasaran sebanyak 60% untuk tahun 2020.

VISION ZERO

Vision Zero adalah satu pendekatan transformasi untuk pencegahan yang menggabungkan tiga dimensi iaitu keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan di semua peringkat pekerjaan. PERKESO diberi peranan untuk menerajui *National Vision Zero Secretariat* bersama-sama dengan rakan strategik yang lain.

Sehingga Disember 2020, sebanyak 323 *Vision Zero Partner* dan *Vision Zero Company* telah berdaftar berbanding 243 pada tahun sebelumnya dengan peratus peningkatan sebanyak 32.92%. Semua program pencegahan dan promosi kesihatan yang dijalankan adalah berteraskan *Vision Zero*. Antara program *Vision Zero* yang telah dijalankan adalah *Vision Zero Community* Program Kesedaran Keselamatan Jalan Raya bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), *Commuting Safety Support* Program (CSSP) dan *OSH Compliance Support*.

OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH PROGRAMME

SOCSO has implemented continuous efforts in establishing a culture of accident prevention at the work place and during work-related journeys including the commute to and from work. Such programmes are carried out by focusing on key sectors that contribute to Occupational Injuries, in the effort to reduce the number of work-related accidents.

Despite facing a difficult period arising from the COVID-19 pandemic, with strict Standard Operating Procedures in place for the implementation of programmes, the organisation has successfully carried out 232 Occupational Safety and Health Programmes, with an annual target of 198 programmes. A total of 50 programmes were carried out with the involvement of employers,namely the Commuting Safety Support Programme, as targeted. A 70% reduction in the number of accidents (at least 10%) was recorded, involving employers in selected localities (highest accident rates), exceeding the target of 60% for the year 2020.

VISION ZERO

Vision Zero is a transformation approach towards prevention which combines three dimensions, namely, safety, helath and wellbeing at all levels of occupation. SOCSO has been given the role of leading the National Vision Zero Secretariat together with other strategic partners.

As of December 2020, a total of 323 Vision Zero Partners and Vision Zero Companies have registered, compared to 243 the previous year with a 32.92% increase. All the prevention programmes and health promotions carried out were based on Vision Zero. Among the programmes carried out included the Vision Zero Community, Road Safety Awareness Programme with the Local Authorities and the Royal Malaysian Police, the Commuting Safety Support Programme and OSH Compliance Support.

SISTEM INSURANS PEKERJAAN

Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) telah ditubuhkan pada 1 Januari 2018 untuk menyediakan penggantian pendapatan kepada Orang Berinsurans (OB) yang kehilangan pekerjaan. OB yang memohon SIP akan menerima bantuan pekerjaan semula dari Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan (ESO). Sebahagian daripada usaha mencari pekerjaan, OB dikehendaki untuk berdaftar dengan MyFutureJobs dan OB akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang bersesuaian. OB juga boleh memilih untuk menghadiri latihan kemahiran semasa menganggur atau selepas diambil bekerja dengan majikan baru yang mana ini adalah sebahagian daripada program pasaran buruh aktif SIP.

• PROGRAM *RETURN TO WORK* (RTW)

Di bawah SIP, PERKESO telah memperkenalkan program pemulihan fizikal yang disediakan kepada Orang Berinsurans (OB) iaitu Program RTW mulai 15 Januari 2007. Tujuan program RTW dilaksanakan adalah untuk membantu OB yang terbencana akibat daripada kehilangan upaya dan penyakit bagi mengembalikan fungsi anggota badan dan mental agar dapat kembali semula ke alam pekerjaan lebih awal, sihat dan selamat. Sejak program ini dilancarkan seramai 34,224 peserta yang menjalani program ini telah berjaya dipulihkan dan kembali semula bekerja.

Kejayaan program ini dapat dilihat melalui statistik jadual berikut:

EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM

The Employment Insurance System (EIS) was established on 1st January 2018 to provide replacement income to Insured Persons who have lost their jobs. Insured Persons who apply for EIS will receive re-employment assistance from the Employment Services Officer (ESO). As part of the job search effort, the Insured Person is required to register with MyFutureJObs and he/she will be matched with suitable job vacancies. The Insured Person may also opt to attend skills training during which time that he/she is unemployed, or even after having been re-employed by a new employer. This is part of the EIS active labour market programme.

• *RETURN TO WORK PROGRAMME (RTW)*

Under the EIS, SOCSO introduced a physical rehabilitation programme offered to Insured Persons, that is, the RTW Programme commencing 15th January 2007. The purpose of this RTW programme is to help Insured Persons affected by disablement and disease to recover their bodily functions and mental faculties so that they can return to work earlier, healthy and safe. Since its launch, a total of 34,224 participants who underwent the programme have been successfully rehabilitated and have returned to work.

The success of this programme can be seen in the table below:

Kompenan / *Component*	Tahun / *Years*				
	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan kes dirujuk / *Number of cases referred*	4,245	4,454	6,947	9,673	6,767
Bilangan kes telah kembali bekerja / *Number of cases returned to work*	2,498	2,658	3,829	7,026	5,232
Peratus kes telah kembali bekerja / *Percentage cases returned to work*	58.8%	59.7%	55.1%	72.6%	77.3%

• MYFUTUREJOBS

Pada 15 Jun 2020, melalui inisiatif PENJANA MyFutureJobs mempunyai mandat untuk menjadi satu Portal Padanan Pekerjaan Nasional yang bertindak sebagai platform pasaran buruh aktif. MYFutureJobs merupakan portal berteknologi tinggi dan terkini bagi membuat padanan pekerjaan berdasarkan kelayakan, kemahiran, pengalaman, gaji dan lain-lain mengikut keperluan majikan (*job matching*). Portal ini juga merupakan portal pekerjaan sehenti yang menghimpunkan pelbagai peluang pekerjaan, program *reskilling* dan *upskilling* serta program-program keusahawanan dari pelbagai agensi.

PERKESO juga menjalin kerjasama strategik dengan agensi pekerjaan swasta seperti JobStreet, LinkedIn, Maukerja, WOBB, MyStarjob.com, FastJobs, GradJobs.com, Project Deep dan Monster yang terdapat di Malaysia untuk meningkatkan peluang pekerjaan semua pencari kerja di negara ini. Perkongsian strategik ini menjadikan pencarian pekerjaan di dalam portal MYFutureJobs lebih mudah dan seterusnya mampu meningkatkan peralihan pekerjaan dari Pencari Kerja kepada majikan yang menawarkan kekosongan jawatan.

Semenjak dilancarkan, portal MYFutureJobs sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 500,378 jumlah pencari kerja telah berdaftar di bawah MYFutureJobs. Jumlah kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan di dalam portal tersebut adalah sebanyak 745,304. Manakala seramai 160,554 orang pencari kerja telah berjaya mendapatkan pekerjaan.

• *MYFUTUREJOBS*

On 15th June 2020, through the PENJANA initiative, MyFutureJobs received a mandate to become a National Employment Matching Portal which acts as an active labour market platform. MyFutureJObs is the latest high-technology portal carrying out job matching, based on qualifications, skills, experience, salaries and others, in accordance with employer requirements. This portal also serves as a one-stop employment portal which gathers various job opportunities, reskilling and upskilling programmes as well as entrepreneurial programmes run by various agencies.

SOCSO has also established strategic cooperation with private employment agencies such as JobStreet, LinkedIn, Maukerja, WOBB, MyStarjob.com, FastJobs, GradJobs.com, Project Deep and Monster, which are available in Malaysia, to improve opportunities for job seekers in the country.

Since its launch and as of 31st December 2020, 500,378 job seekers have registered with MYFutureJobs. A total of 745,304 vacancies are offered by employers in the said portal. 160,554 candidates have been successfully employed through the portal.

Kompenan / *Component*	Jumlah / *Total*
Jumlah kekosongan jawatan (Demand) / *Total vacancies (Demand)*	745,304
Jumlah pencari kerja yang berdaftar (Supply) / *Number of registered job seekers (Supply)*	500,378
Jumlah penempatan pekerjaan (Placement) / *Number of job placements*	160,554

PUSAT REHABILITASI PERKESO TUN ABDUL RAZAK

Pusat Rehabilitasi PERKESO yang dibina di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya Melaka mula beroperasi pada 1 Oktober 2014. Sehingga Disember 2020, seramai 6,305 orang pekerja telah menerima rawatan pemulihan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak dan 5,685 orang telah berjaya kembali bekerja.

Pada tahun 2020, seramai 966 pesakit telah berjaya menjalani rawatan pemulihan berbanding 1,307 pesakit pada tahun 2019 melalui Program Rehabilitasi Fizikal dan Vokasional yang komprehensif bagi mengembalikan semula OB PERKESO ke alam pekerjaan dan secara tidak langsung membantu meningkatkan sosio-ekonomi dan kesejahteraan OB.

TUN ABDUL RAZAK PERKESO REHABILITATION CENTRE

The SOCSO Rehabilitation Centre built in Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka commenced operations on 1st October 2014. As at December 2020, 6,305 employees have received rehabilitation treatment at the centre and 5,685 persons have successfully returned to work.

A total of 966 patients successfully underwent rehabilitation in 2020 compared to the 1,307 patients in 2019, through a comprehensive Physical and Vocational Rehabilitation Programme to return SOCSO Insured Persons to the working world. This indirectly helps to improve the socio-economy and wellbeing of the Insured Persons.

SKUAD PERKESO PRIHATIN

Skuad PERKESO Prihatin ditubuhkan sebagai sebuah wadah aspirasi yang prihatin bagi melaksanakan sebuah langkah proaktif bagi mengesan, menjejak dan melaksanakan pemprosesan faedah segera melalui pelbagai saluran seperti media cetak, elektronik dan sosial. Melalui inisiatif ini, bukan sahaja langkah yang efisyen dapat dihasilkan, malah hubungan baik antara PERKESO bersama pemimpin masyarakat, komuniti, pihak berkuasa, media dan sebagainya telah berjaya diperkukuhkan. Perkara ini jelas terbukti dengan terhasilnya impak positif seperti berikut;

- Peningkatan tahap kecekapan dan kompetensi Pegawai Skuad di setiap pejabat PERKESO melalui pemantauan pelaporan dan aktiviti yang lebih sistematik, komprehensif dan efisyen;
- Tahap penyusunan dan koordinasi pelaporan yang lebih berkesan dan tepat melalui Sistem MySynergy; dan
- Penjimatan kos publisiti di media kesan daripada peningkatan jumlah sesi libat urus bersama media/individu/agensi yang berkepentingan oleh Pegawai Skuad di setiap pejabat.

SOCSO PRIHATIN SQUAD

The SOCSO Prihatin Squad was formed as a vessel of caring aspirations to implement proactive measures to detect, track and carry out immediate benefits processing through various channels such as the print, electronic and social media. This initiative not only produces efficient results, but the good relationship between SOCSO and community leaders, the community, authorities, the media and others can be strengthened. This is dclearly proven by the positive impact as follows:

- *Improvement in efficiency and competence of Squad Officers at each SOCSO office through more systematic, comprehensive and efficient monitoring, reporting and activities.*
- *More effective and accurate arrangement and coordination of reporting through the MySyergy System; and*
- *Savings in media publicity costs arising from the increase in number of engagements with interested media/individuals/agencies by the Squad Officers at each office.*

Program Social Synergy merupakan gerakan inisiatif yang inovatif bagi mewujudkan sebuah platform keselamatan sosial yang pertama di Malaysia. Program ini dibina dengan mengadaptasi model keselamatan sosial dari negara maju seperti Australia, England, Amerika Syarikat dan sebagainya.

Program ini dibina dengan rekabentuk yang sistematik, komprehensif, holistik dan berkesinambungan. Dengan menggabungkan tiga (3) entiti keselamatan sosial iaitu Insurans Sosial, Bantuan Sosial dan Intervensi Pasaran Kerja, inisiatif ini dilihat sebagai formula terbaik bagi menangani permasalahan kemiskinan, keciciran dan ketidaksepaduan manfaat keselamatan sosial yang menyumbang ke arah pertindihan faedah dan manfaat.

The Social Synergy programme is an innovative initiative to create the first social security platform in Malaysia. The programme is built by adapting social security models from developed nations such as Australia, England, the United States of America and others.

This programme is built with a systematic, comprehensive and holistic design that has continuity. By combining the three (3) social security entities - Social Insurance, Social Assistance and Labour Market Intervention, this initiative is seen as the best formula to overcome issues of poverty, being left behind and incompatibility of social security benefits which contribute towards the overlapping of benefits.

Program ini telah dibina dengan strategik dan mengikut peredaran serta kehendak semasa apabila terbinanya sebuah sistem ICT yang dinamakan Sistem MySynergy. Dengan mengadaptasi penggunaan teknologi 'blockchain', Sistem MySynergy bakal menjadi hub data keselamatan sosial yang terbesar di Malaysia. Sehingga kini sejumlah lebih 45 agensi yang menyediakan manfaat keselamatan sosial di seluruh negara telah menyertai program ini.

This programme was strategically designed in accordance with current developments and requirements, thus the MySynergy ICT system was produced. By adapting the use of blockchain technology, the MySynergy system will become the largest social security data hub in Malaysia. To date, more than 45 agencies providing social security benefits nationwide have joined the programme.

Pada tahun 2020 juga menunjukkan bilangan kes yang diterima oleh Skuad Prihatin PERKESO adalah sebanyak 2,846 kes dengan pencapaian peratus kes selesai dalam tempoh 7 hari adalah 99.12%.

A total of 2,846 cases were received by the SOCSO Prihatin Squad in 2020 with 99.12% of cases being resolved within a period of 7 days.

Statistik Pengurusan Kes Skuad PERKESO Prihatin / *SOCSO Prihatin Squad Case Management Statistics*	2019	2020
Jumlah kekosongan jawatan (Demand) / *Number of cases received*	1,996	2,846
Jumlah pencari kerja yang berdaftar (Supply) / *Number of cases solved within 7 days*	1,956	2,821

PERKHIDMATAN PELANGGAN

Khidmat pelanggan merupakan perkhidmatan barisan hadapan yang penting. Orang ramai yang menjadi pelanggan mempunyai kehendak dan harapan yang tinggi terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh PERKESO. Berikutan itu anggota PERKESO, bertanggungjawab memberikan perkhidmatan terbaik sejajar dengan Nilai Teras Bersama; fokus pelanggan dan prihatin. Untuk merealisasikan jenama PERKESO iaitu "PERKESO Prihatin Melangkaui Ekspektasi, Kesejahteraan Pelanggan Keutamaan Kami", pihak pengurusan PERKESO sentiasa mengambil pendekatan untuk menilai tahap kepuasan pelanggan dari mata pelanggan itu sendiri.

Untuk memudahkan urusan pelanggan, pelbagai saluran komunikasi disediakan seperti kaunter perkhidmatan di 54 pejabat PERKESO di seluruh negara termasuk Ibu Pejabat PERKESO, talian khidmat pelanggan; 1-300-22-8000 atau SMS ke 15888, perkhidmatan mySMS ADUAN PERKESO dan e-mel: perkeso.gov.my. Perkhidmatan atas talian yang disediakan ialah Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang boleh diakses melalui http://perkeso.spab.gov.my, laman media sosial seperti Instagram: https://www.instagram.com/perkeso.official, Twitter: www.twitter.com/perkeso dan Facebook: www.facebook.com/perkeso.

CUSTOMER SERVICE

Customer service is an essential part of frontline services. The public, who are the customers, have needs and high hopes regarding the services provided by SOCSO. As such, SOCSO staff is responsible in providing the best service in line with the Shared Core Values; focus on customers and prihatin (caring). In order to realise the SOCSO brand of "PERKESO Prihatin Melangkaui Ekspektasi, Kesejahteraan Pelanggan Keutamaan Kami" (SOCSO, caring beyond expectation, the wellbeing of customers our priority), the management of SOCSO constantly takes the approach of evaluating the level of customer satisfaction from the customer's point of view itself.

To facilitate customer's business, various communication channels are provided such as service counters at 54 SOCSO offices nationwide including at the SOCSO Headquarters, customer service hotline, 1-300-228000 or SMS to 15888, the mySMS ADUAN PERKESO service and email at perkeso.gov.my. Online services provided include the Public Complaints Management System (SISPAA) which is accessible through http://perkeso.spab.gov.my, and social media networks such as Instagram: https://www.instagram.com/perkeso.official, Twitter: www.twitter.com/perkeso and Facebook: www.facebook.com/perkeso.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI
KEY OPERATION PERFORMANCE INDICATOR REVIEW

Tahun 2020 merupakan tahun yang agak mencabar bagi semua anggota PERKESO terutamanya bagi petugas barisan hadapan dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan. Ini adalah kerana, mulai bulan Mac 2020, kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara untuk membendung penularan jangkitan wabak COVID-19. Anggota PERKESO mula dijadualkan bekerja dari rumah untuk memastikan perkhidmatan kepada pelanggan dapat diteruskan kerana perkhidmatan PERKESO adalah dianggap sebagai essential services.

The year 2020 has been a challenging one for all SOCSO staff especially its frontliners in the provision of service to customers. This is due to the government's enforcement of a nationwide Movement Control Order (MCO) in March 2020, to contain the spread of the COVID-19 virus. SOCSO staff began to work from home to ensure that services to its customers can continue to be provided as such services are deemed to be essential services.

PERKESO telah mengambil initiatif menyediakan pelbagai saluran kepada pelanggan untuk berurusan dengan PERKESO. Antaranya adalah menyediakan drop-box untuk membolehkan pelanggan mengemukakan dokumen berkaitan di kesemua 54 pejabat PERKESO termasuk ibu pejabat, memaparkan nombor telefon bimbit anggota PERKESO di luar pejabat untuk dihubungi oleh pelanggan sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan serta membolehkan anggota di Pusat Khidmat Pelanggan beroperasi dari rumah dan boleh dicapai melalui nombor telefon bimbit yang telah dipaparkan di laman web PERKESO.

SOCSO has taken the initiative to provide various channels for customers to deal with the organisation, such as as providing drop-boxes to facilitate customber submitting relevant documents at all 54 SOCSO officers including the headquarters, displaying the mobile telephone numbers of SOCSO staff outside the office so that they may be contacted by the customers in the event of any enquiries as well as to enable the Customer Service Centre staff to operate from home and be contactable through the mobile phone number displayed on the SOCSO website.

PERKESO sentiasa memastikan petugas barisan hadapan mantap dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dengan mengamalkan budi bahasa S4P (senyum, sapa, salam, santun dan prihatin) dan Garis panduan Khidmat Pelanggan iaitu ECG (Employee Customer Guideline). Amalan S4P masih dipraktikkan dalam norma baru iaitu dengan meletakkan tangan kanan di dada dan menundukkan kepala menunjukkan budi bahasa dalam melayani pelanggan PERKESO yang hadir. Latihan berterusan sentiasa diberikan kepada semua anggota PERKESO terutamanya kepada petugas barisan hadapan termasuk telefonis dan petugas kaunter. Latihan ini diberikan mengikut peringkat kemahiran yang bersesuaian seperti kursus asas, kursus lanjutan serta latihan pemantapan petugas barisan hadapan. Anggota dan pejabat PERKESO yang memberikan perkhidmatan cemerlang kepada pelanggan akan diberikan anugerah sebagai tanda pengiktirafan dan motivasi untuk mengekalkan tahap pencapaian yang baik.

SOCSO always ensures that its frontliners are excellent in providing the best service to customers by practising the S4P principles (senyum, sapa, salam, santun dan prihatin) (smile, greet, shake hands, be polite and caring) and the Employee Customer Guidelines (ECG). The S4P principles are still practised in the new norm by placing the right hand over the chest and slightly bowing to show politeness in serving the SOCSO customers present. Continued training is provided to all SOCSO staff especially to frontliners including telephonists and counter staff. Training is given according to the appropriate skill levels such as basic course, advanced course as well as frontliners' consolidation course. SOCSO staff and office providing excellent service to customers will be given awards in recognition and to motivate them to maintain such excellent levels of achievement.





• Mystery Shopping

Setiap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan harus dinilai dari sudut pelanggan supaya tahap perkhidmatan boleh sentiasa ditambahbaik. Untuk mencapai matlamat tersebut, PERKESO melantik pembekal untuk melaksanakan *Mystery Shopping* supaya kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh petugas barisan hadapan PERKESO boleh dinilai melalui mata pelanggan sendiri. Melalui program ini, PERKESO dapat mengenal pasti kekurangan dalam perkhidmatan yang diberikan. Tindakan penambahbaikan hasil dari keputusan Mystery Shopping yang dilaksanakan, dilakukan melalui pendekatan Perancangan, Perlaksanaan, Penilaian dan Tindakan (P.D.C.A).

Mystery shopping dilaksanakan melalui tiga skop perkhidmatan utama iaitu perkhidmatan kaunter tempatan (Branch Walk-in), panggilan telefon pejabat PERKESO tempatan (Branch Mystery Call) dan panggilan ke Talian Khidmat Pelanggan PERKESO (CRM Mystery Call). Anggota dinilai samada mematuhi garis panduan khidmat pelanggan yang telah disediakan oleh PERKESO yang dikenali sebagai ECG (Employee-Customer Guideline) di samping menilai layanan mesra serta pengetahuan petugas barisan hadapan tentang produk-produk dan perkhidmatan PERKESO.

Sejak bermulanya perlaksanaan Mystery Shopping pada tahun 2017, ianya dilaksanakan sebanyak 2 kali setiap tahun yang mana dipanggil wave Mystery Shopping. PERKESO telah melaksanakan 6 wave bermula tahun 2017 hingga 2019 iaitu sebanyak 2 wave setiap tahun. Namun, pada tahun 2020, hanya satu wave sahaja dapat dilaksanakan iaitu wave 7 disebabkan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara akibat penularan wabak jangkitan COVID-19.

Mulai dari tahun 2019, Mystery Shopping D.I.Y untuk Branch Call telah diadakan secara dalaman. Panggilan telefon telah dibuat ke pejabat-pejabat PERKESO oleh Mystery Shoppers yang terdiri daripada anggota PERKESO sendiri iaitu ahli-ahli mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Pelanggan di Ibu Pejabat PERKESO. Walau bagaimanapun, Mystery Shopping D.I.Y tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2020 disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara di mana semua anggota PERKESO mula dijadualkan untuk bekerja dari rumah.

• *Mystery Shopping*

Each service rendered to customers must be evaluated from the customers' point of view so that the level of service can always be improved. To that end, SOCSO has appointed a supplier to conduct the Mystery Shopping exercise so that the quality of service provided by SOCSO's frontliners can be evaluated from the customers' point of view itself. Through this progamme SOCSO has been able to identify any weaknesses in the service provided. Actions taken as a result of the Mystery Shopping exercise conducted are carried out using the Planning, Implementation, Evaluation and Action approach.

The Mystery Shopping exercise is conducted through three main scopes of service, namely, Branch Walk-in, Branch Mysery Call and CRM Mystery Call. Staff is evaluated as to whether they comply with the customer service guideline prepared by SOCSO known as the Employee Customer Guideline,in addition to evaluating staff friendliness and knowledge of frontliners regarding SOCSO products and services.

Since the implementation of Mystery Shopping in the year 2017, the exercise has been conducted twice yearly (Mystery Shopping wave). SOCSO has conducted 6 waves from 2017 to 2019, that is, 2 waves per year. However, in 2020 only one wave could be conducted, namely wave 7, due to the nationwide Movement Control Order (MCO).

As of the year 2019, D.I.Y Mystery Shopping for Branch Call began to be conducted internally. Telephone calls were made to SOCSO offices by Mystery Shoppers comprising SOCSO staff themselves, members of the Customer Management Working Committee at the SOCSO Headquarters. However, the D.I.Y Mystery Shopping could not be conducted in 2020 due to the nationwide Movement Control Order where all SOCSO staff were scheduled to work from home.

• Hari Bertemu Pelanggan

Hari Bertemu Pelanggan merupakan satu program yang diadakan oleh Warga PERKESO bagi mendukung Nilai Teras Bersama; prihatin dan fokus kepada pelanggan. Inisiatif ini bertujuan memberi peluang kepada pelanggan PERKESO seperti majikan, orang berinsurans, orang tanggungan, orang awam dan pihak berkepentingan lain untuk menyelesaikan urusan dan permasalahan dengan berjumpa terus dengan pengurusan atasan.

Program ini melibatkan kesemua 54 Pejabat PERKESO di seluruh negara, khususnya dilakukan untuk membantu pelanggan yang masih tidak berpuas hati setelah berurusan di peringkat kaunter perkhidmatan. Urusan seperti pertanyaan, cadangan kepada pihak PERKESO, aduan dan semakan berkaitan dengan perkhidmatan skim-skim perlindungan yang disediakan PERKESO boleh dirujuk dengan pengurusan atasan untuk membantu pelanggan berasa berpuas hati dengan penjelasan yang diterima.

Hari Bertemu Pelanggan di PERKESO diadakan di kesemua 54 buah pejabat PERKESO termasuk Ibu Pejabat PERKESO pada:

- Setiap hari Khamis minggu pertama setiap bulan (8.30 pagi - 4.30 petang)
- Mulai tahun 2019 - Setiap hari Selasa (8.30 pagi - 10.30 pagi)

PERKESO juga terlibat dalam Program Hari Bertemu Pelanggan di peringkat Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya yang diwakili oleh semua agensi dan jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia pada setiap hari Selasa jam 8:00 pagi hingga 10:00 pagi.

Walau bagaimanapun, Hari Bertemu Pelanggan di Bangunan KSM, Putrajaya yang diadakan sejak 8 Januari 2019 ini telah ditangguhkan pada 6.3.2020 disebabkan gelombang kedua COVID-19. Program ini kemudiannya mula diadakan di Netaji Hall, Ibu Pejabat MIC, Kuala Lumpur sebanyak dua kali iaitu pada 24.09.2020 dan 01.10.2020.

Program ini juga telah ditangguhkan berikutan peningkatan kes wabak COVID-19. Pelaksanaan Hari bertemu pelanggan di pejabat-pejabat PERKESO juga terganggu ekoran pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) seperti yang diumumkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

• *Meet The Clients Day*

Meet The Clients Day is a programme held by SOCSO staff to uphold its Shared Core Values – caring and focus towards clients. This initiative is taken for the purposes of providing opportunity to SOCSO clients such as employers, insured persons, dependants, the public and other interested parties to conclude their business and problems by directly meeting the top management.

This programme involves all 54 SOCSO offices nationwide, and is specifically conducted to assist clients who are still not satisfied after conducting their business at the service counter level. Matters such as enquiries, proposals to SOCSO, complaints and checks on the protection schemes offered by SOCSO may be referred to the top management to help the clients gain satisfaction with the explanation given.

SOCSO Meet The Clients Days are held at all 54 SOCSO offices including the headquarter on:

- *Each Thursday of the first week of every month (8.30 am – 4.30 pm)*
- *From 2019, each Tuesday (8.30 am – 10.30 am).*

SOCSO is also involved in the Meet The Clients Day at the Ministry of Human Resources level which is represented by all agencies and departments under the Ministry. The event is held each Tuesday from 8.00 am to 10.00 am.

However, the Meet The Clients Day at Bangunan KSM in Putrjaya which has been conducted since 8th January 2019 has been postponed on 6th March 2020 due to the second wave of COVID-19. This programme was subsequently held at Netaji Hall, MIC Headquarters, Kuala Lumpur, twice, on 24th September 2020 and 1st October 2020.

The programme was also postponed following the rise in COVID-19 cases. The programme at SOCSO offices were also disrupted due to the Movement Control Order, the Enhanced Movement Control Order, the Conditional Movement Control Order and the Recovery Movement Control Order announced by the government from time to time.

Berikut adalah bilangan pelanggan Hari Bertemu Pelanggan pada tahun 2019 dan 2020:

The following table sets out the number of Meet The Client Days held in 2019 and 2020:

Bil / No	Hari Bertemu Pelanggan / *Meet The Clients Day*	Jumlah Pelanggan / *Number of Clients*	
		2019	2020
1.	Hari Khamis (Minggu Pertama) Peringkat Perkeso / *Thursday (First Week) – SOCSO Level*	329	-
2.	Setiap Selasa Peringkat Perkeso/ *Every Tuesday – SOCSO Level*	1,195	138
3.	Setiap Selasa Peringkat KSM (Putrajaya) / *Every Tuesday – Ministry of Human Resources Level (Putrajaya)*	115	23
4.	Peringkat KSM (Bangunan MIC) / *Ministry of Human Resources Level (MIC Building)*	-	96
	Jumlah / *Total*	**1,639**	**257**

• Pengurusan Aduan

Aduan adalah rasa ketidakpuasan hati yang disuarakan oleh pelanggan PERKESO terhadap sebarang tindakan oleh PERKESO atau pihak ketiga atau peraturan yang dikuatkuasakan oleh PERKESO. Tindakan yang dirasakan tidak adil, tidak mematuhi akta seperti penyelewengan, salah laku, salah tadbir, salah guna kuasa dan seumpamanya. Aduan-aduan ini diterima melalui pelbagai saluran; Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA), surat rasmi, surat layang, e-mel, faksimile, melalui telefon dan media massa dan juga melalui pelanggan yang hadir terus ke pejabat PERKESO.

PERKESO sentiasa memberikan perhatian terhadap aduan-aduan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh pelanggan tanpa sebarang halangan. Memberikan penjelasan dan penelitian lanjut berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh pelanggan adalah merupakan tanggungjawab organisasi kepada pelanggan.

Sepanjang tahun 2020 sebanyak 107 aduan biasa (aduan terhadap PERKESO) dan 3,255 aduan rumit (aduan terhadap pihak ketiga) telah diterima. Pencapaian aduan biasa adalah 95.33% iaitu sebanyak 102 kes telah diselesaikan dalam tempoh 14 hari manakala pencapaian aduan rumit adalah 95.59% di mana sebanyak 3,255 kes aduan rumit telah diselesaikan dalam tempoh 45 hari. Berikut adalah 3 kategori kes tertinggi bagi aduan terhadap PERKESO serta 4 kategori kes tertinggi bagi aduan terhadap pihak ketiga yang telah diselesaikan dalam tahun 2020.

• *Complaints Management*

Complaints are the dissatisfaction expressed by SOCSO clients against any action by SOCSO or by a third party or against any regulation enforced by SOCSO. These are actions that are deemed to be unfair, or not in compliance with the Act such as misappropriation, misconduct, mismanagement, abuses of power and others. Complaints are received through various channels – the Public Complaints Management System (SISPAA), official letters, anonymous letters, emails, facsimile, through the telephone and mass media as well as from customers who come to the SOCSO office.

SOCSO always give attention to the complaints and issues raised by customers without barriers. Providing explanation and further examination of the matters raised by the customer is a responsibility of the organisation towards the customers.

Throughout 2020, 107 ordinary complaints (complaints against SOCSO) and 3,255 difficult complaints (complaints against third parties) were received. The achievement of ordinary complaints is 95.33% with 102 cases being solved within a period of 14 days whereas the achievement of difficult complaints is 95.59% with 3,255 cases being solved within a period of 45 days. The following are the 3 categories of highest cases for complaints against SOCSO as well as 4 categories of highest cases for complaints against third parties which have been completed in 2020.

Aduan terhadap PERKESO (3 kategori kes tertinggi)
Complaints against SOCSO (3 categories of highest cases)

Kategori / *Category*	Jumlah / *Total*	Pejabat / *Office*	Jumlah / *Total*	%
Program Subsidi Upah / *Wage Subsidy Programme*	33	SIP / EIS	19	58%
		PPN Pulau Pinang	7	21%
		BPK	-	12%
Perkhidmatan & Persekitaran / *Services & Environment*	17	BPK	7	41%
		PPN Sabah	3	18%
		PP Taiping & PPN Negeri Sembilan	2	12%
Perkhidmatan & Persekitaran / *Employment Retention Programme*	7	SIP	6	86%
		PP K.Krai	1	14%

Aduan terhadap Pihak Ketiga (3 kategori kes tertinggi)
Complaints against Third Parties (4 categories of highest cases)

Kategori / *Category*	Jumlah / *Total*	Pejabat / *Office*	Jumlah / *Total*	%
Majikan tidak mencarum / *Employer not contributing*	2481	PPN KL	542	22%
		PPN Selangor	487	20%
		PP Putrayaja	170	7%
Majikan tidak lapor kemalangan / *Employer not reporting accident*	429	PPN Selangor	63	15%
		PPN Johor	53	12%
		PPN KL	41	10%
Program Subsidi Upah / *Wage Subsidy Programme*	150	SIP / EIS	49	33%
		PP Selangor	29	19%
		PPN KL	15	10%
Majikan tidak daftar perusahaan / *Employer not registering business*	150	PPN KL	24	16%
		PP Selangor	23	15%
		PP Perak	22	15%

PERKHIDMATAN BERKUALITI, KEPUASAN PELANGGAN DICAPAI

PERKESO sebagai agensi barisan hadapan sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti dalam usaha untuk memastikan ekspektasi pelanggan dapat dipenuhi dan ditepati. Justeru, pandangan dan maklum balas pelanggan terhadap tahap perkhidmatan yang telah diberikan adalah sentiasa diambil kira dan dipantau menerusi Kajian Kepuasan Pelanggan PERKESO di mana tinjauan dibuat sepanjang tahun di setiap pejabat-pejabat PERKESO.

Kajian Kepuasan Pelanggan PERKESO ini dijalankan mengikut fasa iaitu Fasa Pertama dijalankan dalam tempoh bulan Januari hingga Jun manakala Fasa Kedua dijalankan dalam tempoh bulan Julai hingga Disember. Responden kajian terdiri daripada pelanggan yang hadir di kaunter-kaunter PERKESO dan penerima bayaran pertama bagi tuntutan faedah. Terdapat beberapa kaedah bagi pelanggan untuk menjawab kajian tinjauan tersebut iaitu menggunakan borang kaji selidik atau secara atas talian.

Terdapat empat petunjuk utama yang menjadi fokus kajian ini iaitu "Pendaftaran Perusahaan/Pekerja dan Pembayaran Caruman', 'Tuntutan Faedah', 'Kualiti Perkhidmatan' dan 'Pengendalian Aduan'. Keempat-empat petunjuk ini akan membentuk indeks kepuasan pelanggan yang akan digunakan untuk mengukur kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Berikut adalah carta yang menunjukkan tahap kepuasan pelanggan terhadap keempat-empat komponen tersebut bagi kedua-dua fasa tahun 2020:

QUALITY SERVICE, CUSTOMER SATISFACTION

SOCSO, as a frontline agency, constantly strives to provide quality service in the effort to ensure that customer's expectations are met and fulfilled. Hence, the views and feedback of customers regarding the services rendered are constantly taken into consideration and monitored through the SOCSO Customer Satisfaction Study wherein year-round surveys are conducted at each SOCSO office.

The SOCSO Customer Satisfaction Study is conducted in phases, with the First Phase being conducted in January to June. The Second Phase is then conducted from July to December. The respondents to the survey comprise customers who come to the SOCSO counters, as wll as recipients of first payments of benefits claims. Several methods are provided for customers to answer the survey, either by completing the survey form or by doing so online.

Four key indicators form the focus of this study, namely, "Registration of Business/Employee and Payment of Contribution", "Benefits Claims", "Quality of Service" and "Complaints Management". These four indicators will form the customer satisfaction index which will be used to measure the quality of service rendered to the customers. The following chart shows the level of customer satisfaction against the four said components, for both phases in 2020:

Perbandingan Indeks Kepuasan Pelanggan Fasa 1 / 2020 & Fasa 2 / 2020 mengikut Kompenen /
Comparison of Customer Satisfaction Index Phase 1/2020 & Phase 2/2020 according to Component



Berikut pula adalah carta yang menunjukkan tahap kepuasan pelanggan dari Fasa 1/2010 sehingga Fasa 2/2020:

The following chart shows the customer satisfaction index from Phase 1/2020 to Phase 2/2020:

Indeks Kepuasan Pelanggan bagi Fasa 1/2020 hingga Fasa 2/2020

Customer Satisfaction Index for Phase 1/2020 to Phase 2/2020



Fasa / *Phase*

Dapat dirumuskan bahawa terdapat peningkatan dari segi tahap kepuasan pelanggan secara keseluruhan walaupun tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar akibat pandemik Covid-19. Ini jelas menunjukkan bahawa PERKESO telah berjaya menjadi agensi yang banyak membantu mereka yang memerlukan serta yang terkesan akibat pandemik tersebut. Diharap agar semua anggota PERKESO dapat meneruskan lagi kecemerlangan ini di masa hadapan.

It can be summarised that there has been an improvement in the overall customer satisfaction level eventhough 2020 had been a challenging year due to the COVID-19 pandemic. This clearly shows that SOCSO has successfully become an agency that greatly helps those in need as well as those who have been affected by the pandemic. It is hoped that all SOCSO staff can continue this excellence in the future.



PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI 2020



PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI (COVID-19)

Mengambil kira faktor ramai majikan dan pekerja terjejas rentetan pasaran pekerjaan diselubungi implikasi ekoran pandemik COVID-19, beberapa pakej rangsangan ekonomi telah diperkenalkan oleh Kerajaan. PERKESO memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan beberapa inisiatif di dalam pakej rangsangan ini dapat disalur dan dimanfaatkan oleh pekerja dan majikan yang layak. Peranan dan sumbangan PERKESO ini dapat dilihat melalui beberapa Pakej Rangsangan Ekonomi (COVID-19) iaitu di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS Tambahan, Pelan Penjana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Kerangka Inisiatif Tambahan Khas (KITA PRIHATIN).

Pakej Rangsangan Ekonomi (COVID-19) telah menggariskan beberapa inisiatif di mana PERKESO turut diberi peranan yang penting dalam usaha memastikan bantuan dana kerajaan dapat disalurkan kepada mereka yang layak, antaranya:

- **Program Pengekalan Pekerjaan**

Program Pengekalan Pekerjaan/ Employment Retention Programme (ERP) adalah satu program yang memberi bantuan kewangan kepada pekerja yang bergaji RM4,000 dan ke bawah yang diarahkan mengambil cuti tanpa gaji disebabkan operasi majikan terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Menerusi program ini, seramai 340,252 pekerja telah berjaya dibantu dan mereka menerima ERP melalui 37,901 majikan dengan bayaran elaun sebanyak RM211.33 juta.

ECONOMIC STIMULATION PACKAGE (COVID-19)

Taking into consideration the fact that many employers and employees have been adversely affected in the job market which is impacted by the COVID-19 pandemic, several economic stimulation packages have been introduced by the Government. SOCSO plays an important role in ensuring that several of the initiatives in these stimulation packages can be channelled to and benefited by qualified employees and employers. The role and contribution of SOCSO can be seen through several Economic Stimulation Packages under the Prihatin Rakyat Economic Stimulation Package (PRIHATIN) the PRIHATIN PKS Tambahan, the National Economic Regeneration Plan (PENJANA) and the Special Additional Initiative Framework (KITA PRIHATIN).

The Economic Stimulation Package (COVID-19) has outlined several initiatives wherein SOCSO is given an important role in the effort to ensure that government aid can be channelled to those who are qualified, among others:

- ***Employment Retention Programme***

The Employment Retention Programme (ERP) is a programme that provides financial aid to employees with salaries of RM4,000 and below who have been ordered to take unpaid leave due to the employer's operations being affected by the pandemic. Through this programme, a total of 340,252 employees have received assistance and they received the ERP through 37,901 employers with payments of allowance amounting to RM211.33 million.



• Program Subsidi Upah

Program Subsidi Upah (PSU) di bawah Pakej PRIHATIN bermatlamat untuk memberi bantuan kewangan kepada majikan yang terjejas akibat COVID-19 bagi meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Antara syarat utama PSU adalah majikan dan pekerja hendaklah berdaftar atau mencarum dengan PERKESO sebelum 1 April 2020, berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), majikan telah memulakan operasi sebelum 1 Januari 2020 dan PSU adalah untuk pekerja bergaji RM4,000 ke bawah.

Bayaran subsidi upah adalah selama tempoh tiga (3) bulan berdasarkan saiz perusahaan untuk setiap pekerja sehingga maksima 200 pekerja bagi setiap majikan. Bayaran subsidi adalah sepertimana yang berikut:

a. Saiz perusahaan yang mempunyai bilangan pekerja 75 orang dan ke bawah, bayaran subsidi upah adalah sebanyak RM1,200 sebulan bagi setiap pekerja;

b. Saiz perusahaan yang mempunyai pekerja 76 hingga 200 orang pekerja, bayaran subsidi upah adalah sebanyak RM800 sebulan bagi setiap pekerja; dan

c. Saiz perusahaan yang mempunyai pekerja 201 orang dan ke atas, bayaran subsidi upah adalah sebanyak RM600 bagi setiap pekerja.

Secara keseluruhan, seramai 331,950 majikan menerima bantuan PSU 1.0 yang melibatkan 2.72 juta orang pekerja dengan bayaran PSU sebanyak RM12.39 billion. Bantuan PSU ini dilanjutkan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) iaitu PSU 2.0 yang mana pembayaran subsidi upah adalah sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja dalam tempoh tiga (3) bulan. Subsidi upah ini memberi manfaat kepada 96,566 majikan yang merangkumi 975,413 orang pekerja dengan bayaran PSU 2.0 sebanyak RM239.73 juta.

• *Wage Subsidy Programme*

The Wage Subsidy Programme (WSP) under the PRIHATIN Package is intended to provide financial aid to employers affected by the pandemic, enabling them to continue operating their companies as well as avoid employees losing their jobs and livehoods. Among the main condition of WSP is that the employer and employee must be registered with or must contribute to SOCSO before 1st April 2020, registered with the Companies Commission of Malaysia (CCM) or the Local Authorities, and the employers must have begun operating before 1st January 2020. The Wage Subsidy Programme is for employees with salaries of RM4,000 and below.

Payment of wage subsidy is for a period of three (3) months based on the size of business, for each employee up to a maximum of 200 employees for each employer. The payment of subsidy shall be as follows:

a. For a business with 75 employees or less, the wage subsidy is RM1,200 per month for each employee;

b. For a business with 76 to 200 employees, the payment of subsidy is RM800 per month for each employee; and

c. For a business with 201 employees or more, the wage subsidy is RM600 per month for each employee.

Overall, a total of 331,950 employers received WSP1.0 aid, involving 2.72 million employees with payment of wage subsidy amounting to RM12.39 billion. This WSP aid is extended under the National Economic Regeneration Plan (PENJANA), namely WSP2.0 wherein the wage subsidy payment is RM600 per month for each employee for a period of three (3) months. This wage subsidy has benefited 96,566 employees encompassing 975,413 employees with a payment of WSP2.0 amounting to RM239.73 million.

- **Program PenjanaKerjaya**

Program PENJANAKerjaya adalah salah satu usaha kerajaan melalui PERKESO dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) melalui inisiatif Penyedia Perkhidmatan Pekerjaan Negara (National Employment Services). Program PENJANAKerjaya bertujuan untuk merangsang permintaan pekerjaan dalam kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta kebolehpekerjaan dalam kalangan pencari kerja tempatan. Selaras dengan itu, PERKESO telah memastikan Portal Pekerjaan (MYFutureJobs) ditambah baik agar inisiatif ini dapat direalisasikan. Tahun 2020 merekodkan jumlah sebanyak 745,304 kekosongan jawatan dan seramai 500,378 orang pencari kerja yang didaftarkan di portal MYFutureJobs.

Melalui PENJANA juga, terdapat empat (4) insentif yang dipertanggungjawabkan kepada PERKESO oleh kerajaan melalui inisiatif PENJANAKerjaya iaitu MyApprentice, HireMalaysia, Bantuan Mobiliti (Mobility Assistance) dan Program Latihan.



- ***Penjana Kerjaya Programme***

The PenjanaKerjaya programme is one of the government's efforts through SOCSO in its National Economic Regeneration Plan (PENJANA) under the National Employment Services initiative. The programme is intended to stimulate job demands amongst employers and increase job opportunities as well as employability among local job seekers. To that end, SOCSO has ensured that the MYFutureJObs portal is improved so that this initiative can be realised. The year 2020 recorded a total of 745,304 job vacancies and 500,378 job seekers registered in the portal.

Through PENJANA, four (4) incentives were entrusted to SOCSO by the government through the PENJANAKerjaya initiative, namely, MyApprentice, HireMalaysia, Mobility Assistance and Training Programme.



- **Program Saringan PRIHATIN**

Skop HSP diperluaskan apabila PERKESO diberi tanggungjawab oleh Kerajaan untuk membantu negara mengawal penularan wabak COVID-19 di tempat kerja yang beroperasi semasa atau selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menjalankan saringan secara bersasar untuk memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19.

PERKESO memperluaskan jaringan perlindungan sosial dengan menyediakan bantuan untuk para pekerja membuat saringan COVID-19. Bantuan saringan COVID-19 ini memberi faedah kepada 556,021 orang pekerja yang meliputi 350,000 pekerja di bawah Program Saringan Prihatin (PSP), 119,651 pekerja di bawah Subsidi Saringan Prihatin dan Program Saringan COVID-19 bagi Pekerja Asing seramai 86,370 pekerja dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan adalah sebanyak RM96.6 juta.

- ***PRIHATIN Screening Programme***

The scope of HSP is expanded when SOCSO is entrusted by the Government to assist the country in controlling the spread of COVID-19 in work places that operate during or after the Movement Control Order (MCO). This is in line with the Government's goal of conducted targeted screeing to break the chain of COVID-19 spread.

SOCSO expanded its social protection network by providing assistance to employees undergoing COVID-19 screening. This COVID-19 screening assistance has benefited 556,021 employees encompassing 350,000 employees under the Prihatin Screening Programme (PSP), 119,651 employees under the Prihatin Screening Subsidy and 86,370 employees under the COVID-19 Screening Programme for Foreign Workers, with an overall expenditure of RM96.6 MILLION.

- **Program PENJANAGig**

Selaras dengan hasrat untuk mempertingkatkan ekonomi gig, Kerajaan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), telah memberi tanggungjawab kepada PERKESO untuk melaksanakan Program PENJANAGig bagi memastikan golongan Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang melibatkan diri dalam aktiviti pekerjaan ekonomi gig mendapat perlindungan keselamatan sosial. Sejak diperkenalkan pada Jun 2020, jumlah OBS yang berdaftar dengan PERKESO adalah seramai 7,663 orang dengan jumlah caruman sebanyak RM 455,205.85 sehingga Disember 2020.

- ***PENJANAGig Programme***

In alignment with the intention to improve the gig economy, the Government, through its National Economic Regeneration Plan (PENJANA) has entrusted SOCSO to implement the PENJANAGig programme to ensure that Self-Employed Persons who are involved in gig economy activities get social security protection. Since its introducdtion in June 2020, a total of 7,663 Self-Employed Persons have registered with SOCSO, with a total of contributions amounting to RM455,205.85 as at December 2020.

ULASAN PENGURUSAN STRATEGI DAN PRESTASI PERKESO

SOCSO STRATEGIC AND PERFORMANCE MANAGEMENT REVIEW



"Pencapaian cemerlang KPI PERKESO pada tahap 94.48% pada tahun 2020 akan terus menjadi pemangkin kepada kecemerlangan PERKESO pada tahun-tahun akan datang. Kejayaan ini menjadi pemacu dalam memartabatkan perlindungan keselamatan sosial yang dinamik dan inklusif kepada lebih 7.08 juta pekerja dilindungi di negara ini. Aspirasi ini sejajar dengan visi nasional untuk meningkatkan kesejahteraan sosio ekonomi rakyat khususnya kepada golongan pekerja B40."

"SOCSO's excellent KPI achievement of 94.48% in 2020 will continue to become a catalyst for its excellence in years to come. This success becomes the driver in upholding social security protection that is dynamic and inclusive for more than 7.08 million employees protected in this country. This aspiration is in line with the national vision of improving the socio-economic wellbeing of the people, in particular, employers in the B40 category."

PERKESO

EDMUND CHEONG PECK HUANG
Ketua Pegawai Strategi Dan Transformasi
Deputy Chief Strategic And Transformation

PENGURUSAN STRATEGI DAN PRESTASI PERKESO 2020

Pada tahun 2020, menerusi pendekatan sistem Balanced Scorecard (BSC) sejumlah dua puluh (20) KPI PERKESO 2020 telah dibangunkan berasaskan empat perspektif utama BSC iaitu Pelanggan, Kewangan, Proses Dalaman dan Kapasiti Organisasi.

Secara keseluruhannya, prestasi PERKESO bagi tempoh Januari hingga Disember 2020 telah mencapai tahap AMAT BAIK iaitu Skor 4.40 atau 94.27% berdasarkan Skala Balanced Scorecard (BSC) bagaimanapun skor pada tahun 2019 adalah 4.46% atau 94.68%.

SOCSO STRATEGIC AND PERFORMANCE MANAGEMENT 2020

In 2020, using the Balanced Scorecard (BSC) System, a total of twenty (20) SOCSO KPI 2020 were developed, based on the four key BSC perspectives,namely, Clients, Finance, Internal Process and Organisational Capacity.

Overall, SOCSO's performance for the period of January to December 2020 achieved a VERY GOOD level with a Score of 4.40 or 94.27% based on the Balanced Scorecard Scale. However, the score achieved in 2019 was 4.46 or 94.68%.





PERKESO



DIARI KORPORAT
CORPORATE DIARY

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Penularan pandemik COVID-19 sepanjang tahun 2020, tidak menghalang PERKESO terus memacu kecemerlangan dengan kejayaan mendapat pelbagai anugerah dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pencapaian PERKESO di peringkat antarabangsa yang diperolehi pada tahun 2020 antaranya:

- Frances Perkins Award 2020 di Konvensyen ke-106 IAIABC oleh International Association of Industrial Accident Boards and Commissions (IAIABC) yang berpusat di Amerika Syarikat bagi mengiktiraf kecemerlangan dalam mempromosikan kolaborasi dan persefahaman antara majikan, pekerja dan agensi keselamatan sosial;

- Red Hat APAC Innovation Awards 2020 di Red Hat Forum Asia Pacific 2020 yang mengiktiraf pencapaian teknologi yang mengambarkan pemikiran kreatif, penyelesaian masalah dan penggunaan inovatif penyelesaian Red Hat untuk mencapai matlamat organisasi serta menangani cabaran masa depan;

- Innovation Award For Neuro Robotics Rehabilitation & Cybernics oleh ASEAN Social Security Association (ASSA)

Pada tahun 2020, antara pencapaian PERKESO di peringkat kebangsaan:

- Pensijilan MS ISO 39001:2013, Pengurusan Keselamatan Jalan Raya;

- Paynet's Malaysian e-Payments Excellence Awards 2020 (Government Sector);

- Tiga (3) Anugerah Emas dalam Konvensyen Team Excellence sempena Annual Productivity Innovation & Convention (APIC 2020) anjuran Malaysia Productivity Corporation dengan penyertaan 3 kumpulan berikut:

  - Kumpulan Kinetik, Cawangan Penguatkuasaan

  - Kumpulan D'Prodigious dari CRM, Bahagian Pengurusan Korporat

  - Kumpulan Licious dari PP Putrajaya

- Dua (2) Kumpulan Team Excellence PERKESO telah berjaya mendapat Anugerah 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam (Persekutuan) serta layak mara ke peringkat antarabangsa yang akan dianjurkan pada tahun hadapan. Kumpulan tersebut adalah

  - Kumpulan Kinetik dari Cawangan Penguatkuasaan

  - Kumpulan Licious dari PP Putrajaya

AWARDS AND RECOGNITION

The COVID-19 pandemic throughout 2020 did not stop SOCSO from continuting to drive excellence with successes in getting various awards and recognition, at national and international levels.

- *Frances Perkins Award 2020 at the 106th IAIABC Convention organised by the International Association of Industrial Accident Boards and Commissions based in the United States of America to recognise excellence in the promotion of collaboration and understanding between employers, employees and social security agencies;*
- *Red Hat APAC Innovation Awards 2020 at the Red Hat Forum Asia Pacific 2020 which recognised technological achievements reflecting creative thinking, problem-solving and the innovative use of Red Hat solution to achieve the goals of the organistion as well as handling future challenges;*
- *Innovation Award for Neuro Robotics Rehabilitation & Cybernics by ASEAN Social Security Association (ASSA).*

Among the achievements of SOCSO at national level in 2020 are:

- *MS ISO 39001:2013 Management of Road Safety Certification;*
- *Paynet's Malaysian e-Payments Excellence Awards 2020 (Government Sector);*
- *Three (3) Gold Awards at the Team Excellence Convention in conjunction with the Annual Productivity and Innovation Convention (APIC 2020) organised by the Malaysian Productivity Corporation with the participation of the following 3 groups:*
  - *Kinetic Group, Enforcement Branch*
  - *D'Prodigious Group from CRM, Corporate Management Division*
  - *Licious Group from PP Putrajaya*
- *Two (2) SOCSO Team Excellence Groups managed to place in the Top 20 Best Public Sector Groups (Federal) and qualified to compete at the international level to be held next year. The groups are:*
  - *Kinetik Group from the Enforcement Branch*
  - *Licious Group from PP Putrajaya*

AKTIVITI SEPANJANG 2020
ACTIVITIES THROUGHOUT 2020

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA PERKESO & UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM)



Pada 10 Januari 2020, satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan di antara Universiti Teknikal Malaysia (UTEM) dan PERKESO. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Naib Canselor UTEM, Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim dan Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Mohammed Azman Bin Aziz Mohammed. Tujuan utama bagi jalinan kerjasama ini adalah untuk mendapat khidmat kepakaran daripada kumpulan penyelidik UTEM melalui bengkel, perbincangan saintifik dan aktiviti lain yang mempunyai kepentingan bersama demi membantu memulihkan pesakit yang sedang menjalankan rawatan rehabilitasi di Pusat Rehabilitasi PERKESO secara efektif dan berkesan.

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN SOCSO AND UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA (UTEM)

On 10 January 2020, a signing ceremoy of the Memorandum of Understanding (MoU) between Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) and PERKESO was held at TRRC. The MoU was signed by Professor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim, Vice Chancellor of UTeM and Dato' Sri Mohammed Azman Bin Aziz Mohammed, PERKESO Chief Executive Officer. The collaboration is to obtain expert services from UTeM research team through workshops, scientific discussions and activities of mutual interest in order to develop more effective and efficient rehabilitation treatment for clients.



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA PERKESO DENGAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan PERKESO telah diadakan pada 9 Mac 2020. MoU ini telah ditandatangani oleh Naib Canselor USIM, YBhg. Profesor Dr. Mohamed Ridza Wahiddin dan Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed. Jalinan kerjasama antara USIM dengan PERKESO adalah untuk memfokuskan kepada aspek penyelidikan dan pembangunan produk inovasi untuk menambahbaikkan sistem peralatan rehabilitasi melalui projek perintis 'MIRA Exergame'. 'MIRA Exergame' ini merupakan suatu platform perisian yang menggunakan sensor pengesan gerakan untuk menggalakkan penglibatan pesakit dalam sesi terapi mereka. Teknologi ini didapati lebih mesra pengguna dan dapat meningkatkan interaksi antara pesakit dengan aplikasi melalui gabungan latihan (exercise) dan permainan (games). Selain itu, teknologi aplikasi ini dapat membantu dalam pemulihan fizikal dan kognitif pesakit dengan lebih optimum.



MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) BETWEEN SOCSO AND UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

On 9 March 2020, a signing ceremony of Memorandum of Understanding (MoU) between Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) and PERKESO was held at USIM. The MoU was signed by YBhg. Professor Dr. Mohamed Ridza Wahiddin, Vice Chancellor of USIM and Dato' Sri Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, PERKESO Chief Executive Officer. The collaboration between USIM and PERKESO is to focus on aspects of research and product innovation development to improve rehabilitation equipment through the 'MIRA Exergame' pilot project. 'MIRA Exergame' is a software platform that uses motion sensing to encourage patients' involvement during their therapy sessions. This technology is found to be user-friendly and can improve user interaction on applications through the combination of exercise and games. In addition, this application technology can assist patients better optimized in physical and cognitive recovery.



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) PERKESO BERSAMA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)

Pada 11 Ogos 2020, PERKESO telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi menjalinkan kerjasama dalam pelaksanaan latihan dan penempatan pekerjaan dalam sektor pembinaan. Majlis tersebut disaksikan oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia dan YB Dato' Sri Hj Fadillah Bin Hj Yusof, Menteri Kanan (Infrastruktur) Menteri Kerja Raya.



Dengan termeterainya MoU ini, PERKESO akan menyalurkan insentif di bawah Program #PenjanaKerjaya yang diberikan oleh Kerajaan kepada CIDB untuk melatih pekerja yang diambil bekerja bermula 5 Jun 2020. Ini termasuklah lepasan ijazah/ sekolah, pekerja yang diberhentikan kerja dan juga penganggur. Melalui kolaborasi strategik ini, diharap dapat menggalakkan semua kontraktor dan pekerja yang berdaftar dengan CIDB untuk berdaftar dengan PERKESO dan seterusnya menawarkan jawatan kosong di Portal #MYFutureJobs.

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN SOCSO AND THE CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD (CIDB)

On 11th August 2020, SOCSO signed a Memorandum of Understanding with the Construction Industry Development Board (CIDB) to establish a cooperation in the implementation of training and job placement in the construction sector. The ceremony was witnessed by YB Datuk Seri M. Saravanan, Minister of Human Resources and YB Dato' Sri Hj Fadillah bin Hj Yusof, Senior Minister (Infrastucture) Ministry of Works.

With the signing of this Memorandum of Understanding, SOCSO will channel the incentives given by the Government under the PenjanaKerjaya programme to CIDB, to train workers employed commencing 5th June 2020. This includes degree holders/school leavers, employees who have been terminated from their jobs and the unemployed. It is hoped that this strategic collaboration will encourage all contractors and employees registered with CIDB to register with SOCSO and subsequently offer job vacancies in the MYFutureJobs portal.



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) PERKESO DAN PTPTN
MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN SOCSO AND PTPTN



Pada 26 Jun 2020, pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai di antara pihak PTPTN dan PERKESO untuk mewujudkan jaringan kerjasama bagi meningkatkan kesiapsagaan para peminjam dalam memasuki alam pekerjaan. Persefahaman ini turut menggalakkan para peminjam menggunakan Portal MYFutureJobs yang dilengkapi dengan ciri Artificial Intelligence (AI) dan Skill-Based Matching bagi mendapatkan padanan pekerjaan yang sesuai.

On 26th June 2020, an exchange of Memorandum of Understanding was sealed between PTPTN and SOCSO to create a network of cooperation to enhance the readiness of borrowers in entering the working world. This understanding also encourages borrowers to use the MYFutureJobs Portal which is equipped with Artificial Intelligence (AI) features and Skill-Based Matching to get suitable job matching.



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) PERKESO DAN LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN SOCSO AND LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)



Pada 9 Ogos 2020, PERKESO dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) mengenai perlindungan keselamatan sosial di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) kepada golongan nelayan. Pemeteraian MoU ini disaksikan oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan.

Menerusi MoU ini, dianggarkan seramai 40,000 nelayan di seluruh negara akan dicarumkan di bawah SKSPS mulai 15 Ogos 2020. Skim ini menyediakan perlindungan kepada pencarum sekiranya berlaku apa-apa musibah atau kemalangan semasa bekerja termasuk penyakit pekerjaan.

On 9th August 2020, SOCSO and Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) signed a Memorandum of Understanding on social security protection under the Self-Employment Social Security Scheme for fishermen. The signing of this Memorandum was witnessed by YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Minister of Agriculture and Food Industries.

Through this understanding, it is estimated that 40,000 fishermen nationwide will be contributing under the Self-Employment Social Security Scheme starting 15th August 2020. This scheme provides protection to contributors in the event of any injury or accident in the course of one's job, including occupational diseases.



PEMBUKAAN OPERASI FIT PORT TANJUNG PELEPAS

Pusat Rehabilitasi PERKESO di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor mula beroperasi secara rasmi pada 2 Mac 2020 dan lebih dikenali sebagai Fit-Port Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP). Ianya memfokuskan pada program pemulihan fizikal yang melibatkan rawatan fisioterapi yang komprehensif dan intensif untuk memaksimumkan potensi dan fungsi fizikal individu untuk menjalani kehidupan harian dan kembali bekerja secara optimum. Sehingga Disember 2020, seramai 27 orang klien telah menjalani rawatan rehabilitasi di Fit-Port Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP).

PEMBUKAAN OPERASI PUSAT REHABILITASI PERKESO KUALA TERENGGANU

Pusat Rehabilitasi PERKESO Kuala Terengganu (PRPKT) telah beroperasi secara rasmi pada 28 Jun 2020 dan terletak di dalam bangunan Hotel Permai, Kuala Terengganu. Seramai 6 orang anggota bertugas untuk memberikan rawatan yang komprehensif kepada klien. Sehingga Disember 2020, Pusat ini telah memberikan rawatan kepada 90 orang klien. Antara rawatan rehabilitasi yang ditawarkan adalah fisioterapi, terapi cara kerja dan rawatan menggunakan teknologi Cyberdyne dan Neuro-robotik.



OPENING OF THE TANJUNG PELEPAS FIT PORT OPERATIONS

Pusat Rehabilitasi PERKESO at Tanjung Pelepas Port, Johor officially began operations on 2 March 2020, also known as Fit-Port Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP). It focuses on comprehensive and intensive physiotherapy treatment to maximize clients' functional level in performing daily activities and possibility in returning to work. As of December 2020, a total of 27 clients have been treated at Fit-Port Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP).



OPENING OF THE KUALA TERENGGANU PERKESO REHABILITATION CENTRE OPERATIONS

Pusat Rehabilitasi PERKESO Kuala Terengganu (PRPKT) was officially began operation on 28 June 2020 and is located inside Hotel Permai, Kuala Terengganu. 6 staffs are allocated at PRPKT to provide comprehensive treatments to clients. As of December 2020, the centre has treated 90 clients. Services offered at PRPKT are Physiotherapy, Occupational Therapy and Cyberdyne Neuro-robotics treatment.



PEMBUKAAN OPERASI PUSAT REHABILITASI PERKESO ARA DAMANSARA

Pusat Rehabilitasi PERKESO Ara Damansara (PRPAD) merupakan Pusat Satelit yang ketiga telah ditubuhkan pada tahun 2020. Pusat ini terletak di Ara Damansara Medical Centre dan telah mula beroperasi pada 1 September 2020. Rawatan di pusat ini memfokuskan pada penjagaan perubatan dan dilengkapi dengan wad yang beroperasi selama 24 jam. Sehingga Disember 2020, PRPAD telah memberikan rawatan kepada 65 orang klien.

OPENING OF THE ARA DAMANSARA PERKESO REHABILITATION CENTRE

Pusat Rehabilitasi PERKESO Ara Damansara (PRPAD) is the third Satellite Center of PERKESO established in year 2020. PRPAD is located inside Ara Damansara Medical Centre and has started operating on 1 September 2020. It is equipped with 24 hours operating wards. As of December 2020, PRPAD has treated a total of 65 clients.



PEMBUKAAN OPERASI PUSAT NEURO ROBOTIK HUSM KUBANG KERIAN, KELANTAN

Pada 28 September 2020, Pusat Neuro-Robotik HUSM Kubang Kerian, Kelantan telah mula beroperasi bagi memberikan rawatan yang komprehensif melalui penggunaan Peralatan Teknologi Cyberdyne sebagai modaliti dalam merawat klien. Di pusat ini juga klien diberikan rawatan yang memfokuskan pada pemulihan fizikal melalui rawatan fisioterapi. Kapasiti maksimum klien yang boleh mendapatkan rawatan di pusat adalah 20 hingga 25 orang pada satu-satu masa. Sehingga Disember 2020, seramai 23 orang klien telah menjalani rawatan di sini.



OPENING OF THE HUSM KUBANG KERIAN NEURO ROBOTIC CENTRE OPERATIONS

Neuro-Robotics Centre at HUSM Kubang Kerian, Kelantan has started operating on 28 September 2020. Cyberdyne equipment has been used as a modality in treating clients. Besides, Physiotherapy treatment are also offered at HUSM. The maximum capacity is limit to 20-25 people at a time. As of December 2020, a total of 23 clients have been treated at HUSM.



KARNIVAL WOW

PERKESO terus memperhebatkan strategi promosi promosi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dengan menjayakan penganjuran Karnival WOW. "WOW" adalah akronim daripada 'World of Work'. Objektif penganjuran karnival ini adalah untuk menyebarluas maklumat berhubung SKSPS dan menggalakkan Orang Bekerja Sendiri (OBS) berdaftar dan mencarum di bawah skim tersebut.

Program ini juga merupakan satu inisiatif PERKESO dalam usaha mempromosikan jaringan keselamatan sosial kepada majikan dan pekerja. Pelbagai aktiviti menjadi tarikan sepanjang karnival berlangsung di antaranya Mini Karnival Pekerjaan EIS, Program Saringan Kesihatan secara percuma dan pelancaran karavan serta bas saringan kesihatan (HSP) PERKESO.

WOW CARNIVAL

SOCSO continues to enhance the strategy to promote its Self-Employment Social Security Scheme by organising the WOW Carnival. WOW is the acronym of the phrase 'World of Work'. The objective of this carnival is to spread information regarding the Self-Employment Social Security Scheme and to encourage Self-Employed Persons to register and contribute under the scheme.

This programme is also one of SOCSO's initiatives to promote social security network to employers and employees. Various activities were carried out as attraction throughout the carnival such as the EIS Mini Job Carnival, the Health Screening Programme which was conducted free of charge, and the launching of SOCSO's Health Screening Programme bus and caravan.





ROADSHOW SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI

Roadshow ini bertujuan untuk mendekati golongan sasaran iaitu individu yang bekerja sendiri bagi memberi maklumat dan penjelasan tentang skim dan faedah PERKESO. Roadshow SKSPS dilaksanakan dengan jayanya di enam (6) zon di seluruh Malaysia iaitu di Zon Tengah, Zon Timur, Zon Selatan, Zon Sabah, Zon Sarawak dan Zon Utara.

Roadshow ini mendapat sambutan yang amat baik daripada Orang Bekerja Sendiri (OBS) dan menggambarkan bahawa PERKESO di landasan yang betul bagi memastikan golongan ini dan ahli keluarga mereka terus dilindungi.

SELF-EMPLOYMENT SOCIAL SECURITY SCHEME ROADSHOW

This roadshow was held with the intention of approaching the target group namely individuals who are self-employed, to give them information and explanation on the schemes and benefits offered by SOCSO. The roadshow was successfully held in six (6) zones nationwide – Central Zone, East Zone, South Zone, Sabah, Sarawak and Northern Zone.

The programme was very well-received by Self-Employed Persons and gave a picture that SOCSO is on the right track towards ensuring this group and their families continue to be protected.

KONVENSYEN PENGUATKUASAAN

Konvensyen Penguatkuasaan PERKESO melibatkan seramai 450 orang pegawai PERKESO yang terdiri daripada Ketua Unit Penguatkuasaan, Penyelia, Pegawai Dakwa, dan Pegawai Pemeriksa (Tetap dan Kontrak). Objektif konvensyen ini adalah memperkenalkan strategi terbaik dan kaedah terkini dalam melaksanakan aktiviti pemeriksaan dan penguatkuasaan melalui sistem-sistem sokongan yang dibangunkan oleh Cawangan Penguatkuasaan, memberikan pengiktirafan dan penganugerahan ke atas pencapaian cemerlang yang ditunjukkan pegawai/pejabat sebagai pemangkin dan suntikan semangat berterusan kepada semua pegawai/pejabat, dan juga platform untuk sesi dialog, perkongsian maklumat, pengalaman dan kaedah terbaik dalam melaksanakan aktiviti Penguatkuasaan. Antara intipati konvensyen adalah sesi dialog (Sesi Secawan Kopi) yang membincangkan isu-isu berkaitan penguatkuasaan dan penambahbaikan operasi ke arah pendigitalan dan Revolusi 4.0 bersama-sama Ketua Eksekutif PERKESO.

ENFORCEMENT CONVENTION

The SOCSO Enforcement Convention was held with the involvement of 450 SOCSO officers comprising the Head of Enforcement Unit, Supervisors, Prosecuting Officer as well as Inspection Officers (Permanent and Contract). The objective of this convention is to introduce the best strategy and latest methods of carrying out inspection and enforcement activities using the supporting systems developed by the Enforcement Branch, as well as to recognise and award excellent achievements by the officers/offices as catalyst and continued motivation to all. It was also held as a platform for dialogue sessions, sharing of information, experience and best methods in the implementation of enforcement activities. Among the gist of the convention is the dialogue session (Coffee Session) to discuss issues related to enforcement and improvement of operations towards digitalisation and Revolution 4.0 with the Chief Executive of SOCSO.

OPS KESAN

Pelaksanaan Ops Kesan PERKESO pada tahun 2020 dilancarkan pada 02 Mac 2020 dengan aktiviti 'turun padang' oleh YBhg Dato' Sri Ketua Eksekutif PERKESO. Tahun 2020 juga menyaksikan tahun kedua usaha bersepadu antara PERKESO dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam pelaksanaan Ops Kesan. Tindakan kompaun maksimum sehingga RM5,000 boleh dikenakan ke atas majikan sekiranya mereka didapati gagal berdaftar dengan PERKESO. Penglibatan pengurusan tertinggi PERKESO dalam aktiviti ini menggambarkan PERKESO amat serius dalam memastikan semua pekerja di Malaysia dilindungi di bawah skim-skim yang disediakan oleh PERKESO. Pada tahun 2020, bilangan kompaun yang dikeluarkan kepada majikan adalah sebanyak 2,488 dengan jumlah kompaun sebanyak RM2.0 juta.

OPS KESAN

SOCSO's Ops Kesan was launched on 2nd March 2020 with the 'turun padang' activity by the Chief Executive. The year 2020 saw the second year of integrated effort between SOCSO and the Employees' Provident Fund (EPF) in the implementation of Ops Kesan. A maximum compound of RM5,000 may be imposed on employers if they fail to register with SOCSO. The involvement of SOCSO's top management in this activity reflects the organisation's seriousness in ensuring all workers in Malayia are protected under the schemes offered by SOCSO. 2,488 compounds were issued against employers in 2020, involving a total of RM2.0 million in compounds.





KEMPEN SELAMAT KE TEMPAT KERJA PERINGKAT KEBANGSAAN PERKESO 2020

Pelancaran kempen kali ke sembilan ini telah dirasmikan oleh YDH DCP Datuk Goh Boon Keng, Timbalan Ketua Polis Negeri Perak pada 05 Mac 2020 bertempat di Tesco Bernam, Ipoh Perak dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia dan Tesco Stores (M) Sdn Bhd. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran golongan pekerja agar lebih peka dengan pencegahan kemalangan perjalanan terutamanya pergi dan balik kerja serta membantu majikan melaksanakan pengurusan perjalanan selamat kepada pekerja dengan lebih efektif. Dalam majlis tersebut turut diserahkan topi keledar dan vest keselamatan kepada wakil pekerja Tesco, khususnya yang menggunakan kenderaan ke tempat kerja dengan menekankan kepentingan menjaga keselamatan semasa pergi dan balik kerja.



SOCSO NATIONAL SAFE COMMUTE TO WORK CAMPAIGN 2020



The launch of the ninth campaign was officiated by YDH DCP Datuk Goh Boon Keng, Deputy Chief of Police, Perak, on 5th March 2020 at Tesco Bernam, Ipoh, Perak. The campaign was held with the cooperation between the Royal Malaysian Police and Tesco Stores (M) Sdn Bhd with the intention of increasing awareness of workers, to be more alert with regards to prevention of accidents during the commute to work, as well as helping employers implement management of safe commute to work more effectively. Helmets and safety vests were presented to representatives of Tesco employees, specifically for the use in the commute to work. This emphasises the importance of safety during the commute to and from the work place.

2020 WAPES ASIA-PACIFIC REGIONAL CONFERENCE

PERKESO dengan kerjasama World Assosiation of Public Employment Services (WAPES) dan Korea Employment Information Service (KESI) menganjurkan 2020 WAPES Asia-Pacific Regional Conference. Persidangan ini bertujuan untuk membincangkan mengenai strategi bagi menangani masalah pengangguran dan merangsang pasaran buruh yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

2020 WAPES ASIA-PACIFIC REGIONAL CONFERENCE

SOCSO, in collaboration with the World Association of Public Employment Services (WAPES) and Korean Employement Information Service (KESI) organised the 2020 WAPES Asia-Pacific Regional Conference. The conference was held for the purposes of discussing strategies in managing the problem of unemployment as well as in stimulating the labour markets which have been affected by the spread of COVID-19.

PROGRAM SARINGAN COVID-19 BAGI PEKERJA ASING

Pada 9 Disember 2020, PERKESO dengan kerjasama Qualitas Medical Group dan Kumpulan Syarikat Kossan telah mengadakan Program Saringan COVID-19 bagi Pekerja Asing secara berperingkat. Ujian saringan ini bermula sejak 03 Disember yang mensasarkan lebih 8,000 pekerja termasuk 4,800 warga asing yang bekerja dengan majikan tersebut. Tujuan program ini adalah untuk memastikan rantaian penularan COVID-19 dapat diputuskan terutama di tempat kerja.

COVID-19 SCREENING PROGRAMME FOR FOREIGN WORKERS

On 9th December 2020, SOCSO in collaboration with Qualitas Medical Group and Kumpulan Syarikat Kossan held the COVID-19 Screening Programme in stages. Screening began on 3rd December 2020 and targeted more than 8,000 workers including 4,800 foreign workers employed by the said employers. The purpose of the programme was to ensure that the chain of COVID-19 spread can be broken, especially at the work place.





KARNIVAL PENJANAKERJAYA PERKESO



Bagi memastikan program PenjanaKerjaya ini disebarluas kepada semua lapisan masyarakat, tahun 2020 menyaksikan PERKESO menganjurkan 12 Karnival PenjanaKerjaya berskala besar dengan jayanya termasuk 6 yang berlangsung secara maya. Antara Karnival PenjanaKerjaya yang diadakan di seluruh Malaysia adalah seperti:

- Karnival PenjanaKerjaya Negeri Perak pada 25 Julai 2020, bertempat di Arena Merdeka Tapah Perak;
- Karnival PenjanaKerjaya Negeri Melaka pada 18-19 Ogos 2020, bertempat di Melaka International Trade Centre, (MITC) Melaka;
- Karnival PenjanaKerjaya Hulu Selangor pada 12 September 2020, bertempat di Auditorium Dato' Abd. Hamid, Batang Kali, Selangor;
- Karnival PenjanaKerjaya Negeri Sembilan pada 20 September 2020, bertempat di Palm Mall, Seremban, Negeri Sembilan;
- Karnival PenjanaKerjaya Negeri Perak pada 26 September 2020, bertempat di Pusat Konvensyen Sungai Siput, Perak; dan
- Karnival PenjanaKerjaya Belia 2020 pada 24-26 November 2020 yang diadakan secara dalam talian.

SOCSO PENJANAKERJAYA CARNIVAL



In order to ensure that the PenjanaKerjaya programme is widely promoted among all levels of society, the year 2020 saw SOCSO organising 12 large-scale PenjanaKerjaya Carnivals, 6 of which were held virtually. Among the PenjanaKerjaya held throughout Malaysia are:

- *Perak PenjanaKerjaya Carnival on 25th July 2020 at Arena Merdeka, Tapah, Perak;*
- *Melaka PenjanaKerjaya on 18th-19th August 2020 at the Melaka International Trade Centre (MITC), Melaka;*
- *Hulu Selangor PenjanaKerjaya Carnival on 12th September 2020 at Auditorium Dato' abd Hamid, Batang Kali, Selangor;*
- *Negeri Sembilan Penjana Kerjaya Carnival on 20th September 2020 at Palm Mall, Seremban, Negeri Sembilan;*
- *Perak PenjanaKerjaya Carnival on 26th September 2020 at Pusat Konvensyen Sungai Siput, Perak; and*
- *Youth PenjanaKerjaya Carnival 2020 on 24th-26th November 2020, held online.*

LARIAN PERKESO 2020

Larian PERKESO 2020 berlangsung dengan jayanya di Kuching Sarawak dan pertama kali dilaksanakan di luar Kuala Lumpur/ Putrajaya. Penganjuran ini adalah kerjasama di antara PERKESO dengan Mesis Sdn Bhd dan mendapat sambutan daripada lebih kurang 1,500 orang peserta. Program ini dilaksanakan untuk menggalakkan rakyat Malaysia membudayakan gaya hidup sihat agar dapat menjana minda yang cergas serta meningkatkan produktiviti diri dan organisasi.

SOCSO RUN 2020

The SOCSO Run 2020 was successfully held for the first time ever outside of Kuala Lumpur/Putrajaya, in Kuching, Sarawak. The event was organised in collaboration with Mesis Sdn Bhd with approximately 1,500 participants. This programme was held to encourage Malaysians to enculturate a healthy lifestyle in order to generate quick minds a swell as improve productivity of one's self as well as the organisation.





LAWATAN SULTAN PERAK KE PUSAT REHABILITASI PERKESO TUN ABDUL RAZAK (TRRC) MELAKA

TRRC mencatatkan lagi sejarah pada 27 Julai 2020 dengan kehadiran DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah mencemar duli berangkat ke TRRC untuk melihat kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di TRRC. Keberangkatan baginda turut diiringi Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia, YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Bin Md. Ali, Ketua Menteri Melaka dan YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Haji Azumu, mantan Menteri Besar Perak.

SULTAN OF PERAKS'S VISIT TO THE TUN ABDUL RAZAK PERKESO REHABILITATION CENTRE (TRRC) MELAKA

It was another momentous occasion in the history of TRRC on 27th July 2020 when DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah arrived for a visit at the centre to view the facilities and services offered. His Royal Highness was accompanied by Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua of Melaka, YB Datuk Seri M Saravanan, Minister of Human Resources, YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Chief Minister of Melaka and YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Haji Azumu, the former Menteri Besar of Perak.





WORKPLACE HEALTH PROMOTION SEMINAR 2020 & ACTIV@WORK CHALLENGE 2019 AWARD CEREMONY

Pada 21 Julai 2020, PERKESO dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia (KSM) sekali lagi telah berjaya menganjurkan Workplace Health Promotion Seminar 2020 dan Activ@Work Challenge 2019 Award Ceremony. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia, dengan disaksikan oleh Dato' Seri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO.

Program tahunan yang dikelolakan oleh Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan, PERKESO ini bertujuan untuk memperkasa dan mempromosikan pembudayaan amalan kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja oleh majikan dan pekerja di Malaysia.

Sambutan yang diterima bagi penganjuran program Activ@Work Challenge 2019 cukup menggalakkan apabila seramai 237 majikan dan lebih 30,000 pekerja telah menyertai program ini. Pertandingan yang berlangsung dari September hingga November 2020 ini telah mempertandingkan beberapa kategori iaitu Ruby, Emerald, Sapphire, Amethyst dan Government mengikut kumpulan majikan dan pekerja.

Oleh kerana penularan pandemik COVID-19, majlis yang telah berlangsung di Dewan Tun Dr. Ismail, World Trade Centre (WTC) ini dibuat dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat seperti ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) oleh pihak penganjur.

WORKPLACE HEALTH PROMOTION SEMINAR 2020 & ACTIV@WORK CHALLENGE 2019 AWARD CEREMONY

On 21st July 2020, SOCSO in collaboration with the Ministry of Human Resources once again successfully organised the Workplace Health Promotion Seminar 2020 and the Activ@Work Challenge 2019 Award Ceremony. The events were officiated by Datuk Seri M. Saravanan, Minister of Human Resources in the presence of Dato' Seri Dr Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO.

The annual programme organised by the Prevention, Medical and Rehabilitation Division of SOCSO was held to strengthen and promote the enculturation of health and wellbeing at the work place by employers and employees in Malaysia.

The Activ@Work Challenge 2019 received overwhelming response when 237 employers and more than 30,000 employees participated in the programme. The competition was held from September to November 2020, separated into several categories namely, Ruby, Emerald, Sapphire, Amethyst and Government according to groups of employers and employees.

In view of the COVID-19 pandemic, the ceremony which was held at Dewan Tun Dr Ismail, World Trade Centre (WTC) saw strict compliance of the standard operating procedures stipulated by the National Security Council.





PERGINYA KETUA KELUARGA DI HARI RAYA BUAT SELAMANYA

Penyerahan penyampai faedah PERKESO oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Haji Awang Bin Hashim kepada balu hasil tindakan proaktif Skuad PERKESO Prihatin. Arwah merupakan seorang Sarjan Polis Bantuan yang bertugas di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Alor Setar, Kedah yang telah terkorban dalam kemalangan dalam perjalanan pulang ke rumah. Arwah meninggalkan seorang balu dan 2 orang anak yang masih bersekolah. Balu yang merupakan seorang suri rumah sebak bila dikunjungi oleh Skuad Perkeso Prihatin walaupun urusan pasca kematian belum diuruskan lagi dan sangat menghargai tindakan serta bantuan yang dihulurkan.

LOSS OF HEAD OF FAMILY ON HARI RAYA

The Minister of Human Resources, YB Datuk Haji Awang bin Hashim handed over SOCSO benefit payment to the widow of a Sergeant in the Auxilliary Police on duty at Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar, Kedah who perished in an accident on his way home from work. This came about as a result of the proactive action by the SOCSO Prihatin Squad. The deceased was survived by a widow and 2 children who are still in school. The widow, a housewife, was overwhelmed with emotion during the SOCSO Prihatin Squad visit. At the time, matters post-death have yet to be settled and the widow greatly appreciated the action taken as well as the aid granted to her.



BERAT MATA MEMANDANG, BERAT LAGI BAHU DIPIKUL

Cuaca mendung mengiringi suasana pada pagi ini, seolah-olah turut sama menangisi pemergian arwah Zulkifle Bin Musiran apabila Skuad PERKESO Prihatin Negeri Melaka membuat lawatan ke rumah waris arwah Zulkifle di kediaman mereka di Jalan Malim, Bachang pagi ini. Zulkifle Bin Musiran, seorang rider GrabFood berusia 40 tahun yang juga seorang Orang Kurang Upaya (OKU) pekak pendengaran dan bisu telah kemalangan jalanraya di bulatan Dataran Klebang pada 27 September 2020 sewaktu dalam perjalanan untuk mengambil pesanan makanan telah meninggal dunia pada 28 September 2020. Arwah, telah meninggalkan seorang balu berusia 34 tahun yang sedang mengandung 5 bulan di samping empat orang anak yang lain berusia di antara umur 4 hingga 10 tahun yang masih bersekolah.

EMPATHY TO THE BURDEN OF OTHERS

The overcast weather seemed to reflect the mourning over the passing of Zulkifle bin Musiran, at the time of the Melaka SOCSO Prihatin Squad's visit to the home of his next-of-kin at Jalan Malim, Bachang. Zulkifle, a 40-year old GrabFood rider who was also a disabled person (deaf and mute), met with an accident at the Dataran Klebang roundabout on 27th September 2020 on his way to collect food delivery. He passed way on 28th September 2020. The deceased is survived by a widow, 34 years of age, who is 5 months pregnant and four other children aged between 4 and 10 years old.





MAJLIS PENYERAHAN FAEDAH OB SKIM KEILATAN DI PENDANG, KEDAH

Satu majlis penyerahan faedah PERKESO kepada dua Orang Berinsurans (OB) yang disahkan menghidap keilatan telah berlangsung pada 25 Disember 2020 di kediaman OB masing-masing di sekitar Pendang, Kedah. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Datuk Awang Bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia merangkap Ahli Parlimen Pendang. Turut hadir sama ialah Pengarah PERKESO Negeri Kedah, Shaharuddin Bin Waled.

OB iaitu Md Zukarni Bin Ramli, 38 tahun, telah mengalami sakit kencing manis, buah pinggang serta masalah saraf sejak 2017. Manakala, Azizah Binti Saadin pula telah menderita akibat sakit tulang belakang sejak 2016. Kedua-dua OB merupakan pencarum aktif Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan layak menerima faedah-faedah di bawah Skim Keilatan PERKESO.

